Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial ©

# TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL

## JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL

**BILANGAN 6, JILID 1**

DIS 2016 eISSN: 2289-7356

**POLYTECHNIC EDUCATION DEPARTMENT, MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA**
IN COLLABORATION **WITH NILAI POLYTECHNIC NEGERI SEMBILAN**
**DECEMBER 2016**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
DENGAN KERJASAMA **POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN**
**DISEMBER 2016**

Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial ©

# TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
# JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL

BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK DENGAN KERJASAMA POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

## ARTICLES/ARTIKEL — PAGES

**MATLAMAT PENGAJARAN BERFIKIR KRITIS MENURUT GURU PENDIDIKAN ISLAM** — 1-19
NURSAFRA MOHD ZHAFFAR, MOHD ISA HAMZAH & KHADIJAH ABDUL RAZAK

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PEMERIKSAAN SISTEM PENGESAHAN HALAL DI MALAYSIA** — 20-29
NOOR FITERI ABDULLAH & AFZANIZAM ALIAS

**MENINGKATKAN PENGUASAAN HURUF VOKAL ALIF DALAM PENULISAN SUKU KATA TERBUKA DAN TERTUTUP MENGGUNAKAN TEKNIK 'KUNCI MANGGA'** — 30-46
NAQUIAH NAHAR, JIMAAIN SAFAR

**KONSEP AMALAN ETIKA KEPERAWATAN ISLAM DI HOSPITAL PUSRAWI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR** — 47-56
SHARIFAH HAMZAH, AHMAD MUNAWAR ISMAIL & MUHAMMAD ADIB SAMSUDIN

**STRATEGI PEMBELAJARAN NAHU BAHASA ARAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN NAHU PELAJAR** — 57-71
KAMARULZAMAN ABDUL GHANI & SUHAIDAH ABDUL SAMAT

**PENGAPLIKASIAN ASPEK SOSIO BUDAYA MALAYSIA DALAM TEKS PEMBELAJARAN WACANA ARAB** — 72-86
MOHD ZUHIR ABD RAHMAN & WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMMAD

**PERSEPSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM** — 86-97
BANI HIDAYAT MOHD SHAFIE & NOR HAYATI FATMI TALIB

**PENDEKATAN BIMBINGAN PENSYARAH PENYELIA DALAM PRAKTIKUM PISMP PENDIDIKAN ISLAM RENDAH** — 98-113
ISHAK ABD MANAF, AB. HALIM TAMURI & KHADIJAH ABD RAZAK

**THE EFFECTS OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' READINESS IN TEACHING SEXUAL EDUCATION ELEMENTS** — 114-125
SITI SUHAILA IHWANI, ADIBAH MUHTAR, NORHAFIZAH MUSA, ZETTY NURZULIANA RASHED & AB. HALIM TAMURI

**KE ARAH KECEMERLANGAN MENERUSI PEMBUDAYAAN INOVASI** — 126-135
ASMAWATI SUHID, MOHD. ADERI CHE NOH, ABD. MUHSIN AHMAD & KHADIJAH ABDUL RAZAK

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# SIDANG EDITOR

**Ketua Editor**
Nor Hayati Fatmi Talib - Politeknik Banting Selangor

**Editor**
Ima Rahayu Abd. Rahman – Politeknik Banting Selangor
Khadijah Abdul Razak – Universiti Kebangsaan Malaysia
Liyana Ibrahim – Politeknik Banting Selangor
Marzuki Sepiaail – Politeknik Sultan Azlan Shah
Mohd Zuhir Abd Rahman – Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Ahmad Razimi Mat Lazim – Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Narizan Abdullah – Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Halimah Che Hassan – Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Syamilah Mohd Shah - Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Zainab Hanina Abdul Samad – Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Lembaga Penasihat**
Hj. Gamal Zakaria – Universiti Brunei Darussalam
Ahmad Tarmizi Talib - Universiti Putra Malaysia
Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia
Ahmad Munawar Ismail – Universiti Kebangsaan Malaysia

**Penasihat**
Mohamad Abdullah – Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP
Left. Kol. Bersekutu (PA) Hj. Mohamad Amin Hamat – Politeknik Nilai Negeri Sembilan

**Pewasit**
. Azmil Hashim – Universiti Pendidikan Sultan Idris
Abdul Aziz Mahayudin - IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi
Norhapizah Mohd Burhan – UiTM Kampus Jengka
Mazdi Marzuki - Universiti Pendidikan Sultan Idris
Bani Hidayat Bin Mohd Shafie – IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi
Hasanuldin Mohd – Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin
Norhannan Ramli – IPGM Cyberjaya KPM
Ahmad Tarmizi Talib – Universiti Putra Malaysia
Hamdi Ishak – Universiti Kebangsaan Malaysia
Noor Hisham Md Nawi – Universiti Malaysia Kelantan
Latifah Abdul Majid - Universiti Kebangsaan Malaysia

**Pembaca Pruf**
Nurul Asiah Fasehah Muhamad - Universiti Sains Islam Malaysia

# NOTE TO CONTRIBUTORS

Journal of Technical and social sciences (TSSJ) is multi-disciplinary journal covering from Technical, Engineering, Language, Education, Islamic Education, Islamic Civilization, Economy and Philosophy. This journal is publish in soft-copy eISSN twice yearly in June and December. All articles should comply the following guidelines:

1. Original manuscript that has never been published before, and not in any reviewing process by any publisher.
2. Number of words is between 8000 to 11000 including 300 words (maximum) for the abstract.
3. Number of pages is in between 10 to 15 pages including references, single-spaced, using font Cambria size 11 on A4 paper.
4. Manuscript must be written either in Bahasa Melayu or English.
5. Manuscript with illustrations (diagrams/tables/graphs/charts) that are associated with the coloured manuscripts must be retained and attached in jpeg file.
6. Academic writing with endnote for reference consisting of author's details, year, full title, place of publication and publisher's name.
7. The manuscript will go through plagiarism filters that must surpass similarity (similarity maximum 30%) with no sensitive elements.
8. All contributors must display full name, position, institution and email address.
9. Arabic transliteration can be used if necessary.
10. Manuscripts are accepted when they comply to manuscript assessor feedback.
11. Authors must agree to publish in Journal of Technical and Social Sciences.
12. Outside `margin 'is 1 inch except for the left margin is 1½ inches.
13. Title must contain the topic, author's name and name of institution.
14. Pages are numbered on the bottom right corner.
15. All manuscripts must contain an abstract, text (introduction, methodology, results, discussion of the findings and implications) and reference (no footnotes).
16. The decision to publish or not will be based on the editorial board, referees evaluation and has passed plagiarism screening.
17. For questions, please feel free to contact :

    Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib
    General Studies Department
    Polytechnic Banting Selangor
    yati_6709@yahoo.com
    norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my

# CATATAN BAGI PENYUMBANG ARTIKEL

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial (JTSS) merupakan jurnal yang diterbitkan merentasi pelbagai disiplin Ilmu merangkumi Teknikal, Kejuruteraan, Bahasa, Pendidikan, Pendidikan Islam, Tamadun Islam, Ekonomi, Falsafah dan sebagainya. Jurnal ini diterbitkan secara salinan lembut eISSN sebanyak 2 penerbitan setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember. Sumbangan artikel perlulah menepati garis panduan berikut:

1. Manuskrip asli oleh penulis yang belum pernah diterbitkan, bukan dalam peringkat penilaian atau penerbitan mana-mana pihak penerbit.
2. Bilangan perkataan antara 8,000 hingga 11,000 perkataan sahaja termasuk 300 perkataan (maksimum) abstrak.
3. Bilangan mukasurat hendaklah antara 10 hingga 15 mukasurat termasuk rujukan, bertaip langkau satu (*single*), menggunakan tulisan Cambria bersaiz 11 di atas kertas bersaiz A4.
4. Manuskrip mesti ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Manuskrip lengkap dengan ilustrasi (gambarajah/jadual/graf/carta dan sebagainya) yang berkaitan dengan manuskrip yang berwarna hendaklah dikekalkan dan dilampirkan dalam fail jpeg.
6. Penulisan secara ilmiah dengan nota hujung (*endnote*) bagi rujukan mempunyai maklumat penulis, tahun, tajuk lengkap, tempat diterbitkan dan nama penerbit.
7. Manuskrip akan melalui saringan palagiat yang mesti melepasi kesamaan (*similarity* maximum 30%) dan tiada unsur-unsur sensitif.
8. Kesemua penyumbang artikel mesti memaparkan nama penuh, jawatan, tempat bertugas dan alamat email.
9. Boleh menggunakan transliterasi Arab jika perlu.
10. Syarat penerimaan manuskrip adalah apabila menepati maklumbalas penilai manuskrip.
11. Semua senarai penulis mesti bersetuju untuk manuskrip diterbitkan dalam Jurnal Teknikal dan Sains Sosial.
12. `Outside margin' adalah 1 inci kecuali sebelah kiri 1½ inci.
13. Tajuk mesti mengandungi topik, nama penulis dan nama institusi.
14. Nombor mukasurat sebelah bawah kanan.
15. Manuskrip mesti mengandungi abstrak, teks (pendahuluan, metodologi, dapatan, perbincangan dapatan dan implikasi) dan rujukan (tiada nota kaki).
16. Keputusan penerbitan adalah berdasarkan sidang editor, penilaian pewasit dan melepasi saringan palagiat.
17. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

    Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib
    Jabatan Pengajian Am, Politeknik Banting Selangor.
    yati_6709@yahoo.com
    norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# MATLAMAT PENGAJARAN BERFIKIR KRITIS MENURUT GURU PENDIDIKAN ISLAM

**Nursafra Mohd Zhaffar**
**Mohd Isa Hamzah**
**Khadijah Abdul Razak**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRACT

Thinking skills was seen as unrelevance in Islamic Education (IE) system. There was a view stated that IE have to focus only within religious boundary with no connection toward worldly matters. However, there are also calls for the integrated approach of IE that combines reason and revelation. Therefore, this case study is carried out in order to investigate the views of Islamic Education teachers (IET) towards the goal and importance of teaching critical thinking in IE. However, the application of critical thinking in the study did not include things that are ghaibiyyat. The data is collected using semi-structured interviews, lesson observations and document analysis of the six IETs from secondary school. Next, the ATLAS.ti software version 7.5.12. is used to run the data analysis process. The main findings of this study show that the IETs infused critical thinking in their teaching for the benefit of the student outcomes, teachers' professional development, thinking culture development, to preserve the religion and build civilization. Hopefully, this study contributes toward understanding the deeper goal of teaching critical thinking in the context of IE nowadays.

**Key words:** Importance of teaching critical thinking, Islamic Education, Islamic Education teacher

## *ABSTRAK*

*Kemahiran berfikir dan sistem Pendidikan Islam (PI) tidak dilihat berjalan seiring. Terdapat pandangan yang berpegang kepada pengajaran PI perlu berbatas sekitar urusan ukhrawi sahaja. Namun, terdapat juga seruan ke arah pendekatan PI yang berintegrasikan akal dan wahyu. Justeru, kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini dijalankan bertujuan meneroka pandangan guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap matlamat dan kepentingan pengajaran berfikir kritis dalam PI. Walau bagaimanapun, aplikasi berfikir kritis dalam kajian ini tidak termasuk perkara-perkara yang bersifat ghaibiyyat. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen daripada enam orang GPI sekolah menengah. Seterusnya, perisian Atlas.ti versi 7.5.12. digunakan untuk membantu penganalisisan data dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan GPI menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran untuk kepentingan dari aspek kemenjadian murid, peningkatan profesionalisme guru, pembudayaan berfikir, memelihara agama dan pembinaan tamadun. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan ke arah memahami lebih mendalam matlamat berfikir kritis dalam konteks PI masa kini.*

***Kata kunci**: Matlamat pengajaran berfikir kritis, Pendidikan Islam, Guru Pendidikan Islam*

## PENGENALAN

Kemahiran berfikir dan sistem Pendidikan Islam (PI) tidak dilihat berjalan seiring berbanding subjek berbentuk saintifik dan teknologi (Mohd Zaidi, 2014). Hal ini kerana terdapat pandangan yang menyebut bahawa berfikir secara kritis tidak perlu diterapkan ke dalam kandungan bidang Pendidikan Islam. Alasannya, ilmu klasik susunan ulama' silam yang berasaskan wahyu adalah tetap dan tidak boleh dipinda sesuka hati (Suhailah Hussein, 2007). Tambahan lagi, pendokong pandangan ini mendakwa PI sebagai ekslusif; tidak mencampuri urusan bersifat duniawi (Mujamil Qamar, 2002). Selain itu, terdapat juga pandangan kedua yang mempercayai bahawa tanggungjawab guru adalah menyampaikan kandungan. Selebihnya murid sendiri bakal menyerap ilmu yang disampaikan secara automatik (Kazmi, 1999). Kedua pandangan ini memihak kepada PI perlu diajar tanpa menerapkan kemahiran berfikir. Namun, terdapat pandangan berbeza menegaskan sekiranya Pendidikan Islam tidak diajar secara kritis dengan menghubungkan perkara wahyu bersama mata pelajaran yang lain (contohnya Sains, Matematik dan Kejuruteraan), maka tidak mungkin konsep kesepaduan yang dihajatkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) berjaya (Mohd Zaidi, 2013).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Bersempena dengan transformasi pendidikan negara yang sedang berlangsung di bawah PPPM 2013-2025, subjek PI tidak terkecuali perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KPM, 2014). Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang dijalankan mendapati pengajaran PI yang dikendalikan bersifat dogmatik; bertumpu kepada teks wahyu dan amalan ritual, berlegar dalam ruang lingkup kelas, terpisah dengan subjek lain apatah lagi dengan kehidupan luar, berorientasikan peperiksaan dan kurang membudayakan penyelidikan dalam pengajaran (Rosnani Hashim, 1996; Ab. Halim et. al, 2004; Ab. Halim & Zarin Ismail, 2006; Kamarulzaman & Mohd Aderi, 2006; Mohd Aderi & Ahmad Yunus, 2012; Rosnani Hashim et al., 2014; Nurul Asiah Fasehah, 2015). Justeru, terdapat kepentingan untuk meneroka pandangan Guru Pendidikan Islam (GPI) sendiri selaku pelaksana terhadap kepentingan dan matlamat penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran PI berikutan matlamat inilah yang bakal memandu pendekatan pengajaran mereka dalam bilik darjah.

## PEMIKIRAN KRITIS DAN KEPERLUAN PENGAJARAN BERFIKIR KRITIS DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Istilah pemikiran kritis tidak disebut dalam al-Quran. Namun, ciri-ciri pemikiran kritis dan karakter seorang pemikir yang kritis telah Allah nyatakan pada banyak tempat melalui kalam suci al-Quran. Istilah yang digunakan untuk merujuk kepada galakan aktiviti berfikir termasuk *tafakkur, nadhār, tabassur, ta'ammul, tadabbur, tafaqquh, tadhakkur, i'atibar, ta'aqqul* dan *tawassum.* Ibn Qayyim (1999) mengklasifikasikan istilah-istilah ini sebagai jalan pemerolehan ilmu sama ada melalui penelitian ke atas ayat-ayat Allah yang terkandung dalam Al-Quran mahupun di alam semesta. Ini disokong oleh hadis-hadis Nabi antaranya hadis berkaitan ijtihad; pertanyaan Nabi kepada Muaz bin Jabal tentang kaedah berhukum (Abu Daud, 1993: No.3447) dan hadis berkaitan

pertanian di mana Nabi  meninggalkan urusan teknikal dan dunia kepada manusia untuk diputuskan (Muslim, 1987: No. 2175 & 2176).

Selain itu, Islam turut menggariskan prinsip umum supaya menyiasat kebenaran sesuatu perkara dengan mendatangkan bukti. Ini bertujuan menjauhi syak wasangka serta andaian yang salah. Allah berfirman dalam Surah al-Hujurat (49:6):

> Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini- dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan*". (Abdullah Muhamad Basmeih 2011: 1137)

Sementara itu, Allah turut menghubungkan perilaku mendatangkan bukti-bukti dan alasan yang kukuh dengan orang-orang yang benar. Ini bermakna usaha mencari petunjuk-petunjuk dan membentuk hujah berdasarkan bukti bukanlah usaha yang tidak bermanfaat. Malah, ia memandu fikiran kepada penemuan kebenaran. Nukilan tersebut terdapat dalam Surah An-Naml (27: 64) yang berbunyi:

> Maksudnya: "*Katakanlah (wahai Muhammad): "Bawalah ke mari keterangan-keterangan kamu (buktikanlah tentang benarnya perbuatan-perbuatan syirik yang kamu lakukan itu), jika betul kamu orang-orang yang benar*". (Abdullah Muhamad Basmeih 2011: 817)

Di samping itu, penyuburan berfikir kritis dalam Islam dapat dilihat melalui larangan bertaklid. Allah mengkhabarkan tentang perihal orang musyrik yang mengikut bulat-bulat kepercayaan dan amalan nenek moyang mereka terdahulu serta menolak seruan iman. Firman Allah tersebut dalam Surah Al-Maidah ayat 104 bermaksud:

> Dan apabila dikatakan kepada mereka: "*Marilah menurut kepada apa yang telah diturunkan oleh Allah (Al-Quran), dan kepada Rasulnya (yang menyampaikannya)", mereka menjawab: "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya." Adakah (mereka akan menurut juga) sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat hidayah petunjuk*? (Abdullah Muhamad Basmeih, 2011: 224)

Taklid bermaksud menerima sesuatu tanpa hujah (al-Ghazali, 1997). Orang yang bertaklid akan percaya, berpegang dan beramal dengan sesuatu pendapat terdahulu tanpa sangkalan atau cubaan mencari kesahihan pendapat tersebut. Beragama secara warisan dan amalan taklid menimbulkan salah faham dan kebekuan mentaliti. Implikasinya, khurafat berleluasa dan agama berfungsi sebagai sistem kepercayaan tanpa memberi impak kepada daya fikir dan daya amal (Sidek Baba, 2011).

Keyakinan tidak diperolehi dengan jalan taklid atau sangkaan. Al-Attas berbeza pandangan dalam hal ini dengan menyatakan bahawa penuntut ilmu boleh bertaklid selagi mana mereka belum cukup ilmu pengetahuan dalam bidang tertentu. Namun, bukanlah taklid buta yang dimaksudkan. bahkan penuntut ilmu tersebut perlu mengikut individu yang memiliki autoriti keilmuan (Wan Mohd Nor, 1995). Maksudnya, pendidikan dalam Islam mengajar manusia supaya tetap memanfaatkan akal untuk menilai,

membanding dan memilih pihak paling berkelayakan dalam bidang tertentu untuk diikuti padangannya selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip Islam.

Daripada perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa pemikiran kritis dalam konteks PI mengandungi unsur-unsur seperti a) menyelidik kebenaran sesuatu perkara sebelum menerima, b) membuat keputusan berdasarkan tanda-tanda berupa bukti dan alasan, c) tidak bertaklid kepada satu pandangan tanpa usaha untuk memahaminya.

Adel al-Sharaf (2013) mengupas mengenai bagaimana tradisi Islam (al-Quran dan As-Sunnah) membentuk epistemologi Islam dan turut menekankan kepada pemikiran kritis. Menurut beliau, pengajaran pemikiran saintifik atau kritis dalam epistemologi Islam secara prinsipnya ialah mengenal pasti kebenaran tentang apa sahaja melalui metode penghujahan bermakna di bawah payung iman. Tujuannya tidak lain untuk mengukuhkan keimanan Muslim. Bersikap kritis dikaitkan dengan lambang ketakwaan seorang Muslim lantaran ia memerlukan proses pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini memberi justifikasi bahawa melatih pelajar Muslim bersikap kritis bermakna berusaha menjadikannya insan bertakwa dan ini selari dengan tujuan pendidikan Islam itu sendiri.

Kajian-kajian lepas mengenai kepentingan berfikir kritis dalam pengajaran dibincangkan secara umum melibatkan pencarian maksud yang paling tepat kepada tujuan pengajaran kritis merentasi pelbagai disiplin ilmu (Jeevanantham, 2005). Selebihnya, perbahasan mengenai justifikasi dan kepentingan pengajaran kritis dalam kelas banyak dimuatkan dalam sub topik kajian-kajian mengenai pengajaran berfikir kritis (Alazzi, 2015; Handerson, 1958; Leming, 2010; Reboy, 1989; Suhailah, 2007). Walaupun perbahasan mengenai kepentingan, matlamat dan justifikasi pengajaran berfikir kritis telah lama dibincangkan dalam kajian demi kajian, namun perkara yang perlu diambil perhatian ialah konsep pemikiran kritis berbeza mengikut konteks (Buka, 2014; Siegel, 2010; Bailin & Siegel, 2003; Norris, 1985; Lipman, 1991). Maka, kepentingan dan matlamat pengajaran kritis ini boleh berubah seiring peredaran zaman dan disiplin ilmu.

Kajian ini meneroka matlamat dan kepentingan pengajaran kritis dalam konteks PI. Menurut ajaran Islam, niat merupakan perkara utama dalam setiap tindakan kita (al-Bukhari, 2010: No.1). Dalam konteks kajian ini, al-Ghazali (1988) menegaskan bahawa seorang guru perlu memelihara niat dalam tugasan mengajar agar sentiasa dipandu untuk mencari kebenaran dan mendekatkan diri kepada Allah. Dapat difahami bahawa meletakkan niat dan matlamat yang jelas merupakan perkara penting bagi seorang guru kerana niat ini bakal memandu tindakan yang diambil. Teori al-Ghazali ini disokong oleh Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974). Model ini menjelaskan amalan pengajaran guru dalam kelas dipengaruhi oleh karakter yang dimiliki oleh individu guru itu sendiri yang bercirikan kefahaman, keyakinan, keupayaan, matlamat dan sikapnya terhadap pengajaran. Keseluruhan ciri-ciri ini memberi kesan kepada tingkah laku guru dalam pengajaran, seterusnya mencorakkan produknya iaitu penghasilan pelajar yang dikehendaki. Justeru, para GPI perlu jelas dengan matlamat pengajaran kritis dalam PI supaya pola tingkah laku mereka harmoni seiring dengan niat.

Walau bagaimanapun, terdapat batasan pemikiran kritis dalam pengajaran PI. Hal ini disebabkan cakupan akal rasional manusia tidak mampu berfikir pada perkara-perkara tertentu yang bersangkutan dengan akidah iaitu terdiri daripada empat perkara; a) berfikir tentang hakikat zat Allah, b) berfikir mengenai perkara *sam'iyyat* merangkumi persoalan syurga, neraka, al-mizan, dosa, pahala, roh, kenabian dan lain-lain, c) hukum

fekah iaitu halal, haram, wajib, sunat dan seterusnya, d) perilaku akhlak manusia merangkumi sifat mahmudah dan mazmumah (Abdul Halim, 1995; Hassan Langgulung, 1986; Muhammad Rashidi & Mohd Faizul, 2013; Noor Hisham, 2014). Justeru, kesemua empat perkara ini perlu berpandukan wahyu berupa dalil-dalil naqli daripada al-Quran dan Sunnah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan GPI terhadap matlamat menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran Pendidikan Islam (PI). Persoalan utama dalam kajian ini ialah berkenaan apakah matlamat GPI menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran PI?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk mendapat kefahaman mendalam mengenai matlamat penerapan pengajaran berfikir kritis dari perspektif GPI. Dalam hal ini, kajian kes sesuai untuk menjawab persoalan kajian kerana ia melibatkan unsur dalaman guru seperti kepercayaan dan pegangan. Dalam kajian ini, kes merujuk kepada fenomena pengajaran berfikir kritis dalam PI. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen ke atas 6 orang GPI hasil cadangan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan teknik *purposeful sampling* (Merriam, 2009); peserta dipilih berdasarkan kriteria awal yang telah dikenalpasti oleh pengkaji bagi menjamin perolehan maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Antara kriteria utama pemilihan peserta kajian ialah berkhidmat lebih daripada lima tahun, memaparkan pengajaran kritis dalam PI dan senang memberi kerjasama. Pengkaji mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, pengetua sekolah dan seterusnya GPI yang terlibat.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, selain melakukan triangulasi kaedah pengumpulan data, pengkaji turut melakukan semakan secara silang (*cross-check*) dengan menemu bual tiga orang murid daripada setiap peserta kajian. Selanjutnya, pengkaji juga menjalankan proses *member checks* bersama GPI. Strategi ini dilakukan melalui pengesahan GPI terhadap tafsiran pengkaji terhadap rumusan maksud terhadap data yang diperoleh daripada mereka. Hal ini bagi mengelakkan pengkaji melaporkan penemuan bertentangan daripada maksud asal peserta kajian.

Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.12. Proses analisis kandungan ini melibatkan pengekodan secara induktif iaitu bermula dengan pengekodan terbuka (*open coding*), diikuti pengekodan selari (*axial coding*) dan pengekodan terpilih (*selective coding*) (Strauss & Corbin 1998). Kaedah perbandingan berterusan (*constant comparison*) juga digunakan. Perbandingan ini dibuat terhadap data kajian pada waktu yang berlainan dan juga antara peserta kajian di lokasi berbeza untuk mengenalpasti *pattern* persamaan dan perbezaan dalam data (Strauss & Corbin, 1998).

# DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, terdapat 5 tema utama yang menjadi pola pandangan peserta kajian terhadap matlamat menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran PI seperti yang tercatat dalam jadual 1.0 berikut. Seterusnya, hasil analisis kajian ini bakal dilaporkan mengikut tema yang telah terbentuk.

| Kategori | Tema | Sub tema | Sub sub tema |
|---|---|---|---|
| Matlamat | Kemenjadian murid | Penghayatan beragama | Pembentukan akhlak<br>Pegangan akidah<br>Pelaksanaan ibadah |
| | | Pemerolehan ilmu | Keyakinan beramal<br>Mencapai kebenaran |
| | | Kemahiran insaniah | Kemahiran membuat keputusan<br>Sifat kepimpinan<br>Kukuhkan jati diri<br>Berdikari |
| | Peningkatan profesionalisme guru | Tuntutan kurikulum semasa | |
| | | Peningkatan keberkesanan pengajaran | Menimbulkan minat dan penghayatan<br>Berdikari mencari maklumat |
| | Mewujudkan budaya berfikir | | |
| | Memelihara agama | Menepis tuduhan palsu<br>Dakwah berhikmah | |
| | Pembinaan tamadun | | |

Jadual 1.0 Senarai Kategori, Tema, Sub Tema Dan Sub Sub Tema Matlamat Penerapan Pemikiran Kritis Dalam Pengajaran Pendidikan Islam.

## i. Kemenjadian Murid

### a. Penghayatan Agama

Kesemua peserta kajian mempunyai pandangan yang sama iaitu pemikiran kritis perlu diterapkan dalam pengajaran PI untuk melahirkan generasi murid yang mempunyai penghayatan agama mendalam. Pertama, penghayatan agama ini dapat dilihat melalui pembentukan akhlak murid hasil penerapan pemikiran kritis dalam PI. Bagi Ustazah Yani, pengajaran beliau yang menerapkan unsur berfikir kritis memberi ruang kepada murid untuk menzahirkan konflik yang murid alami dalam kehidupan seharian untuk dibincangkan bersama. Maka, hasil perbincangan tersebut memandu murid untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan ajaran Islam. Beliau menyatakan, *"Kita membentuk apa yang boleh dan apa yang tak boleh. Macam tadilah. Boleh tak kita..dengan*

*benda yang halal, boleh tak kita menghalalkan juga benda yang haram"* (U Yani/TB1:159).

Begitu juga dengan Ustazah Siti yang mempunyai pandangan yang sama dengan Ustazah Yani, *"...untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan mampu membuat keputusan mengikut syariat"* (U Siti/TB2:72). Jelas Ustazah Siti, proses mencorakkan tingkah laku seharian memerlukan pemikiran kritis khususnya apabila berhadapan dengan dilema untuk memilih. Beliau mengemukakan contoh refleksi kepada murid-murid khusus untuk menghindari budaya mengumpat, *"Kenapa kamu nak makan daging busuk? Apa sebab kamu nak makan? Kenapa kamu pilih nak makan berbanding makan daging yang bagus? Kamu makan daging busuk saudara kamu yang telah mati, kamu nak? Kenapa kamu pilih macam tu?" Jadi dia fikir [untuk memilih],"* (U Siti/TB1:080).

Ustazah Nur pula berpendapat akhlak mulia dapat dibentuk berikutan kebolehan murid mengamalkan kemahiran-kemahiran berfikir kritis. Aplikasi kemahiran ini akhirnya menyebabkan murid dapat membezakan perkara yang baik daripada yang buruk dan seterusnya memandu tingkah laku mereka, *"yang akak perhatikan, pelajar yang berfikiran kritis ni, akhlaknya lebih baik sebab dia boleh menilai, menghubungkait, membuat banding beza antara benda buruk dengan benda baik. Jadi sudah pastilah akhlaknya lebih baik kan* (U Nur/TB2:098).

Selain itu, penerapan pemikiran kritis dapat mengukuhkan pegangan akidah murid-murid. Sebagaimana pandangan Ustazah Suria, *"maka dengan cara yang kritisnya tadi dia sedikit sebanyak dia dapat mempertahankan akidah Islam yang diri dia sendiri"* (U Suria/TB2:059). Pegangan akidah yang mantap ini dapat menyediakan murid-murid untuk berhadapan dengan sebarang cabaran atau permasalahan di luar bilik darjah (U Suria/TB2:053). Manakala bagi Ustazah Siti, hasrat daripada pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam ini adalah untuk melahirkan murid yang bertakwa; sentiasa mempertimbangkan 'pandangan Allah' dalam kehidupan harian. Jelas beliau, *"Maknanya sejauh mana kita nak melahirkan pelajar yang sebegitu rupa kita mampu mewujudkan kemahiran berfikir kritis pelajar...boleh melahirkan pelajar yang merasakan Allah tu sentiasa ada bersama dia. Maknanya dia tidak akan buat perkara munkar lah. Sebab tiap kali dia nak buat perkara munkar yang Allah larang dia akan merasakan Allah sentiasa melihat perbuatan dia"* (U Siti/TB2:70).

Sementara itu, Ustaz Anas pula beranggapan bahawa pemikiran kritis menjadi alat pemangkin kepada pencapaian keimanan (U Anas/TB2:19). Selari dengan konsep akal sebagai sebaik-baik anugerah kurniaan Allah kepada manusia, penelitian kritis diperlukan bagi mengenali tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya. Hujah beliau, *"Tapi asasnya adalah bilamana Islam menyuruh kita membuat sesuatu perkara tu, logik atau tidak maka kita kena terima kerana asas kepada satu pensyariatan daripada Tuhan adalah ketaatan bukan logik. Tapi ada peranan logik untuk faham, macam kita sebut tadi sebagai pemangkin untuk mendapatkan keimanan"* (U Anas/TB2:27). Namun, beliau mensyaratkan pemikiran tersebut perlu berlandaskan ilmu, bukan taklid kepada mana-mana pandangan atau aliran pemikiran, *"Bila mereka menggunakan pemikiran kritis kemudian mereka tambah dengan reflek tadi pada akhirnya bawa kepada satu keimanan yang lebih mantap, lebih baik yang disandarkan kepada ilmu yang bukanlah mengikut orang membuta tuli. Dan sudah tentu itulah apa yang kita mahukan dalam Islam"* (U Anas/TB3:31).

Pengajaran yang berasaskan pemikiran kritis juga dapat membantu dalam aspek pelaksanaan ibadah murid. Perbincangan isu-isu yang relevan dalam sesuatu topik pengajaran mampu memberikan kefahaman mendalam kepada murid-murid, khususya dalam bab ibadah. Maka, pemikiran kritis yang diterapkan ini memberi peluang kepada murid menjangka kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku dan melatih mereka membuat keputusan mengikut konteks situasi. Contoh perbincangan mengenai aplikasi ibadah solat dalam perjalanan, *"Awak 'jammed' tak sembahyang Asar lagi nak balik ni. Macam mana awak nak buat? Awak nak keluar daripada ni, bahaya..contohlah kita katakan. Macam mana? Waktu dah nak habis dah ni. Nak sembahyang ni, sembahyang wajib kan? Macam mana nak buat? Jadi macam-macam lah jawapan dia beri. "Keluar lah". Nak keluar macam mana saya kata tengah-tengah orang ramai tu kan. Macam mana nak buat? Ada kata tayammum lah, ada kata ni lah. Macam-macam lah cara dia. Boleh, kita boleh buat sembahyang menghormati waktu"* (U Maryam/TB1:061). Apabila murid memperoleh kefahaman secara mendalam, mereka lebih mudah menerima dan melaksanakan ibadah yang dipelajari, *"Bila dia jelas tu dia nampaklah apa yang dia kena faham. Bila dia faham benda tu dia terimalah"* (U Maryam/TB1:063).

### b. Pemerolehan Ilmu

Sub tema kedua untuk matlamat pengajaran berfikir kritis kepada murid ialah pemerolehan ilmu. Berdasarkan analisis data yang diperoleh, penerapan pemikiran kritis menyumbang kepada keyakinan murid untuk beramal dengan ilmunya. Hal ini kerana murid itu sendiri yang memproses maklumat yang diterima untuk disaring menjadi ilmu bermanfaat, bukannya penerimaan secara ikut-ikutan yang mudah goyah saat diuji. Ustaz Anas berpendapat, *"kalau dia boleh timbulkan persoalan saya rasa dia memang hebatlah dalam bab mencari ilmu ni. Dalam bab berfikir kritis. Dalam mencari kebenaran membongkar kebenaran yang sepatutnya mempengaruhi kesimpulan yang dia akan buat dan seterusnya dia amalkanlah dalam kehidupannya"* (U Anas/TB2:45).

Pengajaran yang berasaskan pemikiran kritis ini juga bertujuan menjadikan murid faham isi pelajaran dengan baik. Kefahaman ini dapat memandu murid-murid untuk mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan mereka, *"kita nak dia faham tu hingga ke dasar. Jadi bila dia dah keluar, dah bebas keluar sana, dia pun ingatlah..yang asas tu dia ingat. Dia tak boleh terpesonglah"* (U Nur/TB3:236). Bagi Ustazah Maryam pula, perbahasan satu-satu isu dalam topik pengajaran, apabila dikaitkan dengan elemen saintifik bakal menambahkan keyakinan murid untuk percaya dan beramal. Lazimnya, hubungan topik dengan elemen Sains dikupas dari segi hikmah atas pensyariatan atau hikmah kejadian ciptaan Allah (U Nur/TB1:097; U Anas/TB2:27; U Maryam/TB2:065). Hal ini dijelaskan melalui kenyataan Ustazah Maryam, *"tapi bila kita kaitkan dengan saintifik..saya rasa dia lebih yakinlah. Kajian saintifik tu..dia akan lebih yakin"* (U Maryam/TB2:087).

Selanjutnya, peserta kajian mengupas kepentingan pengajaran Pendidikan Islam berunsurkan pemikiran kritis bagi membolehkan murid mempertimbangkan pelbagai maklumat untuk mencapai kebenaran (U Maryam/TB2:133). Kepentingan ini terserlah lebih-lebih lagi dalam era dunia komunikasi tanpa sempadan kini lantaran sifat maklumat yang begitu rencam sehingga boleh mengelirukan. Ustazah Siti menyatakan, *"Kamu baca dalam dunia IT ni, ada beribu-ribu maklumat yang bertentangan dengan Islam tapi macam sama dengan Islam"* (U Siti/TB1:041). Bagi Ustaz Anas, faham agama jika dilakukan melalui satu pandangan sahaja, bakal menjadikan murid seorang yang ekstrem dalam beragama. Beliau menyatakan, *"saya fikir agama ni kita tak boleh faham*

*dengan hanya satu pandangan. Dia akan membuatkan kita jadi esktrem. Pelajar perlu didedahkan dengan kepelbagaian pandangan supaya apabila dia mencari pandangan dia tersendiri, dia tidak cenderung kepada satu pandangan yang boleh menyebabkan dia jadi bias. Maka di situ timbulnya latihan bagaimana untuk memilih hujah-hujah yang baik, kesimpulan yang disimpulkan daripada hujah, pandangan yang dilihat daripada perspektif yang berbeza-beza. Jadi pelajar boleh diberikan dengan pemikiran kritis tu tadi"* (U Anas/TB6:11).

**c. Kemahiran Insaniah**

Ustazah Nur, Ustazah Suria, Ustaz Anas dan Ustazah Siti bersepakat mengatakan pemikiran kritis penting diterapkan dalam pengajaran sebagai latihan berfikir kepada murid-murid. Pendedahan kepada sebanyak mungkin pengalaman berfikir kritis dalam bilik darjah boleh melatih murid-murid kemahiran membuat keputusan. Hal ini dapat difahami berdasarkan petikan temu bual berikut,*"Satu lagi sebab kita nak latih dia, jangan terburu-buru. Nak buat apa-apa jangan tergesa-gesa. Buat sesuatu mesti fikir dulu, mesti fikir, saring lepas tu buat keputusan yang betul"* (U Nur/TB3:237).

Kenyataan tersebut disokong oleh Ustazah Suria di mana kemahiran membuat keputusan boleh dikuasai sekiranya pemikiran kritis diaplikasikan. Walau bagaimanapun, beliau mengaitkan kemahiran membuat keputusan ini dengan keperibadian adil seorang pemimpin yang ingin dihasilkan. *"Kalau misalnya dia jadi pemimpin. Dia tidak akan mengambil sesuatu keputusan itu berdasarkan kepada bila dengar sahaja. Tapi dia akan meneliti, dia akan menilai dan juga akhir tu dia akan ambil keputusan"* (U Suria/TB2:065).

Dalam hal ini, Ustaz Anas memperincikan kepentingan berfikir kritis bagi seorang bakal pemimpin yang perlu dipupuk mulai sekarang, antaranya termasuk proaktif dalam mengenal pasti permasalahan yang timbul serta berusaha menyelesaikannya dengan cara terbaik. Semakin banyak masalah yang berjaya diselesaikan, semakin tinggi nilai seorang pemimpin dalam masyarakat, *"Jadi berfikir kritis sebenarnya boleh dipupuk sepertimana kemahiran-kemahiran yang lain dan dia boleh menjadikan seseorang itu secara tidak langsung kepada kemahiran insaniah itu tadi. Sebagai contoh seorang leader dia kena cepat berfikir... Dia nakkan wakil rakyat yang cerdik kan, yang boleh mencari sumber masalah dan kemudian menyelesaikan masalah tersebut bagi pihak mereka. Jadi perlunya seorang pemimpin untuk ada pemikiran kritis"* (U Anas/TB3:36).

Ustazah Maryam pula berbeza dalam hal tersebut. Beliau membincangkan kepentingan pengajaran yang menerapkan pemikiran kritis untuk pembangunan sifat kepimpinan dari sudut komunikasi berkesan. Menurut beliau, komunikasi berkesan lahir dari kepandaian menyusun hujah secara logik, di samping bijak memilih idea yang terbaik untuk diketengahkan, *"Tu penting berfikir kritis. Maksudnya dia bijak menghurai fakta, dia bijak berhujah, dia akan jadi macam tu. Ada isi yang bagus dia boleh menjana idea dengan baik. Itu pun akan memberi kesan untuk dia menjadi pemimpin tu"* (U Maryam/TB1:169)

Selain itu, penerapan pemikiran kritis melalui pengajaran PI bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai jati diri yang kukuh walaupun berada dalam persekitaran yang kurang baik. Justeru, apabila tindakan yang dilakukan oleh seorang murid didorong oleh sebab, maka murid itu tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang difikirkan tidak baik untuk dirinya. Ustazah Yani menggunakan istilah pemikiran

seimbang merujuk kepada pemikiran kritis kerana pemikir kritis adalah seorang yang praktikal dalam tindakan (U Yani/TB1:174). Menurut beliau, *"Bila dia boleh fikir secara seimbang, dia boleh..dia tahu nak letakkan diri dia di mana. Kalau dia nak jadi orang yang baik, walaupun dia bergaul dengan orang yang tak baik, dia tetap akan menjaga kebaikan dia dan mungkin dia boleh mempengaruhi orang lain. Kalau dia tak mampu nak berfikir secara seimbang, untuk apa yang perlu untuk diri dia, bila dia kawan dengan orang yang tak baik, dia akan dapat yang tak baik orang tu. Dia akan mengikut. Bukan dia yang menarik* (U Yani/TB1:174).

Selanjutnya, pemikiran kritis yang diasah melalui pengalaman dalam bilik darjah dapat menjadikan murid berdikari dalam kehidupan (*survival*). Sifat berdikari ini diperlukan supaya murid berupaya menyelesaikan konflik yang dihadapi dalam kehidupan tanpa bergantung harap kepada pihak lain mahupun lari dari masalah. Ujar Ustazah Suria, "*Dan pulak lagi sekarang ni memang dunia tanpa sempadan kita kata. Semua orang dah memang pantaslah. Jadi kita pun kena lah jugak dan macam mana kita nak maju ke hadapan, juga memang tak dinafikan melalui akal lah kan...Dan kita kena asahlah akal kita, potensi yang memang sepatutnya kita guna semaksima mungkin* (U Suria/TB2:116).

Pendapat ini disokong oleh Ustaz Anas yang memaparkan pentingnya semua subjek termasuk Pendidikan Islam diterapkan kemahiran berfikir kritis sebagai unsur pembelajaran sepanjang hayat. Beliau menyasarkan kesan tersebut dalam kehidupan murid pasca persekolahan, *"dia tak bergantung harap kepada kerja. Dia boleh create kerja. Dia boleh cari kerja. Itu dalam konteks orang kata apa, ekonomi lah kan pada hari ni"* (U Anas/TB2: 63).

## ii. Peningkatan Profesionalisme Guru

### a. Tuntutan Kurikulum Semasa

Tuntutan kurikulum semasa bermaksud pengajaran berfikir kritis memenuhi kehendak transformasi pendidikan terkini iaitu penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kesemua peserta kajian berpandangan bahawa corak pengajaran sebegini selari dengan hasrat transformasi tersebut sama ada dari segi penyampaian dalam pengajaran dan keperluan menjawab peperiksaan. Sebagai contoh, petikan temu bual daripada Ustazah Nur, *"Sebab dia selaras dengan kehendak lembaga, LPM dan selaras dengan KPM. KPM nak melahirkan pelajar yang ada KBAT ni..eh ada kritis ni. Jadi kita ni mengikut arahan. Arahan dengan edaran oleh kementerian"* (U Nur/TB2:122).

Sementara itu, Ustazah Suria menekankan tanggungjawab guru untuk menyediakan murid yang menguasai kemahiran berfikir kritis sebagaimana format soalan peperiksaan terkini. Beliau merujuk kepada format soalan KBAT dalam PI yang memerlukan murid membuat pertimbangan dan berhujah,*"LPM bila dia dah arahkan dan dah keluar soalan [bentuk] macam tu, kalau kita tak sediakan budak macam mana kita nak jawab? Jadi maknanya tanggungjawab kita dekat sini untuk memenuhi tugas kita ni tadi"* (U Suria/TB3:073).

**b. Peningkatan Keberkesanan Pengajaran**

Ustazah Nur, Ustaz Anas, Ustazah Siti, Ustazah Suria dan Ustazah Yani masing-masing berpendapat bahawa pengajaran PI yang diterapkan dengan pemikiran kritis penting untuk mencipta suasana pembelajaran aktif. Dalam hal ini, guru seharusnya memberi ruang yang cukup untuk murid-murid bermain dengan idea dan akses kepada maklumat melalui pelbagai medium. Justeru, wujud pembelajaran aktif yang melibatkan murid secara menyeluruh dalam bilik darjah. Ustaz Anas, Ustazah Suria, Ustazah Yani dan Ustazah Siti menggambarkannya sebagai kelas yang hidup lagi ceria (U Anas/TB3:77; U Siti/TB1:023; U Suria/TB2:075; U Yani/TB1:197). Sebagai contoh, Ustazah Nur menjelaskan, *"Lepas tu bila kita apa ni ha..suasana dalam kelas. Suasana pembelajaran tu jadi lebih menariklah. Lebih menarik, lebih berkesan. Sebab bila kita mengajar macam tu, penglibatan menyeluruh semua pelajar. Berbanding kita ajar..kita suap suap suap kat dia kan benda yang sama je kan. Jadi bila kita ajar pemikiran kritis ni, biasanya melibatkan semua pelajar. Aktiviti tu melibatkan semua pelajar"* (U Nur/TB2:124).

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan pengajaran yang menerapkan pemikiran kritis ini dapat membantu penghayatan murid terhadap isi pelajaran. Corak pengajaran sebegini membolehkan guru mencungkil pegangan atau pandangan murid terhadap satu-satu isu. Daripada sini, guru dapat memperbaiki, memurni atau mengukuhkan pegangan tersebut apabila diaplikasikan ke dalam konteks yang baru. Ustaz Anas menyatakan, *"bila kita nak berfikir kritis ni kita perlu rangsang mereka, kemudian kita boleh tahu apa yang mereka fikirkan"* (U Anas/TB2:79). Manakala menurut Ustazah Yani dan Ustazah Nur (U Nur/TB3:081), kesan daripada pengajaran kritis membuatkan ilmu yang disampaikan lebih tekal diingatan murid-murid untuk dihayati,*"Asalkan apa yang kita nak sampaikan tu, sampai ke hati pelajar, yang penting sampai ke hati dia walaupun kita tak boleh nak mengukur sejauh mana dah sampai ke hati dia tapi sekurang-kurangnya adalah yang menitis dalam hati dia tu kan. Satu hari nanti dia akan ingat"* (U Yani/TB1:194).

Pada pandangan Ustazah Yani, pengajaran tanpa menerapkan pemikiran kritis bakal menjadikan maklumat murid terbatas. Perkaitan antara isi pelajaran dengan perkara lain sama ada bidang lain mahupun kegunaan dalam kehidupan kurang dititikberatkan. Sementara murid pula bergantung kepada guru untuk menerima kesimpulan-kesimpulan akhir berupa isi-isi penting,*"Kalau kita mengajar point point point, yang pertama, maklumat pelajar akan terbatas. Terbatas pada topik yang kita nak ajar tu je"* (U Yani/TB1:197).

Ini berbeza jika dibandingkan dengan pengajaran yang menerapkan pemikiran kritis di mana murid-murid dilatih dengan unsur-unsur pembelajaran kendiri (*self-learning*). Pengajaran ini menjadikan murid-murid berdikari dalam pencarian maklumat, *"dia balik la semula mungkin dia tanya cikgu dia, tanya mak dia, tanya ustazah dia"* (U Maryam/TB2:100). Malahan, bukan sekadar aktif berusaha mencari maklumat, namun mampu pula menilai saluran yang tepat untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Ujar Ustazah Maryam, *"bertanya pada orang yang betul masalah tu. Nak saring tu memanglah diri dia sendirilah, nak menyaring tu. Tapi kalau nak lebih faham, baik dia tanya kepada orang yang lebih mengetahui..pakar rujuk dialah"* (U Maryam/TB2:102).

## iii. Membudayakan Komuniti Berfikir Di Sekolah

Komuniti berfikir merujuk kepada masyarakat sekeliling yang berada di sekolah iaitu pentadbir, guru dan para murid. Ustaz Anas, Ustazah Nur dan Ustazah Suria sependapat bahawa penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran adalah tanggungjawab semua guru di sekolah secara kolektif. Sebagai contoh Ustaz Anas menyebut, *"Ini adalah usaha secara kolektif semua guru perlu ada. Kalau tak, pelajar tu tak kan dapat. Ada 8 subjek dia belajar, sorang je yang kritis tak jadi jugak. Sorang guru je yang kritis, dia mesti lapan-lapan tu..Pap! pergi kepada kritis"* (U Anas/TB1:043).

Justeru, persediaan untuk pengajaran kritis ini memerlukan guru Pendidikan Islam melakukan perbincangan dengan rakan guru yang lain, sama ada melibatkan rakan sepanitia mahupun rakan guru daripada bidang yang berbeza. Perbincangan yang berlaku sama ada secara formal atau pun tidak formal sesama rakan guru ini membentuk satu komuniti berfikir dalam persekitaran sekolah. Begitu juga dengan peranan pihak pentadbir yang merangsang pemikiran guru melalui pengendalian mesyuarat, *post-mortem* keputusan peperiksaan dan penganjuran program (U Yani/TB1:058; U Suria/TB3:100; U Nur/TB3:271). Sebagai contoh penjelasan daripada temu bual berikut, *"Dia kalau berfikir kritis ni dilakukan secara kolektif, secara holistik, diamalkan oleh keseluruhan sekali, guru-guru di kelas. Pengetua, pentadbir di peringkat sekolah, PIBG di peringkat komuniti dan juga ibu bapa untuk support dia. ibu bapa di rumah dan di kalangan rakan-rakan pelajar sendiri sesama mereka. Sudah tentulah mereka yang akan dapat impian untuk wujudkan masyarakat berfikir tu tadi dapat direalisasikan dengan baik ya* (U Anas/TB3:53).

Selain itu, budaya berfikir ini juga terkesan dalam kalangan murid-murid. Hasil daripada pengajaran bercorak kritis dalam PI, murid-murid sekolah S5 mengakui bahawa mereka terdorong untuk bertanya lebih lanjut kepada rakan berlainan aliran pengkhususan untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul sewaktu pengajaran PI. *"Kita orang lebih tanya budak-budak yang ambil aliran sains. So, kita orang ambil teknikal, so tak ambil aliran sains. So kita orang kongsi ilmu la… Itu bergantung bila lepak sama"* (Mustaqim/TB Murid S5:23). Di samping itu, murid-murid juga tidak segan bertanya kepada guru subjek lain untuk membina kefahaman menyeluruh terhadap isi pelajaran PI, *"Ada jugak [bertanya], kadang-kadang dalam subjek biologi kan melibatkan ni.. contohnya macam penyakit... ustaz macam [beritahu].. "cuba kamu cari"* (Siti Nor/TB Murid S3:15).

Hasil analisis menunjukkan penerapan pemikiran kritis dalam PI penting untuk membantu perkembangan budaya berfikir dalam komuniti berfikir khususnya di sekolah melalui sokongan dan hubungan murid dengan murid, murid dengan guru, guru dengan guru dan hubungan dengan pentadbir.

## iv. Memelihara Kesucian Agama

### a. Menepis Tuduhan Palsu

Ustazah Suria dan Ustazah Yani berpandangan bahawa tujuan pemikiran kritis diterapkan dalam pengajaran PI tidak lain adalah untuk kepentingan agama Islam itu sendiri. Ketiga-tiga peserta kajian ini menghurai dalam konteks mempertahankan agama dari tuduhan palsu yang tidak berasas. Maka, adalah penting untuk murid-murid di

peringkat sekolah menengah untuk belajar PI bersama pemikiran kritis supaya manipulasi logik ke atas agama dapat dipatahkan juga dengan menggunakan logik yang dipacu daripada faham agama melalui pengamatan kritis. Ustazah Suria menjelaskan, *"...apa sahaja yang disebutkan kepada mereka [murid] dengan mungkin alasan-alasan yang hebat-hebat kan dan mereka boleh gunapakai ataupun mereka boleh menjadi orang yang akan melindungi dan memelihara agama berdasarkan kepintaran yang diberi dalam mempertahankan berdasarkan mungkin kepada alasan-alasan logik jugak kan...Jadi maknanya bila kita dah ajar di peringkat persekolahan nak guna kritis ni tadi nanti dia boleh gunapakai nanti dekat luar. Untuk mempertahankan agama dia"* (U Suria/TB2:052).

Sementara itu, Ustazah Yani pula menghurai aplikasi pemikiran kritis oleh murid-murid ini bakal menjadi benteng kepada diri sendiri daripada bertindak mencemar imej agama dengan menyertai aktiviti keganasan, *"kita harap janganlah suatu hari nanti kita sendiri terlibat dalam kelompok pengganas ini sampaikan kita sendiri terjebak dan kita sendiri memburukkan keadaan orang Islam pada masa itu"* (U Yani/TB3:145). Maruah Islam dapat dijulang jika penganutnya lebih berhikmah mempertimbang kesan sebelum mengambil sesuatu tindakan yang dikaitkan atas nama agama.

**b. Dakwah Berhikmah**

Seterusnya, Ustazah Suria turut mengulas kepentingan pengajaran PI dengan menerapkan pemikiran kritis untuk tujuan dakwah secara berhikmah. Menurut beliau, murid-murid perlu didedahkan dengan corak pengajaran kritis dalam PI sebagai persediaan untuk strategi menyampaikan dakwah khususnya kepada golongan bukan Islam. Idea logik yang diatur kemas berisi ajaran-ajaran Islam lebih mudah diterima ramai berbanding hanya menggunakan ayat-ayat al-Quran semata. Jelas beliau, *"kalau kita kuatkan dengan alasan dan juga logik yang mereka boleh terima maka mereka akan mudah untuk fahamlah. Kalau ayat Quran daripada awal mereka dah nafikan. Jadi kalau guna logik tu tadi dan maknanya kita kena ikut semasalah logik kita tadi tu. Dan ia boleh dicanai dengan hanya melalui pemikiran kritis...Jadi memang sangat penting sebenarnya pada akaklah untuk penyediaan pelajar akak tu untuk berfikir secara kritis"* (U Suria/TB2:062).

## v. Pembinaan Tamadun

Ustaz Anas dan Ustazah Siti menyentuh berkaitan kepentingan pemikiran kritis diterapkan dalam pengajaran untuk membina semula tamadun Islam yang berpaksikan ilmu pengetahuan. Dalam memerihalkan perkara ini, Ustaz Anas mengaitkan peranan pemikiran kritis yang menjadikan budaya ilmu berkembang pesat pada Zaman Keemasan Islam. Umat Islam pada kurun tersebut cenderung meneroka, menghubung, menyusun dan menyaring ilmu-ilmu untuk manfaat bersama. Namun, sikap taklid menjadi penyebab kejatuhan tamadun tersebut. Hal ini dapat difahami berdasarkan petikan temu bual berikut; *"Tapi kita nak ceritanya tentang kewujudan tamadun ilmu ketika itu. Yang lahir daripada pemikiran kritis yang pelbagai...kita boleh lihat bagaimana ketamadunan Islam ketika dahulu naik kerana ilmu dan pemikiran kritis yang wujud dari kalangan umat ketika itu...Tapi pada akhirnya jatuh selepas mereka mula meninggalkan ilmu ataupun mereka taksub dengan tok guru mereka dan mereka mengikut membuta tuli dan di situ menyebabkan mereka tidak lagi berfikir kritis menyebabkan ketamadunan mereka jatuh, daya ilmu intelek mereka juga jatuh"* (U Anas/TB3:69).

Ustaz Anas berpendapat usaha beliau menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran PI sebagai satu sumbangan ke arah menyediakan generasi yang bakal membentuk tamadun. Hal ini kerana proses ini memerlukan usaha berterusan secara kolektif. Beliau menyatakan, *"Nak jadikan ia satu realiti saya ingat mungkin berabad kot baru kita dapat capai tapi tak boleh pulak dalam kita kata berabad nak capai kita tak buat apa-apa! Kita kena usaha ke arah itu"* (U Anas/TB3:71).

Selanjutnya, Ustazah Siti membincangkan kepentingan ini dari segi untuk melahirkan para ilmuan yang mampu menggabungkan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Menurut beliau, kehebatan membongkar ilmu-ilmu bermanfaat ini bertitik tolak daripada penggunaan pemikiran kritis dalam diri insan mukmin. Jika ini berhasil, pembangunan seimbang dapat dikecapi lantaran idea dan ciptaan terbentuk bermatlamatkan kesejahteraan duniawi dan ukhrawi. Petikan temu bual tersebut, *"Betul dulu cendekiawan kita sangat hebat. Ramai cendekiawan Muslim. Contoh Ibnu Sina, Al-Khawarizmi, Ibnu Baitutah, sangat ramai. Tapi sekarang bila sebut cendekiawan, adakah cendekiawan Muslim yang ramai ataupun cendekiawan non-muslim? Jawapan dia, itulah jawapan kepada persoalan Safra. Sebab perlukah pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam? Bukan saja perlu, wajib! Untuk melahirkan cendekiawan-cendekiawan yang hebat sepertimana dahulu. Zaman-zaman pemerintahan awal, kecemerlangan, kegemilangan tamadun Islam dulu"* (U Siti/TB2:62).

## PERBINCANGAN

Dapatan ini menunjukkan GPI memaparkan matlamat menerapkan pemikiran kritis dalam pengajaran PI berdasarkan kepentingannya melibatkan pelbagai sasaran iaitu kepada individu murid, guru, agama Islam dan juga masyarakat. Ini menggambarkan bahawa GPI yang dikaji mempunyai kefahaman yang kukuh mengenai epistemologi PI itu sendiri. Buktinya, matlamat dan kepentingan yang digariskan bukan sahaja berkisar mengenai hubungan guru dan murid dalam bilik darjah, bahkan sehingga matlamat jangka panjang ke arah pembinaan tamadun turut tersemat. GPI menyedari kedudukan dan peranan PI dalam menghadapi cabaran abad ke-21 melalui pendekatan pengajaran PI yang mengintegrasikan *'aqli* dan *naqli.*

Walau bagaimanapun, matlamat dan kepentingan yang dibincangkan dalam kajian ini merupakan pemikiran kritis yang dipupuk berpaksikan iman kerana tanpa iman, segala yang dihajatkan ini tidak mungkin berhasil. Dalam hal ini, pandangan GPI yang menyasarkan matlamat penggunaan akal kritis sebagai alat untuk mengukuhkan iman adalah tepat. Ini disebabkan oleh proses pendidikan yang tidak dimulakan dengan keyakinan akan menyebabkan hati penuh dengan keraguan. Pada akhirnya, lautan keraguan ini bakal membentengi bukti-bukti yang diperoleh daripada kegiatan berfikir mahupun wahyu (Ashraf, 1988; Mujamil Qamar, 2002). Justeru, pencarian kebenaran ilmiah perlu diawali oleh dasar keyakinan berbentuk tauhid. Dalam merealisasikan keimanan ini, guru perlu membimbing menggunakan bantuan akal untuk mencari ilmu. Di sinilah terletak peranan berfikir kritis; meneliti, membuat refleksi, mengambil ibrah merupakan proses untuk mencapai makna yakin dalam hati. Sehingga akhirnya, kegiatan akal ini berfungsi memperdalamkan keimanan seseorang (Ashraf, 1988).

Selain itu, GPI turut menyasarkan kepentingan pengajaran berfikir kritis ke arah pembentukan budaya berfikir dalam komuniti bermula di peringkat sekolah. Dapatan

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

kajian ini menunjukkan GPI meletakkan matlamat pengajaran berfikir kritis ini tidak terhad kepada penguasaan murid dalam subjek PI ataupun untuk kepentingan lulus peperiksaan PI sahaja, malah GPI berusaha memaparkan hubungkait isi kandungan pelajaran dengan subjek-subjek lain. Maka, daripada sini murid-murid yang ditanam dengan sifat inkuiri, melebarkan usaha mereka dalam pencarian maklumat sama ada melalui sumber bacaan (bahan-bahan di perpustakaan dan internet) mahupun sumber lisan (guru-guru lain dan rakan) atau sumber pemerhatian (tayangan video dan mencerap fenomena).

Sekiranya ini berterusan dan diamalkan secara kolektif bersama guru-guru lain, tidak mustahil matlamat unutk mewujudkan komuniti berfikir di sekolah akan terlaksana. Berkenaan ini, Ibn Khaldun (1967) menjelaskan perkaitan antara corak pengajaran dengan persekitaran. Budaya atau pun iklim yang terkandung dalam sesebuah sekolah boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku warganya, begitu juga sebaliknya. Maka, inisiatif GPI yang menerapkan pemikiran kritis berdasarkan kepentingannya kepada pembangunan budaya di sekolah patut dipuji kerana tanggungjawab sosial yang dimainkannya.

Selanjutnya, GPI turut menyentuh sumbangan pengajaran kritis ke arah pembinaan tamadun. Selari dengan falsafah pendidikan Ibn Khaldun (1967) bahawa asas sebuah peradaban ialah budaya ilmu melalui aktiviti berfikir. Hal ini dibuktikan dengan sikap golongan ilmuwan pada zaman kegemilangan Islam dahulu yang sinonim dengan sikap kritis; a) kesanggupan memberi pandangan betul walau berbeza dengan pandangan popular atau pandangan penguasa, dan b) kesanggupan mengubah pendapat sendiri apabila berhadapan dengan hujah yang lebih jelas dan benar (Wan Mohd Nor 2007; Sulaiman 2014).

Hakikatnya, melalui pengajaran bercorak kritis kendalian GPI, bakal menyuburkan sikap kritis berteraskan iman dalam diri murid-murid. Pengajaran yang membawa 'dunia luar' ke dalam bilik darjah melalui perbincangan isu-isu semasa berkaitan akidah, syariah, akhlak secara global (cth: merangkumi aspek politik, sains dan bahasa) membantu murid memproses maklumat kepada ilmu yang bermakna untuk dipegang atau diaplikasikan (Mohd Zaidi, 2009). Tambahan kepada itu, bonus kepada murid-murid kerana dapat membina kematangan kognitif. Hal ini disebabkan mereka telah melalui proses memahami sesuatu konsep baru dengan menghubungkannya dengan sebanyak mungkin konsep-konsep lain yang relevan (Beyer 1997; Halpern 1998). Bermula dengan kemahiran mengamati sesuatu isu secara kritis inilah bakal membuka ruang kepada murid-murid untuk meneroka ilmu-ilmu baru untuk manfaat ummah.

## IMLPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini diharap menarik perhatian para penggubal dasar di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia supaya menggubal dasar berkait rapat dengan mencungkil pemikiran kritis murid setelah menyedari kepentingan ini. Perkara ini boleh dilaksanakan melalui penggubalan kurikulum, item peperiksaan, latihan perguruan, latihan dalam perkhidmatan dan sebagainya dengan menekankan unsur-unsur penerapan berfikir secara kritis. Selain itu, kajian ini juga memberi implikasi kepada para pelaksana dasar supaya merancang aktiviti dan program di peringkat masing-masing yang dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan pemikiran kritis murid-murid.

Seterusnya, dapatan ini menarik perhatian para guru supaya tidak meremahkan proses berfikir dalam pengajaran dengan menumpukan kepada pembelajaran untuk peperiksaan semata-mata. Sebaliknya, guru harus memberi ruang kepada murid untuk bereksperimen dengan idea serta pandangan. Manakala, khusus kepada GPI pula, kajian ini diharapkan dapat menambah baik kualiti pengajaran PI melalui pengintegrasian seimbang antara akal dan naqal ke arah penghayatan beragama para murid.

Bagi para ibu bapa, diharapkan supaya dapat bersama dengan pihak sekolah membantu menjayakan proses pembentukan akal kritis murid sebagai sebuah komuniti berfikir. Campur tangan ibu bapa amat penting untuk mengukuhkan kemahiran dan sikap kritis anak-anak kerana didikan ini bersifat sepanjang hayat. Akhir sekali, pengkaji lain diharapkan untuk turut sama mengkaji dan meneliti dari sudut lain perkara ini ataupun alat berfikir yang boleh membantu mencungkil pemikiran kritis untuk murid-murid kelainan upaya seperti autism khususnya dalam konteks untuk memahami ajaran Islam.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, PI dan berfikir kritis adalah saling berhubungan. Tanpa akal kritis, kandungan ajaran Islam yang dipelajari sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan kepercayaan yang kukuh dalam konteks sebenar. Malah, ia mungkin disalah tafsir sehingga lari dari maksud pensyariatan itu sendiri. Begitu juga sebaliknya, akal kritis yang dikerah tanpa iman bakal menebalkan keraguan yang membentengi kebenaran.

GPI yang memahami *nature* bidang PI akan menyedari terdapat banyak ruang dalam kandungan pelajaran yang terbuka luas untuk diterapkan pemikiran kritis, selain menyedari juga terdapat ruang-ruang yang perlu disampaikan secara doktrin kepada murid-murid khususnya perkara berkaitan *ghaibiyyat.* Justeru, dengan mengetahui matlamat atau kepentingan pemikiran kritis dalam pengajaran PI, GPI dapat berusaha untuk memberi perhatian kepada pemupukan sikap dan kemahiran kritis untuk manfaat bersama. Manfaat ini bukan sahaja tertakluk kepada kepentingannya dalam ruang lingkup kelas, namun meliputi peningkatan profesionalisme guru, pembudayaan berfikir, pemeliharaan agama dan seterusnya ke arah pembinaan tamadun.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*.

Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2006. Model guru pendidikan Islam: Konsep 5 mim. Kertas kerja *Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*, 1 April.

Abdul Halim Mahmud. 1995. *Islam & Akal*. Terj. Mohd Fakhrudin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdullah Muhammad Basmeih. 2011. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Selangor: Darul Fikir.

Abu Daud, Sulaiman. 1993. *Sunan Abi Daud.* Terj. H. Bey Ariffin & A. Syinqithy Djamaluddin. Semarang: Penerbit CV. Asy Syifa'.

Adel Al-Sharaf. 2013. Developing scientific thinking methods and applications in Islamic Education. *Education*. 133(3): 272-282.

Alazzi, K. F. 2005. Teachers' perceptions of critical thinking: a study of Jordanian secondary school social studies teachers. *The Social Studies*. 99 (6): 243-248.

al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail. 2010. *Shahih al-Bukhari Jilid I*. Jakarta: Pustaka As-Sunnah.

al-Ghazali, Abu Hamid. 1997. *Al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. Vol. 1. Ed. Muhammad Sulayman al-Asyqar. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

al-Ghazali. 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama*. Terj. Ismail Yakub, TK.H. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Ashraf, S. A. 1988. A View of Education- An Islamic Perspective. Dlm. Bernadette O'Keeffe (ed.) 1988. *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press. m.s 69-79.

Bailin, S. & Siegel, H. 2003. Critical thinking. Dlm. Blake, N., Smeyers, P., Smith, R. & Standish, P. *The Blacwell Guide to the Philosophy of Education*, hlm. 181-197. Australia: Blackwell Publishing.

Beyer, B. K. 1997. *Improving Student Thinking: A Comprehensive Approach*. Boston: Allyn and Bacon.

Buka, P. 2014. Effectiveness of critical thinking instruction. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 5(22): 479-485.

Dunkin, M.J. & Biddle, B. J. 1974. *The Study of Teaching*. USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Halpern, D. F. 1998. Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *American Psychologist*. 53 (4): 449-455.

Hassan Langgulung. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Henderson, K. B. 1958. The teaching of critical thinking. *The Phi Delta Kappan*. 39 (6): 280-282.

Ibn Khaldun, Abd Ar-Rahman Muhammed. 1967. *The Muqaddimah*. Terj. Franz Rosenthal. Princeton, N. J: Princeton University Press.

Ibn Qayyim, al-Jawziyah Muhammad ibn Abi Bakr. 1999. *Buah Ilmu*. Terj. Fadhli Bahri. Jakarta: Pustaka Azzam.

Jeevanantham, L.S. 2005. Why teach critical thinking?. *Africa Education Review.* 2 (1) 2005 pp. 118-129.

Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. 2006. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengikut Persepsi Pelajar. Kertas kerja Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia di Bilik Senat, Bangunan Canselori, 1 April.

Kazmi, Y. 1999. The Notion Of *Murabb*i in Islam: An Islamic critique of trends in contemporary education. *Islamic Studies.* 38(2), 209-233.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*, Jun.

Leming, J.S. 1998. Some critical thoughts about the teaching of critical thinking, *The Social Studies*, 89(2): 61-66.

Lipman, M. (1991). Critical thinking: What can it be?. *Analytic Teaching*. 8 (1): 5-12.

Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.

Mohd Aderi & Ahmad Yunus. 2012. Teaching of Islamic Doctrine And Beliefs in School Subject Content Knowledge and Pedagogical Considerations. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(11), 258-264.

Mohd Zaidi Ismail. 2009. Faham ilmu dalam Islam: Pengamatan terhadap tiga takrifan utama ilmu. *AFKAR.* 10: 39-60.

Mohd Zaidi Ismail. 2013. Kerangka Aqal-Naqal dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Beberapa Catatan Pemerhatian Awal*. Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam*. Anjuran IKIM dan KPM, 24-25 Sept.

Mohd Zaidi Ismail. 2014. *Islam & Higher-order Thinking: An Overview*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2013. Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi*, 63 (1): 31-39.

Mujamil Qamar, M. A. 2002. *Epistemologi Pendidikan Islam: Dari Metode Rasional hingga Metode Kritik.* Jakarta: Penerbit Erlangga.

Muslim, Al-Imam Hajjaj Al-Qusyairi An-Nisaburi. 1987. *Shahih Muslim*. Terj. Ma'mur Daud. Selangor: Klang Book Centre.

Noor Hisham Md. Nawi. 2014. *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Norris, S.P. 1985. Synthesis of research on critical thinking. *Educational Leadership*: 40-45.

Nurul Asiah Fasehah Muhamad. 2015. *Pengaruh Tahap Kepercayaan Epistemologi Islam dan Tahap Konsep Kendiri Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Reboy, L. M. 1989. Teaching Critical Thinking: Bringing the Real World into the classroom. *The Clearing House*, 62 (9): 411-413.

Rosnani Hashim, Suhailah Hussien & Juhasni Adila Juperi. 2014. The *Hikmah* (Wisdom) Program: A Philosophical inquiry for the teaching of Islamic education in Malaysia. Dlm. Sa'eda Buang & Phyllis Ghim-Lian Chew. *Muslim Education in the 21st Century*. New York: Routledge: 125-141.

Rosnani Hashim. 1996. *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Sidek Baba. 2011. *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowledge Trading Sdn. Bhd & Yayasan Ilmuwan.

Strauss, A & Corbin, J. 1998. *Basics of Qualitative Research : Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks: Sage Publication, Inc.

Suhailah Hussien. 2007. Critical Pedagogy, Islamisation of Knowledge and Muslim Education. *Intellectual Discourse*, 15(1), 85-104.

Sulaiman, Kabuye Uthman. 2014. The role of Qur'an in the transformation of human society. *Revelation and Science*. 4 (1): 1-13.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2007. *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1995. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhamad Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Nursafra Mohd Zhaffar**
Pelajar Pasca Siswazah,
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
nursaframz@gmail.com

**Mohd Isa Hamzah**
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
isa_hamzah@ukm.edu.my

**Khadijah Abdul Razak**
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
khadijah.razak@ukm.edu.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PEMERKASAAN SISTEM PENGESAHAN HALAL DI MALAYSIA

**Noor Fiteri Abdullah**
**Afzanizam Alias**
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

## ABSTRACT

Halal in eating is always on top ranking issues to be conferred about among Muslim. The status of halal in food and beverage becomes the first rank to be discussed compared to other field of halal. The evolutions of technology aid in extending the legitimacy of halal status in food and beverages widely. However, process of developing system to identify the authenticity of halal status show a slow movement compared to the halal certification means. In order to obtain a valid finding, qualitative approach is used. Research design through content analysis, observation and self-testing are a few methods applied on this research. The discovery intends to classify the system used in identifying halal status and related problems occurred. The result shown there are efforts from government agencies and private companies in providing related technology systems in clarifying halal certification. However, continuous improvement should be strengthened so that halal status is well credible and reliable.

**Keywords:** Halal, Issues, Authenticity, System, Technology

## *ABSTRAK*

*Halal berkait pemakanan merupakan isu yang sentiasa menjadi perhatian di kalangan umat Islam. Status kehalalan makanan sering dipolemikkan berbanding halal dalam bidang lain. Perkembangan teknologi kini telah meluaskan landskap kesahihan berkenaan status halal sesuatu makanan. Walau bagaimanapun sistem untuk mengenalpasti kesahihan status halal dalam makanan tidak seiring dengan perkembangan pensijilan halal yang dijalankan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan tinjauan menerusi teknik kajian perpustakaan, pemerhatian dan pengujian digunakan untuk mendapatkan hasil kajian Ia bertujuan mengelaskan sistem teknologi bagi mensahihkan status halal dan mengenal pasti masalah berkaitan. Hasil kajian mendapati telah ada usaha daripada agensi kerajaan dan syarikat swasta dalam menyediakan sistem teknologi berkaitan pengesahan halal sesuatu produk. Walau bagaimanapun, penambahbaikan berterusan perlu diperkasakan agar halal tidak hanya hebat pada logonya semata-mata.*

***Kata kunci:*** *Halal, Isu, Sahih, Sistem & Teknologi*

## PENGENALAN

Kesedaran masyarakat dalam negara mutakhir ini terhadap isu halal semakin meningkat. Senario ini boleh diperhatikan apabila timbul sesuatu isu berkaitan halal dan haram, maka banyak pihak tampil untuk menjelaskan perkara tersebut. Perkembangan ini dilihat sesuatu yang positif untuk pengguna Islam. Ini menggambarkan pengguna mempunyai tahap kepekaan yang tinggi dan menginginkan produk makanan halal dan baik

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjadi penguasa dalam urusan pensijilan halal. Prosedur dan peraturan telah digarap sebaik mungkin bagi memastikan penarafan halal dikeluarkan bertepatan dengan syarak dan tidak timbul keraguan di kalangan pengguna. Usaha ke arah memastikan penambahan produk halal banyak digiatkan oleh badan Islam terbabit. Tetapi dalam masa yang sama ada pihak yang meragui logo halal sah keluaran JAKIM apabila melibatkan sesuatu isu (Utusan Malaysia 2014).

Hasil kajian mendapati keraguan berkaitan status kehalalan produk akibat penggunaan istilah yang tidak difahami dan kekhuatiran dari segi proses atau pengendalian di premis. Kesahihan status halal apabila disebar luas atau diviralkan memberi kesan yang besar. Pihak JAKIM terpaksa memberi penjelasan terhadap isu yang ditimbulkan bagi meredakan keraguan-keraguan yang ada (Bernama 2014).

Kewujudan teknologi dalam medium media sosial meluaskan lagi sebaran umum dalam sela masa singkat memberi kesan yang negatif yang besar kepada pihak berkaitan (Mohd Amri 2015). Usaha-usaha telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Kewujudan teknologi merupakan antara usaha bagi mengesan status kesahihan halal dalam produk makanan. Kajian dilakukan untuk mengenalpasti teknologi yang telah digunakan dengan melihat keberkesanan sistem bagi menyakinkan pengguna tentang kesahihan halal sesuatu produk.

## KAJIAN LITERATUR

Kewujudan logo halal menjadi panduan kepada pengguna agar dapat mengenalpasti kesahihan status produk. Biasanya logo tertera di sesuatu produk sudah memadai bagi tujuan mengesahkan produk itu adalah halal. Ini kerana proses untuk menganugerahkan pensijilan halal perlu melalui proses yang rumit (Ahmad Hidayat dan Zulzaidi 2012). Walau bagaimanapun apabila timbul isu kesahihan sesuatu produk, logo halal yang wujud juga akan menjadi pertikaian: Kesahihan logo halal terbabit sah atau palsu akan dipersoalkan.

Penggunaan teknologi memberi sedikit kelebihan untuk mengukuhkan keyakinan pengguna Muslim kerana tidak hanya merujuk seratus peratus kepada logo halal yang tertera di produk terbabit. Ia menjadi semakan rujukan silang kepada produk itu. Teknologi yang dikaji merujuk kepada penggunaan laman sesawang, sistem pesanan ringkas (*sms*), dan aplikasi telefon pintar. Usaha-usaha telah dibangunkan oleh pihak-pihak tertentu bagi mengesan kesahihan status halal terbabit.

**Teknologi Menggunakan Laman Sesawang**

Ia merupakan teknologi yang paling popular setakat ini. Penggunaan laman sesawang menjadi medium carian yang paling tinggi dalam mengesan status halal sesuatu produk. Berdasarkan hits carian di enjin pencari dengan hanya menaip " status halal" pengguna akan dihubungkan ke direktori halal baik di dalam atau di luar negara. Laman sesawang menjadi sumber merupakan medium penyampaian yang paling meluas digunakan di seluruh dunia. Menurut Hairul Anuar (2014) laman sesawang merupakan media tanpa batasan mempunyai liputan meluas sesuai digunakan sebagai alat promosi. Menurutnya lagi, laman web boleh dikelaskan kepada laman korporat, e-dagang, forum, galeri, blog, komuniti, kerajaan, portal dan banyak lagi. Dalam konteks gelintaran halal, banyak jenis laman web yang mempromosikan sistem pengesahan halal walaupun dihubungkan kepada akses sumber data primer yang sama.

**Teknologi Menggunakan Sistem Pesanan Ringkas**

Penggunaan sistem pesanan ringkas merupakan satu cara lain yang boleh digunakan untuk mengesahkan sesuatu perkara. Ia biasanya digunakan secara meluas bagi tujuan tertentu. Ia telah dibangunkan dalam banyak bidang. Contohnya sistem pengesanan pergerakan untuk keselamatan (Khairunnisa 2010), sistem penempahan tiket (Mohamad Fiqrie 2007), sistem pemantauan bas (Hairunnazri 2009) , sistem temujanji doktor (Muhammad Khairi 2007) dan sistem gaya hidup sihat (Fadzilla Norsha 2009) antara sistem yang telah dibangunkan. Portal rasmi perkhidmatan mudah alih kerajaan Malaysia merupakan induk kepada semua sistem e-kerajaan. Berdasarkan portal Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2016) *myGov Mobile,* inisiatif Gerbang SMS adalah salah satu usaha kerajaan untuk mempelbagaikan saluran-saluran penyampai perkhidmatan. Kemajuan teknologi sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Saluran SMS ini membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan cepat. Teknologi di dalam Malaysia untuk pengesahan halal juga boleh disemak menggunakan sistem pesanan ringkas kelolaan MAMPU ini.

**Teknologi Menggunakan Aplikasi Telefon Pintar**

Penggunaan *apps* merupakan teknologi terkini yang popular digunakan oleh pengguna. Majoriti pengguna cenderung menggunakan telefon pintar sebagai objek untuk berkomunikasi. Perkembangan teknologi mengorak langkah lebih jauh dalam pembangunan aplikasi. Mengikut Wan Nong (2016) dalam kajian dilakukan oleh *Multimedia Development Corporation* (MDEC) mendapati 15.2 juta orang menggunakan telefon pintar daripada keseluruhan 29.8 juta penduduk di Malaysia. Ia boleh dirumuskan bahawa lebih daripada penduduk Malaysia menggunakan telefon pintar dalam kehidupan mereka.

Teknologi applikasi telefon pintar ini sentiasa berkembang. Penggunaan teknologi *cloud computing (CC)*, *near field communication (NFC)*, *Quick Response Code (QR Code)*, dan *augmented reality (AR)* ialah antara teknologi yang dipraktikkan dalam carian halal. Walaupun terhad tetapi ia cuba dikembangkan oleh pengendali luar. *Cloud computing* atau pengkomputeran awan dalam ertikata yang mudah adalah untuk menyimpan dan mencapai data dan aplikasi dengan menggunakan Internet selain daripada komputer peribadi . Pengguna boleh mencapai data-data tersebut dengan menggunakan mana-mana komputer atau peranti mudah alih lain dengan menggunakan

capaian Internet (Wadah ICT 2015). Ia digunakan secara meluas untuk berkongsi data untuk menyiapkan sesuatu tugasan (Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi 2015). Secara teorinya ia boleh menjimatkan banyak benda apabila digunakan.

*Near Field Communication* atau ringkasannya *NFC* merupakan protokol penghantaran dan penerimaan data pada jarak yang dekat sahaja, iaitu pada jarak yang kurang daripada 4 sentimeter (4 cm) (Amanz 2015). Perkongsian data jarak dekat ini biasanya merupakan teknologi baharu selepas *bluetooth* yang masih terhad penggunaannya. *Quick Response Code* merujuk kepada bar kod yang boleh dicapai secara pantas (Wikipedia 2015). Apabila imbasan menggunakan telefon pintar dilakukan, maklumat yang disimpan boleh diakses oleh pengguna.

*Augmented Reality* pengguna dapat melihat gabungan objek maya dan dunia sebenar dalam masa nyata (Nincarean et al. 2013). Pengguna boleh menggunakan aplikasi telefon pintar dengan menggunakan persekitaran realiti. Walaupun teknologi ini masih terhad di negara kita dari segi penggunaannya. Pengguna telefon pintar mempunyai pilihan pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun mengikut tujuan. Pembangun telah menggunakan kelebihan dengan memperkenalkan aplikasi samada secara percuma atau berbayar. Sistem pengesahan halal juga mendapat perhatian daripada pembangun. Senario ini dapat dilihat daripada pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun oleh pengguna ke telefon pintar mereka.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dan tinjauan terhadap beberapa teknologi yang dibangunkan untuk mengenalpasti pengesahan halal produk ataupun premis makanan. Teknologi yang diuji menggunakan laman sesawang, sistem pesanan ringkas dan aplikasi telefon pintar. Kajian dijalankan melalui bacaan-bacaan melalui sumber sekunder berkenaan teknologi terbabit. Ia kemudiannya diuji dengan cubaan penggunaan. Tahap kebolehgunaan dinilai berdasarkan ujian terbabit. Analisis kandungan melibatkan teknologi yang dibangunkan oleh agensi kerajaan seperti JAKIM dan juga syarikat korporat serta penyelidik bebas.

## DAPATAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan telah mendapati beberapa dapatan seperti yang dikelaskan mengikut kategori teknologi yang disorot sebelumnya.

### a) Laman Sesawang

Carian yang dijalankan melalui laman sesawang menemukan dua sumber utama sebagai rujukan berkaitan status halal produk makanan di Malaysia . Ia merujuk kepada portal halal Jakim dan *Halal Verified Engine* (HVE).

i. Portal Halal JAKIM

Portal Halal Jabatan Kemajuan Islam dibangunkan bagi mendapatkan maklumat berkaitan halal di dalam negara. Maklumat boleh digelintar di www.halal.gov.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

yang mana mengkhususkan pencarian maklumat kepada tiga kelompok iaitu pengguna, industri dan global. Disamping itu ia menyelitkan pengumuman, berita terkini dan kenyataan media terkini. Ia juga menyediakan pautan pantas kepada maklumat berkaitan halal. Semakan halal boleh dilayari penjuru atas laman web. MyeHalal pula disediakan khusus untuk pengusaha bagi mendapatkan maklumat dan membuat pensijilan halal.

ii. *Halal Verified Engine*

*Halal Verified Engine* (HVE) merupakan sistem atas talian khas untuk memudahkan perkongsian maklumat berkaitan kesahihahan persijilan halal bahan-bahan, produk-produk , serta perkhidmatan yang berkaitan. Ia boleh diakses pengguna biasa dan pemohon sijil pengesahan halal. Ia dihasilkan oleh DagangHalal Bhd telah dilancarkan pada 11 Disember 2013. Carian untuk capaian boleh didapati melalui http://www.halalverified.com/.

Inisiatif ini adalah hasil usahasama antara JAKIM dan DagangHalal Bhd. Laman menggunakan teknologi *cloud computing* Microsoft bertindak sebagai pusat maklumat bagi badan-badan pensijilan halal, senarai produk dan perkhidmatan disahkan halal oleh JAKIM. Ia dibina dengan tujuan memudahkan dan mempercepatkan sistem permohonan dan pembaharuan sijil dengan membenarkan pengguna mencari, melihat dan memuat turun sijil-sijil halal yang sahih




Rajah 1: Paparan hadapan laman pencari sistem pengesahan halal utama di Malaysia

## b) Sistem Pesanan Ringkas

Sistem pengesahan halal melalui sistem pesanan ringkas boleh dibuat menggunakan semua jenis telefon bimbit. Sekiranya pengguna mempunyai keraguan tentang kehalalan sesuatu restoran atau produk sesebuah syarikat, semakan boleh dilakukan melalui khidmat mySMS. Rujukan di laman web halal JAKIM menyatakan prosedur langkah untuk melakukan semakan.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Berikut adalah cara-cara membuat semakan halal JAKIM melalui SMS:
Taipkan: HALAL<jarak>SEMAK<jarak>[ No Pendaftaran Syarikat ]
Contoh: HALAL SEMAK 12345X
Hantarkan SMS ke 15888




Rajah 2 Penggunaan SMS kepada pengguna

Penggunaan sistem pesanan memerlukan pengguna mendapatkan nombor daftar perniagan bagi mendapatkan pengesahan halal sesuatu produk. Kesukaran yang dihadapi ialah kebanyakan produk tidak menyenaraikan nombor pendaftaran di pembungkusan produk mereka. Dalam masa yang sama pengguna yang menyemak perlu membayar bagi perkhidmatan yang ditawarkan berbeza dengan aplikasi media sosial yang terkini.

## c) Aplikasi Telefon Pintar

Aplikasi telefon pintar merupakan perisian yang dibangunkan untuk kegunaan yang berskala kecil, peralatan tanpa wayar, tablet (Fatih Nayebi, Jean-Marc Desharnais 2012). Ia amat efektif kerana memerlukan masa yang singkat untuk menyelesaikan sesuatu keperluan, mudah dan cepat dipelajari dan melangkaui ekpektasi pengguna. Aplikasi telefon pintar merupakan teknologi yang paling banyak dibangunkan alaf kini dan makin berkembang. Bagi aplikasi berkaitan halal di Malaysia ia adalah seperti berikut:

i. MyJakim

Aplikasi pintar MyJakim telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2013 bagi meningkatkan proses penyampaian kepada umat Islam dan bukan Islam. Aplikasi ini tidak hanya sekadar berteraskan maklumat carian halal tapi dilengkapi dengan aplikasi sokongan seperti maklumat solat berdasarkan lokasi, kiblat, doa, soal jawab agama dan lain lain. Aplikasi JAKIM ini tidak mengkhususkan pencarian kepada halal sahaja tetapi melibatkan bab lain seperti maklumat solat, doa-doa, khutbah Jumaat, soal jawab dan lain-lain.

ii. *Halal Square /Halal Inside*

'*Near Field Communication*' *NFC* adalah teknologi tanpa wayar berteraskan RFID bagi jarak dekat di mana menggunakan kelajuan yang rendah (106-414 kps) yang melibatkan dua peranti berkomunikasi apabila menghampiri antara satu sama lain. Atas dasar kelebihan NFC ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memperkenalkan aplikasi 'Halal Square' dan rangkaian sosial '*Halal Inside*', yang membolehkan umat Islam mengesan restoran yang memiliki sijil halal yang dikeluarkan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) melalui telefon pintar secara pengesanan awal sejauh 500 meter. Melalui aplikasi ini juga mampu mengesan sebarang penipuan membabitkan sijil halal kerana pengguna boleh melakukan semakan. Masalah yang ketara ialah maklumat yang didapati terhad kepada lokasi restoran yang juga menggunakan sistem NFC di restoran mereka. Ia hanya melibatkan segelintir restoran di lokasi tertentu sahaja. Telefon yang

POLITEKNIK MALAYSIA
Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial ©
TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

mempunyai teknologi juga terhad dan tidak digunakan secara meluas menambahkan masalah.

iii. Halal Verified Engine

Menggunakan teknologi *Quick Response Code (QR Code)* untuk semakan melalui aplikasi telefon pintar menggunakan tanda matrik berkod (atau barkod 2 dimensi). Pengguna atau penguasa perlu capture *QR Code* pada sijil yang dikeluarkan oleh pihak Jakim bagi mengesahakan status halal. Kaedah ini dapat mengelakan pemalsuan sijil halal yang dikeluarkan sebagai langkah keselamatan dan penambahbaikan. Kebanyakan produk makanan didapati dalam negara tidak mempunyai QR kod pada produk mereka menyebabkan sistem ini hanya boleh digunakan pada item makanan tertentu sahaja.

iv. Salam Halal KL

'Salam Halal KL' merupakan antara aplikasi telefon pintar terawal di dunia menggunakan teknologi '*Augmented Reality*' yang menawarkan ciri interaktif audio, visual dan dilengkapi ciri rangkaian sosial tersendiri membolehkan pengguna berkongsi gambar hidangan makanan dan memberi komen mengenai premis makanan halal yang mereka kunjungi. Pada skrin Salam Halal KL akan menandakan lokasi premis makanan yang mendapat pensijilan halal dan jarak dari tempat mereka berada. Aplikasi ini turut membuka peluang pengiklanan untuk premis makanan yang mempunyai sijil halal. Malangnya setakat hari ini liputan teknologi ini hanya terhad di kawasan Kuala Lumpur sahaja dan masih di peringkat pengujian.




Rajah 3 Senarai Aplikasi yang melibat pencarian pengesahan halal

## 4.1 Tahap Kebolehgunaan

Berikut ialah rumusan daripada ketiga-tiga teknologi yang dilakukan pengujian.

Jadual: Tahap Kebolehgunaan

| | |
|---|---|
| **Laman Sesawang** | |
| Portal Halal JAKIM | • Antaramuka (GUI) mesra pengguna<br>• Paparan dan reka letak disesuaikan bagi capaian secara komputer dan telefon bimbit<br>• Carian enjin gelintar bagi capaian pantas dikelaskan berdasarkan negeri/kategori; contoh: syarikat, makanan, hotel dan resort.<br>• Penyenaraian terperinci bagi produk yang berstatus halal<br>• Carian terus sesuatu produk amat sukar dilaksana kerana pengguna perlu memilih negeri pengeluar berdasarkan pembungkusan/ pelabelan produk. |
| Halal Verified Engine (HVE) | • Antaramuka (GUI) mesra pengguna dengan ikon memudahkan pencarian<br>• Penggunaan konsep 1Carian untuk 1Malaysia amat baik dan memudahkan pengguna mencapai maklumat pengesahan halal. |
| **Sistem Pesanan Ringkas** | |
| SMS 15888 | • Penggunaan sistem memerlukan nombor pendaftaran syarikat untuk membuat semakan<br>• Penggunaan nilai kredit dalam penghantaran semakan status halal.<br>• Penggunaan sistem pesanan ringkas tidak lagi popular berbanding aplikasi media sosial lebih cepat dan percuma apabila mempunyai internet. |
| **Aplikasi Telefon Pintar** | |
| MyJakim | • Aplikasi yang digunakan tidak fokus kerana banyak pecahan sub maklumat disertakan selain carian halal<br>• Antara muka tidak menarik kepada golongan muda yang inginkan aplikasi yang minimalis dan ringan |
| Halal Square /Halal Inside | • Menggunakan teknologi NFC terhad kepada telefon pintar tertentu.<br>• Penggunaan terbatas kepada restoran-restoran tertentu sahaja |
| Halal Verified Engine | • Penggunaan menggunakan pengekodan QR terhad kepada produk-produk tertentu.<br>• Majoriti produk makanan tiada kod tersebut kecuali hanya segelintir |
| Salam Halal KL | • Liputan pencarian terhad di sekitar Lembah Klang/ Kuala Lumpur sahaja.<br>• Penggunaan teknologi AR juga terhad kepada restoran tertentu sahaja |

## SARANAN KAJIAN

Penggunaan teknologi merupakan usaha murni yang patut dipuji. Keinginan untuk mendapat status kehalalan merupakan sifat terpuji pegangan agama seseorang. Berdasarkan hasil pemerhatian terdapat beberapa cadangan untuk penambahbaikan bagi semua pihak agar sistem teknologi semakan/pengesanan halal dapat diperkasakan supaya aspek pemakanan halal dapat ditingkatkan. Berikut adalah di antara cadangan yang dikemukakan:

1. Penggunaan teknologi yang mudah dan pantas untuk memudahkan semua pengguna mengakses carian halal. Pemilihan aplikasi atau sistem yang serasi dengan kebanyakan gajet/peralatan dapat menjayakan teknologi terbabit.
2. Data yang dapat dicapai dengan mudah dan pantas. Data yang disimpan sepatutnya dapat diakses dengan lengkap dengan carian yang ringkas sahaja.
3. Pembangun perlu memikirkan aplikasi bersifat minimalis, ringan dan boleh digunakan oleh semua peringkat masyarakat.
4. Promosi kepada carian pengesahan halal ini perlu dijelaskan kepada khalayak secara meluas. Teknologi yang dibincangkan telah wujud hampir dua ke tiga tahun ke belakang tetapi tidak disedari akan kewujudannya.
5. Kajian lanjut yang lebih banyak dijalankan bagi terus memperkasakan sistem pengesahan halal ini

## KESIMPULAN

Penggunaan teknologi dalam pemerkasaan sistem pengesahan halal di Malaysia telah giat dilakukan. Usaha untuk membangunkannya telah dicetuskan samada diperingkat jabatan kerajaan mahupun swasta. Masalah yang timbul memerlukan kerjasama dari semua pihak agar ianya boleh diperkemaskan. Sistem data yang lengkap dan sistematik perlu dikemaskini. Pembangunan sistem perlu dibantu agar sistem yang dibangunkan memberi manfaat kepada semua peringkat dan digunakan secara meluas oleh semua peringkat lapisan pengguna.

## RUJUKAN

Ahmad Hidayat, Buang, and Mahmod Zulzaidi. 2012. "Isu Dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia." *Shariah Journal* 20 (3): 271–88.

Amanz. 2015. "Apakah Itu NFC?" *Amanz.my*. https://amanz.my/201239552/.

Bernama. 2014. "JAKIM Tidak Khianati Kepercayaan Umat Islam." *Berita Nasional Malaysia*. www.astroawani.com.

Fadzilla Norsha, Jalaludin. 2009. "Portal Gaya Hidup Sihat Untuk Atlit Bola Jaring Menggunakan Khidmat Pesanan Ringkas." Universiti Teknologi Malaysia.

Fatih Nayebi, Jean-Marc Desharnais, Alain Abran. 2012. "The State of the Art of Mobile Application Usability Evaluation." In *IEEE Canadian Conference on Electrical and Computer Engineering*. Montreal: IEEE Canada.

Hairul Anuar, Masrol. 2014. "Pengenalan Kepada Laman Web." *Slideshare*. www.slideshare.

Hairunnazri, Haron. 2009. "Sistem Pemantauan Kelajuan Bas Menggunakan Global Positioning System Dan Makluman Berasaskan Sistem Pesanan Ringkas." Universiti Teknologi Malaysia.

Khairunnisa, Ismail. 2010. "Sistem Pengesanan Pergerakan Berasaskan Sistem Pesanan Ringkas." Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Fiqrie, Ayob. 2007. "Sistem Pengurusan Tiket Berasaskan Teknologi Biometrik Dan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)." Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Amri, Abdullah. 2015. "Viral Isu Halal, Haram Tanpa Kesahihan Dianggap Fitnah." *Berita Harian Online*, November 27. www.bharian.com.my.

Muhammad Khairi, Jedris. 2007. "Sistem Temujanji Bersama Doktor Berasaskan Aplikasi Web Dan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS)." Universiti Teknologi Malaysia.

Nincarean, Danakorn, a L Eh Phon, Mohamad Bilal, Noor Dayana, and Abd Halim. 2013. "Potensi Teknologi Augmented Reality Dalam Pembelajaran Sains : Satu Tinjauan

Terhadap Penyelidikan Lepas," no. Isqae: 326–36.
Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi. 2015. "Cloud Computing Atau Perkomputeran Awan." *Portal Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan*. http://ppkt.eng.usm.my/index.php/ms/galeri/tips-tricks/94-cloud-computing-atau-perkomputeran-awan.
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). 2016. "Portal Rasmi Perkhidmatan Mudah Alih Kerajaan Malaysia." *MyGov Mobile*. www.mymobile.gov.my.
Utusan Malaysia. 2014. "Jangan Salahkan Jakim." *Utusan Malaysia Online*, June 1. www.utusan.com.my.
Wadah ICT. 2015. "Cloud Computing." *Universiti Kebangsaan Malaysia*. http://www.ukm.my/wadahict/cloud-computing/.
Wan Nong, Muzafar. 2016. *Kuasai Perniagaan Internet*. 1st ed. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd.
Wikipedia. 2015. "Kode QR." *Ensiklopedia Bebas Wikipedia*. https://id.wikipedia.org/wiki/Kode_QR.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Noor Fiteri Abdullah**
Pensyarah,
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
fiteri@gmail.com

**Afzanizam Alias**
Pensyarah,
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
mzhafiz84@gmail.com

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# MENINGKATKAN PENGUASAAN HURUF VOKAL ALIF DALAM PENULISAN SUKU KATA TERBUKA DAN TERTUTUP MENGGUNAKAN TEKNIK 'KUNCI MANGGA'

**Naquiah Nahar**
**Jimaain Safar**
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

## ABSTRACT

Proficiency in Islamic Studies is highly dependent on student's proficiency in Jawi reading and writing. However, the study found that the student's proficiency level in Jawi reading and writing skills is still low. The use of alif vowel often invites confusion and students find it difficult to determine when the vowel 'a'' should be translated into alif alphabet and manifested in writing or otherwise. Thus, this study aims to help improve the student's proficiency towards the use of alif vowel in Malay open and closed syllables writing using 'padlock' technique. This technique is a formula to determine whether the alif vowel should be created or removed in writing by using a card with 'key' symbol for open syllables and a card with 'padlock' symbol for closed syllables. The study consisted of five year 2 pupils in one of the primary schools in Melaka who have been identified to have problems in mastering the use of alif vowel in Malay open and closed syllables writing. The data was collected through observation, document analysis, preliminary test and final test. The results showed an increase in the mean score after the subjects of the study were introduced to 'padlock' technique in their teaching and learning process, which is from 37.2% at the preliminary test to 72.1% at the final test. In conclusion, the 'padlock' technique has helped improve the students' understanding of the use of alif vowel in Malay open and closed syllables writing.

**Keywords:** 'padlock' technique, 'alif' vowel, open and closed syllables

## *ABSTRAK*

*Penguasaan terhadap kandungan ilmu dalam Pendidikan Islam amat bergantung kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi. Namun begitu kajian mendapati bahawa tahap penguasaan Jawi pelajar dalam kemahiran membaca dan menulis masih berada pada tahap yang rendah. Penggunaan vokal alif sering mengundang kekeliruan dan pelajar menghadapi kesukaran untuk menentukan bila vokal 'a' perlu diterjemahkan kepada huruf alif serta diwujudkan dalam penulisan atau sebaliknya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan pelajar terhadap penggunaan huruf vokal alif dalam penulisan perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu menggunakan teknik 'kunci mangga'. Teknik ini merupakan formula untuk menentukan sama ada huruf vokal alif perlu diwujudkan atau dibuang dalam penulisan dengan menggunakan kad simbol 'kunci' bagi perkataan suku kata terbuka dan kad simbol 'mangga' bagi perkataan suku kata tertutup. Subjek kajian terdiri daripada 5 orang murid tahun 2 di salah sebuah sekolah rendah di negeri Melaka yang telah dikenal pasti mempunyai masalah untuk menguasai kemahiran penggunaan huruf vokal alif dalam*

*penulisan perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu. Pemerolehan data kajian ini adalah melalui instrumen berbentuk pemerhatian, analisis dokumen, ujian awal dan ujian akhir. Dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan purata markah setelah subjek kajian diperkenalkan dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik 'kunci mangga' iaitu daripada 37.2% pada ujian awal kepada 71.8% pada ujian akhir. Kesimpulannya, teknik 'kunci mangga' ini telah membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penggunaan huruf vokal alif dalam penulisan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu.*

***Kata kunci*** *: teknik 'kunci mangga', huruf vokal alif, perkataan suku kata terbuka dan tertutup*

## PENDAHULUAN

Sistem pendidikan di Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50 telah menetapkan mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan kepada semua pelajar yang beragama Islam di negara ini (Hamdi *et al*. 2012). Pendidikan Islam di sekolah rendah memfokuskan tujuh bidang dalam pembelajaran iaitu Tilawah Al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan Pelajaran Jawi. Kementerian Pendidikan pada tahun 1992 telah memasukkan pelajaran Jawi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang menekankan pelbagai jenis kemahiran merangkumi kemahiran mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) dan telah diperkukuhkan dengan pelaksanaan program j-QAF yang bermula pada tahun 2004 berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Kemahiran-kemahiran tersebut perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar kerana pengajaran Pendidikan Islam diajar sepenuhnya dalam tulisan Jawi di peringkat sekolah rendah dan menengah (Asmawati *et al*., 2008), malah bahan sumber Pendidikan Islam juga sebahagian besarnya ditulis dalam tulisan Jawi (Akmariah & Sofiah, 2010; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015; Hashim, 2005; Hashim & Adi Yasran, 2009; Nik Rosila, 2007; Nazimah, 2013; Norizan & Nor Azan, 2013). Keupayaan pelajar menguasai kandungan ilmu dalam bidang Pendidikan Islam adalah amat bergantung kepada penguasaannya terhadap kemahiran membaca dan menulis Jawi yang baik. Tanpa kebolehan membaca dan menulis Jawi yang baik, pelajar tidak akan mampu menguasai ilmu yang disampaikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan berkesan.

## PENYATAAN MASALAH

Kebolehan membaca dan menulis Jawi merupakan tonggak utama umpama gerbang pada pembelajaran Pendidikan Islam (Norizan & Nor Azan, 2013) serta merupakan warisan kebudayaan Melayu yang unggul (Nazimah, 2013). Namun begitu, penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar didapati adalah di tahap lemah (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015; Awang, 1989; Faisal & Niswa, 2009; Hashim & Adi Yasran, 2009; Nik Rosila, 2007; Norhazliana, Saedah, Zaharah *et al*., 2010). Pelajar secara umumnya menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran mengenal huruf Jawi yang sama bentuk (Azlan Shah, 2012), menyambung huruf tunggal Jawi (Mohd Yasir Almandily, 2012) dan kemahiran membaca

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

dan menulis perkataan mudah dari suku kata terbuka dan tertutup (Asmawati *et al.*, 2008).

Wan Mat (2013) telah menjalankan kajian secara khusus yang bertujuan untuk melihat bahagian, pola dan kaedah penulisan Jawi baru yang mana sering menjadi kesukaran bagi pelajar dalam pembelajaran dan penulisan Jawi dan mendapati bahawa salah satu isu yang menjadi permasalahan ialah penggunaan vokal alif dalam Jawi bagi menggantikan vokal 'a' dalam rumi sama ada dalam suku kata terbuka atau tertutup. Ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran mengeja, membaca dan menulis Jawi dengan ejaan yang betul. Pelajar menghadapi kesukaran untuk menentukan bila vokal 'a' perlu diterjemahkan kepada alif dalam Jawi atau sebaliknya. Semasa pengajaran Jawi, kaedah inilah yang banyak mengelirukan pelajar. Kekeliruan ini menyebabkan mereka gagal untuk menguasai kemahiran menulis perkataan suku kata terbuka serta suku kata tertutup Jawi dengan betul dan masalah yang sama juga yang dihadapi oleh subjek dalam kajian ini.

## FOKUS KAJIAN

Kajian ini hanya berfokus kepada masalah penguasaan murid dalam penggunaan huruf vokal alif bagi kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu. Ia juga berfokus kepada penggunaan teknik 'kunci mangga' sebagai kaedah rawatan. Simbol yang digunakan ialah 'kunci' dan 'mangga' seperti dalam rajah 1.

| *SIMBOL* | *MAKNA* |
|---|---|
|  | Suku kata terbuka (K + V) yang perlu diwujudkan huruf 'alif' dalam penulisan. |
|  | Suku kata tertutup (K + V + K) yang diapit oleh dua konsonan dan huruf 'alif' tidak perlu diwujudkan dalam penulisan. |

Rajah 1 Makna Simbol 'Kunci' dan 'Mangga'

Gambar simbol 'kunci' digunakan bagi mewakili huruf vokal alif yang mesti diwujudkan dalam penulisan suku kata terbuka dan simbol 'mangga' bagi mewakili huruf vokal alif yang digugurkan dari penulisan bagi suku kata tertutup. Proses pembelajaran teknik 'kunci mangga' seperti yang digambarkan dalam rajah 2.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356




Rajah 2 : Proses Pembelajaran Menggunakan Teknik 'Kunci Mangga'

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif berikut :

1. Membantu murid menguasai penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja perkataan suku kata terbuka kata jati Melayu menggunakan teknik 'kunci mangga'.
2. Membantu murid menguasai penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran menjawikan perkataan suku kata terbuka kata jati Melayu menggunakan teknik 'kunci mangga'.
3. Membantu murid menguasai penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja perkataan suku kata tertutup kata jati Melayu menggunakan teknik 'kunci mangga'.
4. Membantu murid menguasai penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran menjawikan perkataan suku kata tertutup kata jati Melayu menggunakan teknik 'kunci mangga'.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk Penyelidikan Tindakan yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi atau membentuk pendekatan baru bagi menyelesaikan sesuatu masalah (Chua, 2006; Ahmad Sunawari, 2008; Mohamad Najib, 2014). Kumpulan sasaran bagi kajian ini terdiri dari 5 orang murid Tahun Dua di sebuah sekolah rendah kebangsaan di negeri Melaka yang telah dikenal pasti menghadapi masalah untuk menguasai kaedah penulisan huruf vokal alif dalam perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu. Kajian ini menggunakan Model Penyelidikan Tindakan yang diadaptasi daripada Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Model ini terdiri daripada lima peringkat iaitu mengenal pasti aspek amalan, perancangan, tindakan atau implementasi, pengumpulan data dan refleksi.

**CARA PENGUMPULAN DATA**

Proses pengumpulan data merupakan proses yang penting sepanjang penyelidikan tindakan ini dilaksanakan. Menurut Ahmad Sunawari (2008), darjah saintifik sesebuah penyelidikan bergantung kepada proses pengumpulan data yang sempurna dan boleh dipercayai bagi mendapatkan data yang tepat. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui cara:

**Pemerhatian**

Pemerhatian dilakukan bagi memudahkan pengkaji melihat tahap perkembangan dan penguasaan subjek kajian sepanjang proses kajian ini dijalankan. Proses pemerhatian dijalankan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran melalui latihan menjawikan beberapa perkataan yang diberikan di papan putih. Kesalahan ejaan dan pola kesalahan subjek kajian kemudiannya direkodkan dalam borang penilaian pemerhatian dan borang senarai semak penguasaan kemahiran Jawi.

**Analisis Dokumen**

Analisis dokumen adalah sumber data yang paling mudah, murah dan cepat untuk diperoleh serta dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji kerana dokumen adalah maklumat yang telah sedia ada (Institut Aminudin Baki, 2012). Menurut Ahmad Sunawari (2008), analisis dokumen juga berperanan untuk menyusun dan mengenal pasti masalah yang dikaji, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang lebih kritis dan memperluas pengalaman ilmiah. Analisis dokumen bagi kajian ini ialah buku latihan murid yang disemak selepas subjek kajian diberikan latihan menjawikan perkataan suku kata terbuka dan tertutup sebelum dan selepas fasa rawatan dijalankan. Semakan buku latihan murid digunakan untuk mengesan aspek kelemahan subjek kajian dan bagi melihat perkembangan penguasaan mereka.

**Ujian**

Ujian merupakan kaedah yang digunakan untuk mengutip data bagi nenilai dan mengesan kefahaman murid terhadap sesuatu topik yang dipelajari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008) bagi menjamin kesahihan dan ketepatan apa yang hendak diukur dari respoden kajian (Ahmad Sunawari, 2008). Bagi kajian ini, dua jenis ujian digunakan iaitu Ujian Awal dan Ujian Akhir. Kedua-dua ujian ini mengandungi 3 set soalan bagi menguji penguasaan murid dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata terbuka dan 2 set soalan yang menguji penguasaan murid dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata tertutup.

## PROSEDUR TINDAKAN

### a. Mengenal pasti aspek amalan

Bagi peringkat pertama, masalah yang dihadapi oleh subjek kajian telah dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap gaya belajar serta penguasaan mereka dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu

melalui aktiviti menjawikan perkataan di papan putih. Aspek amalan juga dikenal pasti melalui semakan terhadap hasil kerja di dalam buku latihan.




Rajah 3 Kesalahan Penggunaan Huruf Vokal Alif yang Dilakukan oleh Subjek Kajian

Rajah 3 menunjukkan contoh masalah pembelajaran subjek kajian yang telah dikenal pasti melalui semakan latihan menjawikan perkataan di buku latihan. Berdasarkan hasil dapatan daripada kedua-dua instrumen ini iaitu melalui pemerhatian dan analisis dokumen telah membantu di dalam mengenal pasti aspek amalan yang ingin dikaji.

### b. Perancangan

Suatu pelan tindakan yang sistematik telah dirancang bagi melaksanakan kajian ini. Perancangan pelan tindakan untuk kajian ini seperti dalam rajah 4 ini meliputi;




Rajah 4 Perancangan Pelan Tindakan Kajian

Setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh subjek kajian melalui tinjauan awal, ujian awal telah dijalankan untuk mendapatkan data yang lebih tepat bagi mengukur sejauh mana penguasaan subjek kajian dalam kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan suku kata terbuka dan tertutup kata jati Melayu. Ujian awal merupakan data primer bagi kajian ini.

Berdasarkan analisis ujian awal yang dijalankan, subjek kajian didapati tidak dapat membezakan fungsi penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan suku kata terbuka [konsonan + vokal] dan suku kata tertutup [konsonan + konsonan]. Subjek kajian tidak memahami bila huruf vokal alif patut diwujudkan dalam penulisan dan dalam keadaan yang bagaimana huruf vokal alif itu perlu dibuang.

Masalah ini perlu diatasi dengan segera agar ianya tidak berterusan sehingga memberi kesan kepada pembelajaran murid di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

yang menggunakan sepenuhnya tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran serta bahan sumber yang ditulis dalam tulisan Jawi. Pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi juga akan semakin ketinggalan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Muhammad, 1992) kerana buku teks Pendidikan Islam juga ditulis dalam tulisan Jawi menyebabkan keupayaan menguasai tulisan Jawi amat mempengaruhi kefahaman dan penguasaan mereka dalam mata pelajaran tersebut (Che Siah, 2007).

### c. Tindakan

**Langkah 1**

Jadual 1: Pelaksanaan Fasa Rawatan Langkah 1

| *Aktiviti/Perkara* | *Rasional* | *Tindakan Guru* | *Tindakan Murid* |
|---|---|---|---|
| Pengenalan kaedah pengajaran menggunakan teknik 'kunci mangga'. | Memastikan subjek kajian mengecam simbol yang digunakan dan dapat mengingati makna simbol tersebut. | 1. Memperkenalkan kad yang mengandungi simbol :<br><br>a) kunci<br>b) manga | 1. Mengenal pasti / mengecam simbol yang diperkenalkan |
| | | 2. Membimbing subjek kajian untuk mengingati makna setiap simbol | 2. Latih tubi mengingati makna setiap simbol |

Berdasarkan jadual 1, langkah 1 bagi fasa rawatan ialah guru memperkenalkan 2 keping kad bergambar yang mempunyai simbol 'kunci' dan 'mangga' kepada subjek kajian. Guru menerangkan makna simbol 'kunci' dan 'mangga' dan membimbing subjek kajian untuk mengecam serta mengingati makna kedua-dua simbol tersebut.

**Langkah 2**

Jadual 2: Pelaksanaan Fasa Rawatan Langkah 2

| *Aktiviti/Perkara* | *Rasional* | *Tindakan Guru* | *Tindakan Murid* |
|---|---|---|---|
| Tunjuk cara penggunaan teknik 'kunci mangga'. | Memastikan subjek kajian memahami cara penggunaan teknik 'kunci mangga' untuk diaplikasikan dalam proses mengeja dan menjawikan perkataan. | 1. Memaparkan kad imbasan yang mengandungi 1 suku kata terbuka, contoh: **'ba'**<br><br>2. Meminta subjek kajian menjawikan perkataan mengikut kaedah padanan huruf menggunakan kad huruf yang disediakan. | 1. Menyebut perkataan yang dipaparkan guru.<br><br>2. Memilih dan menyusun kad huruf serta kad simbol. |

Bagi fasa rawatan untuk langkah 2 pula, guru membuat tunjuk cara penggunaan teknik 'kunci mangga' dengan memaparkan kad imbasan yang mengandungi satu suku kata terbuka contohnya 'ba'. Subjek kajian diminta untuk menjawikan perkataan mengikut kaedah padanan huruf menggunakan kad huruf yang disediakan.

**Langkah 3**

Jadual 3: Pelaksanaan Fasa Rawatan Langkah 3

| ***Aktiviti / Perkara*** | ***Rasional*** | ***Tindakan Guru*** | ***Tindakan Murid*** |
|---|---|---|---|
| Menjawikan perkataan 2 suku kata terbuka menggunakan teknik 'kunci'. | Memahirkan subjek kajian tentang kaedah penambahan huruf vokal 'alif' pada perkataan 2 suku kata terbuka. | 1. Memaparkan kad imbasan yang mengandungi perkataan 2 suku kata terbuka, contoh: '**jala**'<br><br>2. Meminta subjek kajian mencerakinkan perkataan kepada suku kata.<br><br>3. Membimbing subjek kajian menjawikan suku kata yang telah dicerakin menggunakan teknik 'kunci'. | 1. Menyebut perkataan yang dipaparkan guru.<br><br>2. Mencerakinkan perkataan kepada suku kata.<br><br>3. Menjawikan suku kata menggunakan kad huruf dan kad simbol. |

Fasa rawatan bagi langkah 3, subjek kajian didedahkan pula dengan perkataan dua suku kata terbuka contohnya 'jala' dan guru meminta subjek kajian mencerakinkan perkataan tersebut kepada suku kata. Seterusnya guru membimbing subjek kajian menjawikan suku kata yang telah dicerakin menggunakan teknik 'kunci mangga'.

**Langkah 4**

Jadual 4 : Pelaksanaan Fasa Rawatan Langkah 4

| ***Aktiviti / Perkara*** | ***Rasional*** | ***Tindakan Guru*** | ***Tindakan Murid*** |
|---|---|---|---|
| Menjawikan perkataan 1 suku kata tertutup menggunakan teknik 'mangga'. | Memahirkan subjek kajian tentang kaedah pembuangan huruf vokal 'alif' pada perkataan 1 suku kata tertutup. | 1. Memaparkan kad imbasan yang mengandungi perkataan 1 suku kata tertutup, contoh:'**pam**'<br><br>2. Membimbing subjek kajian menjawikan suku kata tertutup menggunakan teknik 'mangga'. | 1. Menyebut perkataan yang dipaparkan guru.<br><br>2. Menjawikan suku kata menggunakan kad huruf dan kad simbol. |

Langkah terakhir bagi fasa rawatan ini diakhiri dengan guru membimbing subjek kajian menjawikan perkataan suku kata tertutup pula menggunakan teknik 'kunci mangga'. Latihan menjawikan perkataan terus diberikan sehingga subjek kajian benar-benar mahir dan menguasai kaedah penambahan dan pembuangan huruf vokal 'alif'' dalam penulisan

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

suku kata terbuka dan tertutup. Rajah 5 menunjukkan contoh pelaksanaan fasa rawatan menggunakan teknik 'kunci mangga' ke atas salah seorang subjek kajian.




Rajah 5 Pelaksanaan Fasa Rawatan Menggunakan Teknik 'Kunci Mangga'

# PENGUMPULAN DATA

## Analisis Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan bagi memudahkan proses meninjau tahap perkembangan dan penguasaan subjek kajian sepanjang proses kajian ini dijalankan. Pemerhatian merupakan kaedah yang penting dalam mendapatkan data (Ahmad Sunawari, 2008) kerana kajian boleh dijalankan tanpa sebarang soalan dan 'kayu pengukur' (Mohamad Najib, 1999). Setiap maklumat yang diperoleh sangat penting bagi membantu pelaksanaan kajian ini. Seiring dengan penyataan Nordin (2012), data yang dipungut melalui pemerhatian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya ia dilaksanakan secara teratur dalam situasi kajian yang sebenar. Untuk menganalisis masalah pembelajaran yang dihadapi oleh subjek kajian, data awal telah diambil dengan menganalisis hasil kerja murid melalui pemerhatian dan semakan di buku latihan mereka. Kesalahan ejaan yang dilakukan oleh subjek kajian telah dicatatkan dalam borang markah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Markah Kesalahan Ejaan Subjek Kajian

| *Suku kata* | *Subjek Kajian* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | *Murid A* | *Murid B* | *Murid C* | *Murid D* | *Murid E* |
| Suku Kata Terbuka Terbuka | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Suku Kata Terbuka Tertutup | 3 | 1 | 2 | 1 | 1 |
| Suku Kata Tertutup Terbuka | 3 | 2 | 2 | 2 | 1 |
| Satu Suku Kata Tertutup | 2 | 1 | 2 | 2 | 1 |
| Suku Kata Tertutup Tertutup | 3 | 3 | 2 | 3 | 2 |
| ***Jumlah*** | ***12/15*** | ***7/15*** | ***8/15*** | ***8/15*** | ***5/15*** |
| ***Peratus*** | ***80%*** | ***47%*** | ***53%*** | ***53%*** | ***33%*** |

Analisis data pemerhatian juga telah dilakukan melalui latihan menjawikan 3 set perkataan suku kata terbuka yang diberi kepada subjek kajian sewaktu fasa rawatan. Skor yang diperoleh oleh subjek kajian setelah menjawikan 15 perkataan yang diberi telah dicatatkan di dalam borang markah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.

Jadual 6: Markah Menjawikan Perkataan Suku Kata Terbuka Set 1-3

| **PERKATAAN** | **KEMAHIRAN** | **SUBJEK KAJIAN** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Murid A** | **Murid B** | **Murid C** | **Murid D** | **Murid E** |
| SET 1 | Mengeja | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 4/5 | 4/5 |
| | Menulis | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 4/5 | 4/5 |
| SET 2 | Mengeja | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| | Menulis | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| SET 3 | Mengeja | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| | Menulis | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| **JUMLAH** | | **26/30** | **30/30** | **30/30** | **28/30** | **28/30** |
| **PERATUS** | | **86.7%%** | **100%** | **93.3%** | **93.3%** | **93.3%** |

Berdasarkan Jadual 6, murid C telah berjaya menjawikan kesemua perkataan suku kata terbuka yang diberi dengan betul iaitu memperoleh skor 30/30 atau 100%. Murid A pula telah memperoleh skor 26/30 atau 86.7%, manakala murid B, murid D dan murid E masing-masing memperoleh skor 28/30 atau 93.3%. Ini jelas menunjukkan bahawa subjek kajian telah menguasai konsep penambahan dan pembuangan huruf vokal alif di dalam kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan 2 suku kata terbuka kata jati Melayu.

Bagi perkataan suku kata tertutup pula, latihan menjawikan 2 set perkataan yang mengandungi 10 perkataan 1 suku kata tertutup telah diberi kepada subjek kajian sewaktu fasa rawatan. Skor yang diperoleh oleh subjek kajian seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 7.

Jadual 7: Markah Menjawikan Perkataan Suku Kata Tertutup Set 1-2

| **PERKATAAN** | **KEMAHIRAN** | **SUBJEK KAJIAN** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Murid A** | **Murid B** | **Murid C** | **Murid D** | **Murid E** |
| SET 1 | Mengeja | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 4/5 | 4/5 |
| | Menulis | 4/5 | 5/5 | 5/5 | 4/5 | 4/5 |
| SET 2 | Mengeja | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| | Menulis | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 | 5/5 |
| **JUMLAH** | | **18/20** | **20/20** | **20/20** | **18/20** | **18/20** |
| **PERATUS** | | **90%%** | **100%** | **100%** | **90%** | **90%** |

Berdasarkan analisis di dalam Jadual 7, dua orang subjek kajian iaitu murid B dan murid C telah berjaya menjawikan kesemua 10 perkataan yang diberi dengan betul. Mereka memperoleh skor 20/20 atau 100%, manakala murid A, murid D dan murid E pula berjaya menjawikan 18/20 dari perkataan yang diberi atau 90%. Pencapaian subjek kajian yang sangat memberangsangkan ini menunjukkan bahawa aplikasi teknik simbol 'mangga' yang digunakan untuk mewakili ejaan suku kata tertutup apabila vokal 'a' diapit oleh dua konsonan telah membantu subjek kajian untuk memahami kaedah pembuangan huruf vokal alif di dalam kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan suku kata tertutup bagi kata jati Melayu.

## ANALISIS UJIAN

Ujian seringkali digunakan untuk penentuan pencapaian kecerdasan dan bakat pelajar untuk membolehkan penilaian terhadap sejauh mana ciri-ciri tersebut ada pada seorang pelajar (Ahmad Sunawari, 2008). Dalam kajian ini, pelaksanaan ujian awal dan ujian akhir ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keberhasilan penggunaan teknik 'kunci mangga' terhadap subjek kajian dalam menguasai kemahiran penggunaan huruf vokal alif bagi penulisan perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu. Keberhasilan dan pencapaian objektif kajian dapat dilihat melalui perbandingan hasil dapatan daripada markah ujian awal dan ujian akhir yang telah dijalankan sewaktu tempoh pelaksanaan kajian ini.

Data yang diperoleh telah dianalisis untuk melihat pencapaian subjek kajian dalam ujian awal dan ujian akhir dan membuat perbandingan keputusan kedua-dua ujian tersebut serta mengesan perubahan yang berlaku dalam aspek penguasaan penggunaan huruf vokal alif dalam penulisan perkataan suku kata terbuka dan tertutup. Perbandingan pencapaian skor dan peratus keseluruhan subjek kajian di dalam ujian awal dan akhir adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 8.

Jadual 8: Perbandingan Skor Ujian Awal dan Ujian Akhir

| | PERBANDINGAN SKOR | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Ujian Awal | | Ujian Akhir | | Peningkatan |
| **Subjek Kajian** | **Markah** | **Peratus (%)** | **Markah** | **Peratus (%)** | **(+)** |
| Murid A | 16/40 | 40.0% | 23/40 | 58.0% | **+18.0%** |
| Murid B | 16/40 | 40.0% | 28/40 | 70.0% | **+30.0%** |
| Murid C | 19/40 | 48.0% | 31/40 | 78.0% | **+30.0%** |
| Murid D | 14/40 | 35.0% | 32/40 | 80.0% | **+45.0%** |
| Murid E | 9/40 | 23.0% | 29/40 | 73.0% | **+50.0%** |
| **PURATA/MIN** | **14.8/40** | **37.2%** | **28.6/40** | **71.8%** | **+34.6%** |

Berdasarkan Jadual 8, kesemua subjek kajian telah menunjukkan peningkatan skor di dalam ujian akhir iaitu setelah fasa rawatan dijalankan. Murid E mencatatkan peningkatan paling ketara iaitu memperoleh 73% untuk ujian akhir atau peningkatan sebanyak 50% daripada 23% sahaja markah sewaktu ujian awal. Murid B dan C pula mencatatkan jumlah peningkatan skor yang sama iaitu sebanyak 30%. 40% skor yang diperoleh oleh murid B di dalam ujian awal telah meningkat kepada 70% di dalam ujian akhir. Begitu juga dengan murid C yang telah meningkat dari skor 40% di dalam ujian awal kepada 78% sewaktu ujian akhir.

Walau bagaimanapun, murid A tidak menunjukkan peningkatan yang banyak seperti subjek kajian yang lain. Beliau yang merupakan seorang pendiam dan pasif di dalam kelas hanya memperoleh skor 58% di dalam ujian akhir iaitu peningkatan sebanyak 18% daripada skor 40% sewaktu ujian awal. Manakala murid D pula menunjukkan peningkatan yang ketara di dalam ujian akhir iaitu skor sebanyak 80% berbanding 35% skor yang diperoleh sewaktu ujian awal. Purata skor keseluruhan kesemua subjek kajian ialah 37.2% pada ujian awal dan meningkat kepada purata 71.8% pada ujian akhir iaitu purata peningkatan sebanyak 34.6%. Rajah 6 menunjukkan graf perbandingan skor yang diperoleh subjek kajian di dalam ujian awal dan akhir.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356




Rajah 6: Graf Perbandingan Markah Ujian Awal dan Akhir

## REFLEKSI

Peringkat terakhir dalam kajian yang menggunakan Model Penyelidikan Tindakan daripada Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) ini ialah melaksanakan refleksi iaitu menilai kembali kesan tindakan yang telah diambil serta kefahaman baru yang diperoleh menerusi pelaksanaan aktiviti dalam fasa rawatan. Peringkat refleksi juga adalah menganalisis sebarang perubahan dan peningkatan pencapaian subjek kajian di samping menilai keberkesanan tindakan yang dilakukan.

Sebelum fasa rawatan dijalankan, subjek bagi kajian ini telah dikenal pasti menghadapi masalah untuk membezakan fungsi penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja dan menjawikan perkataan suku kata terbuka [konsonan + vokal] dan suku kata tertutup [konsonan + konsonan]. Berdasarkan proses pemerhatian melalui latihan menjawikan perkataan di papan putih dan analisis dokumen melalui semakan latihan menjawikan di buku latihan, subjek kajian telah dikenal pasti melakukan pola kesalahan ejaan yang sama.

Namun, setelah fasa rawatan dijalankan, subjek kajian didapati menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran membaca dan menjawikan perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu yang amat ketara sekali. Melalui penggunaan simbol dalam teknik 'kunci mangga', subjek kajian dilihat dapat memahami tentang konsep penambahan dan pembuangan huruf vokal 'alif' dalam suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu dengan lebih mudah dan cepat, seterusnya membantu mereka menulis Jawi dengan ejaan yang betul.

Di samping itu juga, penggunaan teknik 'kunci mangga' dilihat mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran Jawi yang menyeronokkan dalam kalangan murid. Teknik 'kunci mangga' berupaya membantu guru menyampaikan konsep pembelajaran dengan lebih mudah tanpa memerlukan guru menggunakan kaedah

pengajaran berpusatkan guru seperti penerangan, syarahan dan sebagainya. Penggunaan teknik 'kunci mangga' juga mengasah kreativiti guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran yang berbentuk *hands on learning* serta pengajaran secara berpusatkan murid dan berpusatkan bahan.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN DAPATAN

**Teknik 'kunci mangga' dapat membantu penguasaan murid terhadap penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata terbuka kata jati Melayu.**

Teknik 'kunci mangga' melalui penggunaan simbol 'kunci' yang mewakili huruf vokal alif dalam suku kata terbuka dilihat telah membantu subjek kajian untuk mengenal pasti dan memahami situasi bila huruf vokal alif perlu diwujudkan dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata terbuka kata jati Melayu.

Berdasarkan prestasi subjek kajian yang telah direkod di dalam borang markah menjawikan perkataan set 1-3 (rujuk Jadual 6), penguasaan subjek kajian menunjukkan peningkatan yang sangat ketara iaitu murid C telah berjaya menjawikan kesemua 15 perkataan di dalam soalan set 1-3 dengan betul setelah diaplikasikan teknik simbol 'kunci' di dalam fasa rawatan. Manakala murid A berjaya menjawikan 13 perkataan dan murid B, murid D dan murid E pula masing-masing berjaya menjawikan 14 perkataan yang diberi dengan ejaan yang betul.

Kajian ini bertepatan dengan kajian Nurdina (2012) yang juga turut menggunakan teknik simbol dalam kajiannya yang bertajuk *'Meningkatkan Kemahiran Membaca Iqra' 1-3 dengan Menggunakan Sifir Fakadom'*. Penggunaan simbol tiga ikon mimik muka berbeza iaitu ikon 'senyum' untuk menulis kalimah berbaris kasrah, simbol ikon 'nganga' untuk kalimah berbaris fathah dan simbol ikon 'bibir muncung' bagi kalimah berbaris dhammah. Hasil kajian beliau menunjukkan kesemua subjek kajian berjaya mencatat keputusan 100% boleh mengenal dan membunyikan baris fathah, kasrah dan dhammah dengan betul berbanding hanya 10% sahaja dalam ujian awal.

**Teknik 'kunci mangga' dapat membantu penguasaan murid terhadap penggunaan huruf vokal alif dalam kemahiran mengeja dan menulis perkataan suku kata tertutup kata jati Melayu.**

Aplikasi teknik simbol 'mangga' yang digunakan untuk mewakili ejaan suku kata tertutup apabila vokal 'a' diapit oleh dua konsonan dilihat telah membantu subjek kajian memahami kaedah pembuangan huruf alif apabila mengeja suku kata tertutup bagi kata jati Melayu. Subjek kajian berjaya mengeja perkataan yang terdiri daripada suku kata tertutup yang diberikan dan mampu menjawikannya dengan betul apabila diaplikasikan penggunaan kad simbol 'mangga' di dalam pengajaran sewaktu fasa rawatan. Malah, subjek kajian juga dilihat lebih yakin dan tidak teragak-agak untuk tidak meletakkan huruf alif ketika mengeja suku kata tertutup. Ini menunjukkan bahawa mereka benar-benar telah memahami konsep pembuangan huruf alif di dalam mengeja suku kata tertutup melalui penggunaan kad simbol 'mangga' ini.

Berdasarkan analisis markah ujian akhir telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara terhadap pencapaian murid bagi soalan 5 iaitu menjawikan perkataan suku kata tertutup. Jumlah jawapan yang betul secara keseluruhan diperoleh oleh kesemua subjek kajian telah meningkat kepada 30 berbanding hanya 10 sahaja di dalam ujian awal iaitu sebelum subjek kajian diperkenalkan dengan penggunaan teknik 'kunci mangga'. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Dalilah dan Abdul Kahar (2009) yang bertajuk *'Dalil Avu Zar Zad: Teaching Students to Write Jawi and to Recognize Which Jawi Alphabets That Can Be Joined with Other Characters in Written Jawi*',

kajian Md Hidayat (2012) yang bertajuk *'Penggunaan Warna & Simbol (W&S) dalam Kemahiran Menyambung Huruf Jawi Bagi Tahun Tiga'* dan Mohd Yasir Almandily (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *'Kaedah Berkesan Vokal AWI dalam Membantu Penyambungan Huruf Vokal Jawi untuk Murid Tahun Enam'* yang turut mengaplikasikan teknik pengajaran menggunakan simbol (+) bagi huruf Jawi yang boleh disambung selepasnya dan simbol (-) bagi huruf jawi yang tidak boleh disambung selepasnya di dalam kemahiran mengeja suku kata terbuka dan tertutup. Dapatan kajian Dalilah & Abdul Kahar (2009) berdasarkan analisis perbandingan ujian awal dan ujian akhir yang dijalankan menunjukkan peningkatan sebayak 80% lulus berbanding hanya 20% di dalam ujian awal sebelum teknik simbol (+) dan (-) ini diaplikasikan.

Peranan simbol atau imej visual dalam proses pengajaran juga turut disentuh oleh Jensen (2008) yang menyatakan bahawa 80% daripada informasi yang diterima oleh otak adalah dalam bentuk visual, manakala 36,000 mesej dalam bentuk visual dapat diterima oleh mata dalam masa satu jam dan terus disambung ke otak. Oleh itu, pengajaran menggunakan imej visual seperti simbol 'kunci' dan 'mangga' yang diaplikasikan di dalam kajian ini dilihat bertepatan sekali dengan penyataan beliau kerana penggunaan simbol tersebut telah berjaya meningkatkan kemahiran murid mengeja dan menulis perkataan suku kata terbuka dan tertutup bagi kata jati Melayu.

Selain daripada menjawab persoalan-persoalan bagi kajian ini, dapatan kajian juga dapat dilihat melalui perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh subjek kajian sewaktu mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam fasa rawatan. Mereka dilihat lebih seronok dan teruja untuk mengikuti aktiviti menjawikan perkataan menggunakan teknik 'kunci mangga' ini. Oleh yang demikian, perubahan tingkah laku ini memberi kesan yang besar kepada kesediaan dan minat subjek kajian untuk menerima pelajaran dengan baik. Seseorang murid yang bersedia dari segi mental mudah menerima pelajaran (Ismail, 2008; Suhaili, 2015; Zuhaila, 2015; Noraini & Zamri, 2016), bersifat rasional serta bijak membuat keputusan. Dalam erti kata lain, subjek kajian mampu mengikuti sesi pembelajaran dengan berkesan apabila mereka menyukai aktiviti yang dilakukan dan dapat menerimanya dengan baik. Guru juga harus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar (Junaidah, 2011) serta menggalakkan penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran (Akmariah, 2010; Ahmad, 2011; Kamarul Azmi & Ab Halim, 2014; Asmawati *et al*., 2015).

Kesimpulannya, teknik 'kunci mangga' bukan sahaja dilihat dapat menarik minat dan memastikan penglibatan subjek kajian secara optimum di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, malah ia juga suatu pendekatan yang sesuai diaplikasikan bagi mengatasi masalah kelemahan mereka dalam penulisan Jawi. Teknik 'kunci mangga' membantu subjek kajian memahami konsep penambahan dan pembuangan huruf vokal alif di dalam mengeja suku kata terbuka dan tertutup di samping dapat meningkatkan

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

penguasaan di dalam kemahiran menulis perkataan suku kata terbuka dan tertutup mengikut ejaan kata jati Melayu yang betul.

## RUJUKAN

Ahmad Mohd Salleh. 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF.* Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Ahmad Sunawari Long. 2008. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. 2010. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conference UPI & UPSI,* Indonesia: Bandung, 8-10 November 2010.

Asmawati Suhid, Kamariah Abu Bakar, Lukman Abdul Mutalib & Muhd Fauzi Muhammad. 2008. Teacher's perception towards the model of Jawi writing in Malaysian education system. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences,3,5, 47-52.*

Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. 2015. Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015- International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century.* Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin, 6-7 September 2015. ISBN: 978-967-13705-0-6.

Awang Mohamad Amin. 1989. Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa,* 33(12), 937-941.

Azlan Shah Ibrahim. 2012. *Permainan Kad Huruf Bergrafik Dalam Kemahiran Mengenal dan Menyebut Huruf Jawi Yang Hampir Sama Bentuk.* Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP P.Islam Ambilan Januari 2009. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 1-9.

Che Siah Che Man. 2007. *Pendekatan Pengajaran Jawi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalilah Desa & Abdul Kahar Abdul Rahim. 2009. Dalil Avu Zar Zad: Teaching students to write Jawi and to recognize which Jawi alphabets that can be joined with other characters in written Jawi. *The 2nd Thailand – Malaysia Joint Educational Research Conference 2009.* Thailand. Hlm 234-263.

Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid et al. 2012. Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education,* 4(2), 2012 11-24.

Hashim Musa. 2005. Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu,* Jld 16.

Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. 2009. Pemerkasaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara,* 4(1): 159-176.

Ismail Zain. 2008. *Kesediaan penentu keberkesanan pembelajaran.* Portal Pendidikan Utusan.

Jensen, E. 2008. *Brain based learning : The new paradigm of teaching.* Corwin Press.

Junaidah Abdul Jamil. 2011. *Pengurusan pengajaran dan pembelajaran : pendekatan dan strategi pengajaran.* Genting Highlands : Institut Aminudin Baki.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. 2014. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Kang, K.S. 1990. *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2008. *Buku manual kajian tindakan. Edisi Ketiga.* Bahagian Perancangan Dasar Pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Program j-QAF Berdasarkan Norma Baharu GPD.*

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Draf kurikulum standard sekolah rendah: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Pendidikan Islam tahun 5.*

Laidlaw, M. 1992. *Action research : A guide for use on initial teacher education programmes.* Diperoleh dari : http://www.actionresearch.net/moira.shtml. Tarikh dimuat turun : 5 Februari 2015.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2014. *Penyelidikan Pendidikan.* Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yasir AlMandily. 2012. Kaedah berkesan vokal AWI dalam membantu penyambungan huruf vokal Jawi untuk murid tahun enam. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012,* hlm 180-190.

Muhammad Endut. 1992. *Pendidikan Islam KBSM : Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah negeri Johor.* Tesis M.Ed; Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Md. Hidayat Othman. 2012. Penggunaan warna & simbol (W&S) dalam kemahiran menyambung huruf Jawi bagi tahun tiga. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012.*

Nazimah Mohamad @ Mohd Noor. 2013. *Penggunaan modul pembelajaran kemahiran Jawi.* Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam,* Jld. 22, 161-172.

Noraini Bidin & Zamri Mahamod. 2016. Kesediaan murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal –MyLEJ).* ISSN: 2180-4842. Vol.6, Bil.1 (Mei 2016): 64-76.

Nordin Tahir. 2012. *Pengumpulan dan penganalisisan data kajian tindakan.* Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Norhazliana Mohd Hassan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin & Norlidah Alias. 2010. Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan,* 30, 2010.

Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. 2013. Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal.* Vol. 9, No. 2, December 2013, 28-38.

Nurdina Abu Chik. 2012. Meningkatkan kemahiran membaca Iqra' 1-3 dengan menggunakan sifir Fakadom, *Jurnal Penyelidikan Pendidikan.* Jilid 2. Hlm 89-97. Wilayah Persekutuan Labuan.

Suhaili Hanafi. 2015. *Kesediaan pelajar dari aspek kemahiran teknikal terhadap pembentukan kebolehkerjaan di Kolej Vokasional Wilayah Selatan.* Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Wan Mat Sulaiman. 2013. *Pendidikan Jawi Baru : Kajian Terhadap Persepsi Para Pelajar Dalam Pembelajaran & Penulisan Jawi Baru.* Universiti Antarabangsa Al-Madinah.

Zuhaila Ismail. 2015. *Kesan pembelajaran yang menyeronokkan terhadap kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.* Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Naquiah Nahar**
Pelajar Pasca Siswazah,
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
naquiah2@live.utm.my

**PM. Dr. Jimaain Safar**
Pensyarah Kanan,
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
ajmain@utm.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# KONSEP AMALAN ETIKA KEPERAWATAN ISLAM DI HOSPITAL PUSRAWI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**Sharifah Hamzah**
**Ahmad Munawar Ismail**
**Muhammad Adib Samsudin**
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRACT

The issues pertaining to the practice of nursing ethics began before the coming of The Prophet Muhammad S.A.W and it continued to expand from time to time. These issues involved numerous ethical practices that had been and had not been implemented by nurses when delivering nursing services. After the coming of the Prophet Muhammad S.A.W., the practice of Islamic nursing ethics had experienced obvious changes. However, there were still hospitals that did not implement it, which subsequently caused the negligence of Islamic fundamentals. This study had examined the Islamic nursing practice in PUSRAWI Hospital, which is referred to as an Islamic Treatment Centre. This study had used the qualitative approach via methods such as content analysis, in-depth interviews with informants comprising nurses from PUSRAWI Hospital and through observations. The findings showed that the PUSRAWI Hospital had implemented Islamic nursing ethics in every situation. The nurses on duty had carried out their duties according to Islam such as assisting patients to fulfil their religious obligations when ill, attending the socialising of men and women as well as to uphold nursing ethics that do not contradict Islam. This is because nursing involves teamwork, which addresses all problems and situations arising in the hospital. Thus, it could be concluded that Islamic-based nursing ethics have been practiced by the hospital for a long time. However, it requires improvement from time to time in line with national development. Therefore, if these Islamic-based nursing ethics were consistently and prudently implemented, it would then be able to mould a generation that firmly abides by the teachings of Islam in every aspect of life.

**Keywords**: Hospital, Islamic Nursing Ethics, Content Analyses Methods, In-depth Interview

## *ABSTRAK*

*Isu-isu amalan etika keperawatan telah bermula sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W dan ia terus berkembang dari semasa ke semasa. Isu-isu ini melibatkan pelbagai amalan etika yang dilaksanakan, serta amalan yang tidak dilaksanakan oleh perawat sewaktu menyampaikan khidmat keperawatan. Setelah kedatangan Rasulullah S.A.W amalan etika keperawatan Islam ini turut mengalami perubahan yang ketara. Namun begitu masih terdapat institusi hospital yang tidak melaksanakannya sehingga menyebabkan lunas-lunas Islam diketepikan. Kajian ini akan menjelaskan amalan etika keperawatan Islam di Hospital Pusrawi yang sememangnya dikenali sebagai Pusat Rawatan Islam ( PUSRAWI). Metod yang digunakan bagi mencapai objektif kajian adalah melalui kaedah kualitatif dengan analisis kandungan, temu bual mendalam bersama*

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

*informan kajian yang terdiri daripada jururawat di Hospital PUSRAWI dan melalui pemerhatian. Hasil dapatan melalui kajian ini mendapati Hospital PUSRAWI telah melaksanakan amalan etika keperawatan Islam dalam semua keadaan. Jururawat yang bertugas melaksanakan tugas mengikut tuntutan Islam seperti membantu pesakit untuk melaksanakan ibadah ketika sakit, menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan serta masih mengekalkan etika keperawatan yang tidak bertentangan dengan Islam. Ini kerana kerja merawat merupakan kerja berpasukan dan hendaklah dilakukan bersama-sama dalam menangani semua keadaan di hospital. Kesimpulannya amalan etika keperawatan Islam telah diamalkan oleh hospital PUSRAWI sejak dahulu lagi, namun begitu ianya perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan negara. Jika amalan etika keperawatan Islam ini dilaksanakan dengan konsisten dan berhemah ianya mampu menjana generasi yang berpegang teguh pada ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupan.*

***KataKunci** : Hospital, Etika Keperawatan Islam, Kaedah analisis kandungan dan Temu Bual.*

## PENGENALAN

Hospital merupakan institusi penting yang memberikan perkhidmatan rawatan kepada pesakit. Era moden hari ini telah menjadikan hospital sebagai institusi terpenting dan antara yang tersibuk di dunia. Ini semua berlaku kerana saban waktu ada sahaja insan yang memerlukan rawatan akibat kesakitan ataupun penyakit yang dialami. Menurut Farahdina (2005), perkembangan amalan etika keperawatan telah bermula sebelum kedatangan Islam lagi dan legasinya diteruskan selepas kedatangan Rasulullah S.A.W. Amalan etika keperawatan sebelum kedatangan Islam telah meletakkan garis panduan tertentu dalam merawat pesakit seperti meletakkan para pesakit berhampiran dengan biara ataupun gereja. Ini bagi memudahkan para mubaligh untuk mendoakan para pesakit. Pesakit wanita dan lelaki tidak dipisahkan namun setelah kedatangan Islam, etika keperawatan ini berlandaskan nilai-nilai murni yang ditetapkan oleh Islam. Pesakit wanita dan lelaki dipisahkan dalam khemah yang berbeza dan telah muncul perawat yang sama jantina untuk merawat pesakit.

Amalan ini terus berkembang dengan pesatnya sehingga ke hari ini. Namun begitu amalan etika keperawatan telah diubahsuai mengikut tuntutan syarak dan digunakan sehingga ke hari ini. Perawat yang berlainan jantina perlulah mendapatkan kebenaran daripada pesakit sebelum sesuatu prosedur dijalankan dan perawatan kepada pesakit berlainan jantina hendaklah dilakukan secara berteman (Nizaita 2004). Sehubungan perkembangan amalan etika yang pesat penyelidik terpanggil untuk mengkaji amalan etika keperawatan Islam di Hospital PUSRAWI. Ini kerana terdapat hospital yang tidak melaksanakan amalan etika keperawatan Islam dalam menyampaikan khidmat kepada pesakit.

Amalan etika keperawatan Islam dilihat dalam semua aspek termasuklah aspek hubungan antara pesakit dan perawat. Hubungan yang dijalankan hendaklah berlandaskan kasih sayang untuk menyelamatkan nyawa serta penuh keikhlasan dalam menyampaikan khidmat keperawatan (Aasim I Padela, 2007 & Hatta 2008). Amalan etika keperawatan Islam menggariskan adab dan panduan dalam melaksanakan tugas hendaklah diutamakan. Yohan et.al (2012) menjelaskan melalui kajiannya di Pusat Rawatan Pesakit Mental "Adi Tama" terdapat perawat yang tidak menjaga adab ketika merawat seperti bercakap dengan kasar, menghina dan memukul pesakit yang

mengalami gangguan mental. Meskipun pesakit ini mengalami gangguan mental mereka berhak untuk dilayan dengan baik serta penuh beradab dan terhormat.

Seterusnya terdapat juga perawat yang tidak memberi layanan yang baik sehingga menyebabkan pesakit merasa tidak selamat berada di hospital. Adab dalam etika keperawatan Islam menjelaskan layanan yang baik merupakan salah satu cara untuk membantu pesakit mendapatkan kesembuhan. Namun masih terdapat perawat yang tidak melaksanakan tugas mengikut amalan etika keperawatan Islam( Ahmad 2014 & Mohammad Manzoor 2011). Oleh itu kajian yang akan dijalankan ini bagi melihat amalan etika keperawatan Islam di Hospital Pusrawi Kuala Lumpur.

## SOROTAN LITERATUR

### Sejarah amalan etika perubatan Islam dan perkembangannya

Amalan etika keperawatan memainkan peranannya yang tersendiri bagi melicinkan semua urusan di hospital. Amalan ini hakikatnya telah dihayati oleh masyarakat antarabangsa sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Ia merupakan satu piawaian yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan di hospital bagi menyalurkan bantuan perubatan mengikut kaedah yang dibenarkan oleh syarak dan juga undang-undang sesebuah negara. Mohamed Hatta (2008) menyatakan perkataan etika berasal daripada yunani "ethikos" yang membawa maksud sifat asas. Manakala dari sudut pengistilahannya, etika membawa maksud satu pendekatan falsafah dan praktikal berkaitan betul atau salah sesuatu tindakan manusia, bermula daripada niat melaksanakannya dan berakhir dengan perlaksanaan tindakan tersebut.

Sejarah telah membuktikan bahawa penghayatan etika perubatan telah bermula sejak dari zaman sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W dan berterusan sehingga kedatangan Islam. Masyarakat dari tamadun China , Yunani dan tamadun - tamadun lain yang gah telah meletakkan penanda aras dalam perubatan dengan mewujudkan etika perubatan mereka yang tersendiri. Manakala tamadun Islam mempunyai warisan etika sejak kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. Etika perubatan Islam pertama telah ditulis oleh Ishaq Ibn Ali Al- Ruhawi dalam bukunya *Adab Al-Tabib* yang memfokuskan tentang adab dan konsep etika perubatan Islam. Ia merupakan buku teks perubatan pada zamannya yang digunakan oleh fakulti perubatan universiti.

Sehingga kini, bukunya masih menjadi rujukan utama dalam etika perubatan di fakulti perubatan dunia. Seorang perawat perlu mengetahui ilmu asas dalam perubatan dengan mempelajari anatomi tubuh manusia yang melalui pelbagai fasa untuk membezakan keadaan sihat dan juga sakit. Sebagai seorang perawat, kepekaan mereka terhadap semua situasi dan keadaan manusia akan memudahkan mereka untuk membantu menyampaikan khidmat keperawatan. Oleh yang demikian, perkembangan ilmu keperawatan ini telah berkembang bagi meningkatkan kemahiran perawat serta memberi manfaat kepada semua pihak (Ibnu Sina Husin bin Abdullah, 370h- 428h).

Sejarah juga telah menyaksikan perkembangan amalan etika keperawatan berlaku dengan pesat sewaktu kehadiran Florence Nightingle. Beliau telah menubuhkan sekolah kejururawatan Nightingle sebagai usaha melatih para perawat. Namun begitu masih terdapat kekurangan apabila pakaian seragam yang digunakan oleh perawat tidak memenuhi kehendak syarak dan mendedahkan aurat (Fida' 2011).

Kajian yang berterusan oleh pengkaji terdahulu telah membawa kepada perkembangan etika perubatan hari ini. Kajian-kajian ini telah diubahsuai mengikut perubahan zaman sehinggalah ke hari ini. Zaharuddin (2015) melalui kertaskerja yang bertajuk Etika Interaksi Wanita dalam Institusi Perubatan menjelaskan bahawa sifat seorang perawat muslim hendaklah melaksanakan tanggungjawab dengan niat kerana Allah S.W.T untuk membantu masyarakat, seterusnya tidak mendahului malaikat maut dalam membuat keputusan terhadap takdir pesakit. Perawat juga hendaklah menjaga adab dan tatatusila ketika berhadapan dengan pelbagai karenah pesakit dan pihak atasan. Seterusnya hendaklah menjaga aib pesakit dan kerahsiaannya, serta mendoakan pesakit agar segera sembuh. Mengetahui bidang fiqh berkaitan dengan pesakit adalah satu kelebihan dalam menyampaikan khidmat keperawatan kepada pesakit serta melimitasikan batasan ketika merawat pesakit berlainan jantina.

Limitasi hubungan antara pesakit wanita dengan perawat lelaki begitu juga perlu dititikberatkan. Had ini perlu dipatuhi agar kesejahteraan ummah sentiasa terpelihara. Para pesakit juga berhak mengetahui prosedur perubatan yang bakal dilakukan serta mengetahui apakah kesan sampingan daripada rawatan yang akan dijalankan. Perawat juga dibenarkan menyentuh anggota dan tubuh pesakit bagi tujuan mengubati dan ianya perlu dilakukan bersama perawat yang lain dan bukannya bersendirian. Selain itu perawat perlu memperbanyakkan doa untuk membantu proses kesembuhan pesakit. Etika perubatan menuntut semua pengamal perubatan merahsiakan segala maklumat penyakit dan pesakit yang sedang di rawat. Namun begitu, ianya boleh dikongsikan bersama pasukan perubatan yang sedang merawat pesakit tersebut. Ini bagi memudahkan urusan memberi khidmat keperawatan kepada pesakit tersebut. Perkara ini turut disokong oleh (Mohammad Hatta et.al 2008 & Abdul Basit 2011) dengan meletakkan kerahsiaan adalah etika profesional bagi seorang perawat.

Namun begitu, lunas-lunas Islam juga meletakkan syarat-syarat tertentu bagi individu muslim dalam menerima rawatan, dengan membenarkan pesakit memilih siapakah yang berhak untuk merawat. Situasi darurat turut diraikan oleh ruang lingkup Islam yang sangat luas. Oleh itu pihak hospital memerlukan badan pengawasan syariah bagi memantau amalan etika keperawatan yang dilaksanakan oleh kakitangan hospital. Ini bagi memudahkan pihak pengurusan memantau amalan etika keperawatan Islam yang dilaksanakan oleh kakitangan di hospital. Hal ini juga bagi membantu melicinkan urusan merawat pesakit yang berada di hospital dan pesakit harian. (Muhammad Adib et.al 2015).

Jabatan mufti negeri Melaka (2012) telah meletakkan satu garisan panduan dalam dunia perubatan moden mahupun tradisional. Antaranya ialah meletakkan pesakit di ruang perawatan yang sesuai dan tidak bercampur antara lelaki dan perempuan. Seterusnya meminta keizinan daripada pesakit atau waris terlebih dahulu untuk memberi khidmat keperawatan kepada pesakit. Semasa sesi rawatan, perawat hendaklah memastikan waris pesakit atau perawat lain ada bersama selain itu pesakit dan pengamal perubatan hendaklah dalam keadaan menutup aurat dan hanya kawasan yang akan dirawat sahaja yang dibenarkan dibuka mengikut kadar daruratnya. Para pesakit juga perlu dimaklumkan dengan penggunaan bahan-bahan perubatan yang haram di sisi Islam bagi situasai-situasi mendesak, seperti pemberian ubat yang nengandungi bahagian daripada babi dan apa-apa yang diharamkan oleh syarak. Harun (1987), B.A Zikria (1981) juga menjelaskan bahawa etika keperawatan hendaklah memenuhi konsep dan lunas-lunas Islam.

Semua perkara ini perlu dipraktikkan oleh kakitangan hospital dalam menjayakan amalan keperawatan menurut Islam. Namun begitu masih terdapat perawat yang tidak melaksanakan amalan etika keperawatan Islam ketika menyampaikan khidmat keperawatan. Hal ini berlaku disebabkan terdapat segelintir perawat yang tidak menghayati amalan etika keperawatan sewaktu menyampaikan khidmat. Ini kerana terdapat perawat yang tidak menggunakan ayat yang sopan ketika berinteraksi dengan pesakit seterusnya memukul dan menghina pesakit yang mengalami gangguan mental (Yohan et.al 2012). Maklumat ini turut disokong oleh kajian yang lain turut menyatakan terdapat perawat yang tidak memberikan layanan yang baik kepada pesakit ketika sesi rawatan dijalankan. Masih terdapat perawat yang lupa akan tanggungjawab serta keselesaan pesakit perlu diutamakan ketika berada di hospital (Farah Wahieda et.al 2013, & Ahmad 2014). Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan secara terperinci akan etika keperawatan bagi perawat yang memberi perkhidmatan kepada pesakit di hospital.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kajian kes dengan menggunakan data kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual mendalam, analisis kandungan dan pengumpulan data melalui pemerhatian. Penggunaan kajian kes sebagai pendekatan adalah bagi memperolehi maklumat yang berkaitan satu kumpulan manusia, sekolah, satu unit keluarga, hospital, peristiwa atau budaya di tempat kajian. Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin(1995) sesuatu kajian kes hendaklah menfokuskan kepada subjek kajian yang mempunyai kriteria yang ingin dikaji oleh penyelidik. Ini bermakna kajian kes mengkaji tentang individu atau peristiwa-peristiwa dalam lingkungan budaya dan persekitaran informan kajian. Oleh itu pemilihan kajian kes sebagai metod kajian ini adalah bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat berkaitan objektif kajian berkaitan amalan keperawatan Islam di hospital. Penyelidik juga dapat memperoleh maklumat secara holistik dan menyeluruh melalui kaedah temu bual mendalam, analisis kandungan dan pemerhatian terhadap informan kajian.

Kaedah analisis kandungan diaplikasikan daripada pelbagai material dan literatur yang menyentuh tentang aspek kajian. Menurut Chua (2014) kaedah ini digunakan untuk memahami komunikasi dalam dokumen yang berbentuk verbal, imej, audio atau video. Fungsi kaedah ini adalah untuk menghuraikan tingkah laku yang dikenal pasti melalui komunikasi. Subjek kajian dalam analisis kandungan ini adalah seperti dokumen autografi, foto, lukisan, buku, akhbar, jurnal, majalah dan laman sesawang. Jonathan (2006) menyatakan data analisis ini digunakan untuk mendapatkan pengalaman sebenar yang dilalui oleh informan kajian sehingga dapatan data yang diperolehi diteliti dengan sehalusnya. Penganalisisan ini mungkin mengambil masa yang agak lama namun hasil yang akan diperolehi adalah menjurus kepada kehidupan sebenar informan kajian.

Oleh itu penyelidik mengambil langkah menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada informan kajian serta pelbagai dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan ini. Penyelidik telah menggunakan pelbagai bahan literatur dan dokumen untuk mendapatkan maklumat sebanyaknya mengenai fokus kajian. Antara karya yang dirujuk oleh penyelidik adalah Al-Quran Al-Karem, Al-Qanun Fi Al Tibb, Adab Al-Tabib, Perkembangan Maristan (Hospital) dalam Tamadun Islam, Garis panduan amalan perubatan dan perbomohan menurut Islam dan beberapa artikel jurnal sebagai batu asas dalam penyelidikan ini.

Bahan literatur ini diambil dari pelbagai skop bagi mendapatkan hasil yang diingini oleh penyelidik. Hal ini juga bagi melihat perkembangan amalan etika keperawatan sebelum kedatanagn Islam sehinggalah ke hari ini. Ianya juga amat membantu bagi meletakkan pendirian penyelidik dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya penyelidik menggunakan instrumen kajian melalui kaedah temu bual mendalam bagi mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada informan kajian. Ia juga mampu memberi nilai kesahan yang tinggi dalam mendapatkan maklumat mengenai subjek kajian. Instrumen temu bual ini hakikatnya mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Antaranya, kaedah ini membenarkan penyelidik memberikan penjelasan jika terdapat soalan yang kabur. Selain itu, informan juga dapat memberikan keterangan lanjut kepada soalan-soalan yang penting. Hubungan yang baik antara penyelidik dengan informan kajian telah membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat sebanyak mungkin tentang subjek kajian (Chua 2011). Oleh itu menggunakan kaedah temu bual mendalam adalah satu kebaikan bagi penyelidik untuk mendapatkan fenomena sebenar subjek kajian sehingga tercapainya objektif kajian.

Bagi membantu penyelidik dalam menyempurnakan temu bual mendalam, kaedah persampelan rawak telah digunakan bagi mendapatkan maklumat dari informan. Mereka ini telah dipilih bagi menjawab objektif kajian yang berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji. Matlamat dalam memilih sampel kajian secara rawak adalah untuk mendapatkan kepelbagaian pengalaman terhadap fenomena amalan etika keperawatan Islam yang menjadi fokus kepada kajian ini. Oleh itu kepelbagaian ini akan memandu penyelidik untuk mendapatkan maklumat sebenar dalam kajian yang dijalankan. Memandangkan kajian ini dijalankan di hospital, penyelidik percaya pendekatan ini sesuai dijalankan kepada 10 orang jururawat terlatih dan pembantu jururawat terlatih beserta 2 orang pegawai agama. Mereka ini telah dipilih dari pelbagai unit dan wad bagi membantu menjawab permasalahan kajian. Jururawat ini dipilih sebagai informan kajian kerana tempoh jururawat bersama pesakit adalah 24jam sehari, oleh itu maklumat yang akan diberikan dapat membantu menjawab persoalan kajian ini. Penyelidik juga mahu mendapatkan seberapa banyak maklumat yang penting bagi menjawab persoalan kajin. Oleh yang demikian, hal ini tentulah dapat memberi gambaran sebenar persepsi jururawat yang bertugas di hospital PUSRAWI tentang amalan etika keperawatan Islam yang dilaksanakan oleh pihak hospital. (Othman ,2015).

Instrumen terakhir yang digunakan oleh penyelidik adalah melalui kaedah pemerhatian, kaedah ini melibatkan pengkaji untuk berada di tempat kajian dijalankan. Metod pemerhatian ini dijalankan secara langsung bagi mengukuhkan dapatan data melalui kaedah analisis kandungan serta temu bual mendalam. Keterlibatan pengkaji secara langsung dalam dunia sosial yang dikaji mengizinkan penyelidik mendengar, melihat dan meneliti realiti sebenar sebagaimana yang dialami oleh informan kajian. Keadaan ini juga menyebabkan penyelidik akan tinggal di tempat kajian dalam satu tempoh masa yang lama dan belajar tentang kehidupan harian di situ. Pemerhatian adalah metod utama yang sangat penting dalam bidang penyelidikan kualitatif. Ia merupakan satu rutin bagi manusia memahami apa yang berlaku disekeliling mereka.

Tujuan pemerhatian dijalankan adalah untuk mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar. Melalui pemerhatian ini memungkinkan penyelidik merekodkan perlakuan yang sedang berlaku atau melihat sesuatu perkara menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kepakarannya dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhatikan. Melalui kaedah pemerhatian ini penyelidik dapat mengambil nota dan

merakamkan peristiwa, perkara dan perlakuan di latar sosial yang dipilih untuk kajian. Rekod pemerhatian biasanya dirujuk sebagai nota lapangan iaitu diskripsi yang terperinci. Ini kerana penyelidik mendokumen dan menjelaskan tindakan dan interaksi yang kompleks. Hal ini mengandaikan perlakuan yang diperhatikan adalah bertujuan dan merupakan luahan nilai dan kepercayaan yang mendalam.

Struktur pemerhatian yang digunakan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini adalah pemerhati sepenuhnya. Penyelidik bertindak sebagai pemerhati sepenuhnya, iaitu kehadiran penyelidik tidak disedari oleh partisipan. Hal ini membolehkan penyelidik mengetahui keadaan sebenar di tempat penyelidikan di jalankan (Othman, 2015).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian telah mendapati perawat di Hospital Pusrawi telah menjalankan amalan etika keperawatan Islam ketika menyampaikan khidmat keperawatan kepada pesakit. Keseluruhan informan kajian bersetuju bahawa pihak hospital menitikberatkan etika keperawatan Islam dalam menyampaikan khidmat kepada masyarakat. Hubungan antara perawat dengan pesakit masih lagi mengekalkan nilai-nilai murni keIslaman dimana jururawat akan memakai sarung tangan bagi prosuder tertentu dengan pesakit berlainan jantina namun begitu, ada situasi yang memerlukan jurawat ini menyentuh pesakit dengan tidak berlapik, dan ianya dijalankan mengikut keperluan. Aurat pesakit dijaga sebaiknya dan hanya kawasan yang perlu dirawat sahaja akan dibuka untuk tujuan pengubatan. selain itu, setiap pesakit yang berlainan jantina seperti pesakit lelaki dan jururawat wanita hendaklah ditemani dengan jururawat wanita yang lain dan begitu sebaliknya.

Jururawat juga akan membantu para pesakit untuk mendirikan ibadah solat lima waktu dan bantuan ini diberikan setiap kali masuknya waktu solat fardu. Namun begitu, terdapat pesakit yang selesa dibantu oleh ahli keluarga masing-masing untuk melaksanakan ibadah solat. Perawat juga akan mengingatkan pesakit untuk menjamak solat tertentu sebelum sesuatu prosedur keperawatan dijalankan seperti sebelum pesakit dibawa ke dewan bedah. Di dewan bedah pula, jururawat masih mengekalkan etika keperawatan Islam meskipun pesakit dalam keadaan tidak sedarkan diri. Hal ini bertepatan dengan misi Hospital Pusrawi bagi menjayakan keperawatan berlandaskan Islam dalam semua keadaan.

Kerahsiaan pesakit dijaga sebaiknya oleh semua pihak yang bertanggungjawab di hospital. Semua perawat hendaklah merahsiakan identiti dan jenis penyakit yang dihidapi oleh pesakit. Kerahsiaan merupakan amalan etika yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan di hospital. Memandangkan ianya mempunyai impak yang sangat besar jika dibocorkan, maka setiap perawat perlu mematuhinya. Kerahsiaan ini dititikberatkan oleh Islam agar aib pesakit tidak dijadikan bahan gurauan serta hebahan.

Manakala dari sudut pemberian ubat-ubatan yang tidak halal disisi Islam, doktor terlebih dahulu memaklumkan perkara tersebut kepada pesakit. Bagi pesakit yang mampu untuk mendapatkan ubat yang halal dengan harga yang tinggi adalah digalakkan. Namun dalam situasi darurat, bagi pesakit yang tidak mampu ianya dibenarkan oleh Islam mengikut kadar keperluan pesakit.

Pakaian perawat di setiap wad adalah berbeza warna mengikut unit di hospital. Pakaian yang disediakan oleh pihak hospital juga memenuhi tuntutan syarak dan boleh digunakan untuk mendirikan ibadah solat. Namun begitu amalan etika keperawatan Islam ini masih perlu diperbaiki kerana terdapat segelintir perawat wanita yang mengenakan pakaian seragam yang agak ketat dan pendek. Hasil daripada temu bual mendapati sesetengah perawat telah mengecilkan baju seragam yang diberi oleh pihak hospital. Sedikit sebanyak ianya mencalarkan imej Islam yang dibawa oleh Hospital Pusrawi. Manakala hasil dapatan data pemerhatian juga menunjukkan terdapat sebahagian perawat yang mengecilkan pakaian seragam yang diterima. Pihak hospital perlu membuat pantauan terhadap pakaian yang dikenakan oleh semua kakitangan kerana ianya adalah keperluan yang perlu dipenuhi oleh hospital mesra ibadah.

Bagi menjayakan amalan etika keperawatan Islam, prasarana yang bersesuaian dengan tuntutan syarak amat membantu perawat dalam menyampaikan khidmat. Pihak hospital menyediakan semua kelengkapan bagi pesakit melaksanakan ibadah dalam keadaan sakit seperti debu tayammum dan kotak ibadah disediakan disetiap wad bagi memudahkan semua pihak. Namun begitu terdapat segelintir pesakit yang membawa pulang peralatan tersebut ke rumah setelah keluar dari wad. Peralatan yang dimaksudkan seperti Al-Quran, sejadah, telekung dan buku panduan ibadah ketika sakit. Perkara ini menyebabkan pihak pentadbiran terpaksa menyediakan semua keperluan ini setiap kali pesakit baru masuk mendiami wad.

Walaupun amalan etika keperawatan Islam ini telah dijayakan oleh pihak Hospital Pusrawi, namun ianya masih perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa dan dipantau. Ini bagi memastikan semua perawat memahami bahawa nilai-nilai murni dalam keperawatan perlu berjalan seiring dengan etika keperawatan ketika memberi khidmat kepada pesakit. Hal ini sejajar dengan firman Allah didalam Al-Quran surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud :

> *"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."*

Ayat di atas menjelaskan bahawa tuntutan menyeru kepada Allah bukanlah tugas individu semata-mata, namun ia adalah tugas semua pihak secara kolektif. Pemantauan pihak hospital terhadap amalan etika keperawatan Islam terhadap perawat di hospital akan melahirkan perawat yang berdedikasi serta cemerlang dalam semua keadaan. Sejajar dengan tuntutan Al-Quran penambahbaikan dari semasa ke semasa adalah langkah yang wajar dilakukan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pihak hospital.

## KESIMPULAN

Amalan etika keperawatan Islam telah dilaksanakan oleh perawat di Hospital PUSRAWI selari dengan misi tertubuhnya hospital berkenaan. Para perawat telah menjalankan tanggungjawab merawat pesakit sejajar dengan tuntutan syarak seperti mengenakan sarung tangan ketika sesuatu prosedur dan merawat pesakit berlainan jantina dengan ditemani waris atau perawat lain. Amalan memberi salam dan senyum juga diamalkan bagi mengimarahkan hospital dengan budaya Islam yang indah. Namun begitu, amalan

etika ini hendaklah diberi nilai tambah oleh semua pihak di hospital dari semasa ke semasa bagi menjayakan amalan etika keperawatan Islam berlandaskan syariah dalam semua lapangan di hospital. Kewujudan hospital yang memainkan peranan dalam menjayakan misi etika keperawatan Islam di Malaysia adalah satu kebanggaan dan boleh dijadikan contoh kepada hospital lain pada masa akan datang.

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada gran penyelidikan Kajian Penerokaan Bagi Penubuhan Jawatankuasa Pengawasan Syariah di Hospital (ERGS 1/2013 SS103/UKM/02/1). Tidak dilupakan juga kepada Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi (PICOMS) kerana menaja pembelajaran saya. Seterusnya pihak pengurusan, kakitangan dan jururawat Hospital Pusrawi Kuala Lumpur, atas kesudian memberi semua maklumat yang diperlukan. Tidak dilupakan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Basit, A. R. 2011. *Konsep Perubatan Islam, PAPISMA (Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia)* National Ibn Sina Conference and Community Engagement 4 (NICE 4); Kem Kijang Kota Bharu.

Ahamad, A. M. 2014. *Peran Aspek Etika Tenaga Medis Dalam Penerapan Budaya Keselamatan Pasien di Rumah Sakit*, Supplemen Majalah Kedokteran Andalas, Vol.37,No. Sup 1.

Aasim, I,P. 2007. *Islamic Medical Ethics : A Primer*, Journal Compilation Bioethics, Vol 21, No 3 : 169-178

B.A. Zikria. 1981. *Adab Al-Tabib*, The Journal Of IMA, Vol 13: 79-80

Burn, R.B. 1995. *Introduction To Research Methods*, Longman, Melbourne.

Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan* Buku 1 Edisi Kedua , Mc Graw Hill Education, Malaysia.

Farahdina A. M. 2005. *Perkembangan Maristan ( Hospital ) dalam Tamadun Islam*, Jurnal CTU, UiTM. 153-176

Fida' H. 2011. *Sejarah Keprofesi keperawatan*, Fakultas Kedokteran Universitas Diponegero, Semarang Indonesia.

Farahwahida M. Y, Tamar J. N, Siti Norlina M. & Nurain M. N. 2013. *Euthanasia : Melanggar Etika dan Hak Asasi Manusia*, Jurnal Teknologi UTM. Vol. 64 (1) : 33-41.

*Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menenurut Islam*. 2012. Jabatan Mufti Negeri Melaka, Cetakan Pertama 2012.

Haron, D. 1987. *Rawatan Gangguan Makhluk Halus Menurut Al-Quran dan As-Sunnah*, Percetakan Watan Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Ibn Sina Al- Husain A, A, Abu Ali Al-M, Ibnu Sina, 370h-428h. *Al-Qanun Fi Al-Thib*, Jus' 1, Dar Ehia Al-Tourath Al-Arabi, Birut, Labanon.

Jonathan, S. 2006. *Metode Penelitian Kualitatif & Kuantitatif*, Graha Ilmu, Yoggyakarta Indonesia.

Muhammad Adib. S, Mohammad Zaini Y, Mohd Izhar Ariff M. K, Hayatullah,L, Ahmad Munawar, I, Rozida, M. K, Irwan, M. S. & Syed Azhar, S. S. 2015. *Establishment of Shari'ah Supervisory Committee In Hospital: Analysis From Perspective of Public Interest*, Asian social science, Vol. 11, No.4,2015, Publisher By Canadian Centre of Science and Education.

Mohamed Hatta S. 2008. *Etika Perubatan Islam dan Isu-Isu Psikiatri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Merriem, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*, (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass.

Miles, M.B and Huberman, A.M. 1994. *Qualitative Data Analysis. An Expended Sourcebook*, 2nd ed. Thousand Oaks, Califf: Sage.

Mohammad Manzoor, M. 2011. *Ethical Hazard Of Modern, Advanced Medical Technology* in *Promoting Euthanasia: A Resolution from Islamic Perspective*, Journal Of Islam In Asia, Spl. Issue,No.2, International Islamic University Malaysia (IIUM): 338-355.

Nizaita, O. 2006. *Perkembangan Ilmu Perubatan Sebelum dan Selepas Kedatangan Islam*, Jurnal Pengajian Umum Bil 7: 140-149. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman, L. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.

Saftarina, F& Hasanah, F. 2014. *Hubungan Shift Kerja dengan Gannguan Pola Tidur Pada Perawat Intalasi Rawat Inap Di RSUD Abdul Moeloek Bandar Lampung 2013*, Medula ,Vol 2: 28-36.

Yin, R,K. 1994, *Case Study Research : Design and Methods*. 2nd ed. Thousand Oak, Calif : Sage.

Yohan, K. & Thana, A. 2012. *Masalah Etika di Pusat Rawatan Mental : Satu Kajian Pemerhatian Langsung (Direct Observation)*, Centre For Language Studies and Generic Development Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

Zaharuddin, A, R. 2015. *Etika Interaksi Wanita dalam Institusi Perubatan*, Kertas kerja Konvensyen Fiqh Medik. Kuala Lumpur.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS**

**Sharifah Hamzah**
Pelajar Sarjana Pengajian Islam.
Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
sharifah@picoms.edu.my

**Ahmad Munawar Ismail**
Pensyarah di Jabatan Usuludin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam UKM,
munawar@ukm.edu.my

**Muhammad Adib Samsudin**
Pensyarah di Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam, UKM.
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan.
adib@ukm.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# STRATEGI PEMBELAJARAN NAHU BAHASA ARAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN NAHU PELAJAR

**Kamarulzaman Abdul Ghani**
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
**Suhaidah Abdul Samat**
Kementerian Pendidikan Malaysia

## ABSTRACT

The purposes of this study are to identify the level of Arabic grammar (Nahu) learning strategies used, the pattern of using the strategies between excellent, good and weak students, and the correlation between Nahu learning strategies and the Nahu attainment by the religious secondary school students in Perak. The sample of this study is consisted of 154 form-five students from religious secondary schools in Perak by using stratified random sampling. The instruments of this study was divided into two sets of self-reported questionnaires: information of students Nahu attainment and Nahu learning strategies based on Arabic Language Learning Startegies which has been adapted from Strategies Iventory of Language Learning (SILL) version 7.0. The questionnaires of Nahu learning strategies used five-Likert scales (1 to 5). Descriptive statistic analysis like frequency, mean, percent and standard deviation were used level of Arabic grammar (Nahu) learning strategies used by the students and the pattern of using the strategies between the three groups of students (excellent, good and weak). The results showed the students used Nahu learning strategies in medium frequency (M = 2.96) and the pattern of using the strategies among the three groups of students also in medium frequency, Nahu Excellent students (M = 3.04), Nahu Good students (M = 2.89) and Nahu Weak students (M = 2.76). The result of using the Spearman Rho correlation showed there was no statically significant relationship between the use of strategies and the attainment of Nahu. Therefore, in order to help the students to be successful in Arabic language learning acquisation some recommendations were proposed in this study to help the teachers integrating the strategies in the learning instruction during the lesson.

**Keywords** Learning Strategies, Arabic grammar (Nahu), Religious Secondary School, Nahu Attainment

## *ABSTRAK*

*Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran Nahu (SPNBA), pola penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar cemerlang, pelajar sederhana dan pelajar lemah dan mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan yang signifikan dari segi penggunaan SPNBA dengan tahap pencapaian Nahu pelajar sekolah menengah agama negeri Perak ketika mempelajari Nahu secara keseluruhan. Seramai 154 orang pelajar tingkatan lima dari sekolah-sekolah menengah agama negeri Perak telah dipilih sebagai sampel. Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata. Instrumen kajian ini adalah terbahagi kepada dua, iaitu maklumat tahap pencapaian Nahu pelajar dan soal selidik strategi pembelajaran nahu bahasa Arab yang dibina berdasarkan soal selidik strategi pembelajaran bahasa Arab yang diadaptasi daripada SILL versi 7.0.*

*Instrumen kajian ini menggunakan skala likert 1 hingga 5. Data telah dianalisis secara analisis deskriptif menggunakan kekerapan, min, peratus dan sisihan piawai. Analisis deskriptif ini digunakan untuk mengenal pasti tahap penggunaan SPNBA dan pola penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar cemerlang, sederhana dan lemah. Keputusan analisis deskriptif mendapati penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama secara keseluruhan adalah sederhana ( M = 2.96) dan pola penggunaan SPNBA oleh pelajar cemerlang, pelajar sederhana dan pelajar lemah adalah sederhana, PCN (M = 3.04), PSN (M = 2.89) dan PLN (M = 2.76). Keputusan analisis kolerasi Spearman rho mendapati tidak terdapat perkaitan signifikan antara keseluruhan penggunaan SPNBA dengan pencapaian Nahu Bahasa Arab. Untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam menguasai bahasa Arab khususnya Nahu beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan untuk membantu guru menerapkan strategi pembelajaran ini kepada pelajar mereka semasa pengajaran Nahu dilaksanakan.*

***Kata Kunci:*** *Strategi pembelajaran, Nahu Bahasa Arab, Sekolah Menengah Agama, Pencapaian Nahu*

## PENDAHULUAN

Strategi pembelajaran dan perbezaan individu mula menjadi fokus utama dalam bidang penyelidikan semenjak 1970-an (Rubin,1987). Penyelidikan pada peringkat awal lebih tertumpu kepada produk atau hasil pembelajaran mula beralih fokus kepada cara atau proses pembelajaran (Nunan, 1988). Hasil daripada perubahan ini, menyebabkan timbulnya minat dan kesedaran dalam kalangan penyelidik untuk mengkaji tentang gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran (Abu Shamais, 2003).

Terdapat beberapa orang penyelidik yang cuba untuk menekankan peri pentingnya strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar bahasa yang cemerlang sama ada di Malaysia dan di Barat seperti Abraham dan Vann (1987), Kamarul Shukri (2009), Mohamed Amin (1996),Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohammad Shiham dan Abdul Jamir (2014) dan Zamri (2004).

Strategi pembelajaran merupakan cara yang berkesan bagi pelajar untuk menguasai isi kandungan pembelajaran. Strategi ini boleh diajar kepada para pelajar bahasa (O'Malley & Chamot,1990 ; Oxford,1990) kerana strategi pembelajaran ini berbeza dengan ciri-ciri pembelajaran yang lain (contoh sikap, motivasi dan personaliti). Oleh yang demikian, pelajar yang kurang berjaya berpeluang untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa dengan mempelajari strategi belajar daripada pelajar yang berjaya.

Dalam konteks pembelajaran Nahu bahasa Arab, pelajar sewajarnya didedahkan dengan strategi pembelajaran Nahu agar mata pelajaran ini menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Hal ini kerana strategi pembelajaran Nahu merupakan perkara baru yang belum diterokai oleh kebanyakan penyelidik. Keperluan kepada stategi pembelajaran Nahu ini amat penting kerana Nahu atau tatabahasa merupakan sendi bahasa. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh Rahimah dan Rahim Syam (1986) iaitu tatabahasa ialah sistem, peraturan dan undang-undang sesuatu bahasa yang diketahui oleh masyarakat penutur. Tatabahasa atau nahu terdiri daripada aspek fonologi, morfologi dan sintaksis . Justeru itu, Nahu bahasa Arab memainkan peranan penting ke arah menguasai bahasa Arab sepenuhnya (Ahmad Kilani, 2001).

Strategi Pembelajaran Nahu bahasa Arab ialah langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar secara sedar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan semula dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih kendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana baharu.

Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab (SPNBA) adalah meliputi aspek luaran dan dalaman sepertimana strategi pembelajaran bahasa, maka bidang ini wajar ditunjangi oleh teori yang mengambilkira aspek-aspek tersebut (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010). Memandangkan pembelajaran nahu merupakan proses kognitif yang melibatkan usaha mental secara sedar dan berlaku dalam dimensi sosial pembelajaran melalui interaksi (Griffith, 2003) maka terdapat dua domain utama yang mendasari dan membentuk kerangka teoritikal SPNBA. Kedua-dua domain tersebut mewakili model pembelajaran kognitif yang tertumpu pada proses mental pelajar dan model pembelajaran kognitif sosial yang meneroka peranan interaksi antara individu atau kumpulan dalam proses pembelajaran (Lan, 2005; Macaro, 2001; Tilfarlioĝlu, 2005). Kedua-dua model ini dilihat dapat menunjangi penyelidikan dan proses serta aplikasi pengajaran SPB (Chamot, Barnhardt, El-Dinary dan Robbins, 1999).

## PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran Nahu telah lama diperkenalkan kepada para pelajar aliran agama di Malaysia melalui institusi-institusi pendidikan agama di seluruh negara, bermula dengan sistem pendidikan pondok yang menawarkan pendidikan agama dan Arab yang bersifat tradisional. Dewasa ini, sistem pengajian agama telah berkembang maju seiring dengan perkembangan sistem pendidikan Negara (Azhar, Abdul Hafiz,Bushrah, Kamarul Azmi dan Sulaiman Shakib, 2006). Kebanyakan sekolah menengah agama sama ada Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menggunakan dua sukatan iaitu sukatan Bahasa Arab Kementerian Pendidikan Malaysia dan sukatan Bu'uth al-Azhar. Bagi subjek nahu, ia diajar secara khusus dalam sukatan Bu'uth al-Azhar yang mana terdapat mata pelajaran nahu secara khusus bermula daripada tingkatan satu hingga tingkatan enam.

Menurut Che Radiah (2009) kelemahan utama pelajar adalah dalam aspek tatabahasa atau nahu iaitu sintaksis dan morfologi semasa mengarang jawapan dalam peperiksaan. Kelemahan dua elemen ini amat jelas boleh menjejaskan prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa Arab mereka. Hal ini sepertimana yang diperkatakan oleh Singleton (1999:10) dalam bukunya yang menyatakan:

*"Without grammer very little can be conveyed."*

Kesalahan nahu bahasa Arab banyak berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar berdasarkan kajian-kajian analisis kesilapan aplikasi nahu daripada pelbagai aspek yang dilakukan sama ada peringkat menengah atau di pusat-pusat pengajian tinggi (Hanizam, 2005; Jassem, 1999; Zainol, 2003). Pembelajaran Nahu bukan sekadar menghafal ayat-ayat tertentu berdasarkan topik-topik nahu yang terasing dan tersendiri tetapi akan menjadi satu aspek yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa secara bersepadu dan menyeluruh (Ahmad Kilani, 2001). Kesilapan Nahu atau tatabahasa ini boleh menyebab sesuatu penulisan sukar difahami.

Justeru , untuk cemerlang dalam peperiksaan terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Arab, pelajar sewajarnya menguasai nahu. Salah satu cara untuk menguasainya adalah dengan menguasai strategi pembelajaran nahu itu sendiri. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Baharin, Othman, Syed Mohd Shafeq dan Hasliza (2007) iaitu penguasaan strategi pembelajaran ini juga adalah penting untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Dalam konteks kajian strategi pembelajaran, ramai penyelidik seperti Lan(2005), Pawlak (2009) dan Tilfarlioĝlu (2005) menyarankan agar kajian berterusan dilaksanakan bagi memahami sepenuhnya tentang hubungan antara penggunaan strategi dengan pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat secara tidak langsung. Namun masih belum terdapat kajian strategi pembelajaran Nahu secara khusus untuk menguasai bahasa Arab.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran Nahu (SPNBA), pola penggunaan SPNBA berdasarkan tahap pencapaian, dan perkaitan penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama negeri dengan tahap pencapaian Nahu mereka. Oleh itu kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman, 1993) bersifat tinjauan semasa yang memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa (Creswell, 2005). Ia bertujuan mendapatkan data kuantitatif tentang latar belakang pelajar sekolah menengah agama negeri yang merangkumi pencapaian dalam Nahu dan instrument Strategies Iventory of Language Learning (SILL) berkaitan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab (SPNBA).

Lokasi kajian ini melibat tiga buah sekolah menengah agama negeri Perak di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Perak. Dalam jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970) menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi. Berdasarkan jadual tersebut bilangan sampel yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 154 orang daripada jumlah populasi 258 orang pelajar. Jumlah sampel yang dipilih berdasarkan strata jantina adalah sama banyak bagi setiap jantina iaitu 77 orang. Strata bagi setiap kategori pencapaian pula tidak diwakili oleh jumlah sampel yang seimbang kerana jumlah pelajar lelaki adalah sangat sedikit berbanding perempuan yang mengambil peperiksaan Thanawi. Tambahan pula, dari segi pencapaian Nahu pelajar yang mendapat Maqbul dan Raasib adalah kurang berbanding yang mendapat Jayyid. Justeru itu, kesemua pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat Raasib dan Maqbul dipilih sebagai responden kajian ini. Bilangan sampel pelajar yang terlibat dalam kajian ini mengikut strata berperingkat adalah seperti mana yang ditunjukkan oleh jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Bilangan sampel kajian berdasarkan strata

| | | Jantina | | |
|---|---|---|---|---|
| **Strata** | | **Lelaki** | **Perempuan** | **Jumlah** |
| Gred Pencapaian Nahu Bahasa Arab | Mumtaz | 7 | 1 | 8 |
| | Jayyid Jiddan | 24 | 30 | 54 |
| | Jayyid | 31 | 31 | 62 |
| | Maqbul | 11 | 14 | 25 |
| | Raasib | 4 | 1 | 5 |
| | | 77 | 77 | 154 |

Seterusnya, bilangan sampel dibahagikan kepada pencapaian untuk pelajar cemerlang, pelajar sederhana dan pelajar lemah. Dalam kajian ini, pelajar cemerlang adalah pelajar yang mendapat Mumtaz dan Jayyid Jiddan dalam pencapaian Nahu bahasa Arab. Manakala pelajar sederhana adalah pelajar yang mendapat Jayyid dan pelajar lemah pula adalah pelajar yang mendapat Maqbul dan Raasib dalam pencapaian Nahu bahasa Arab. Bilangan sampel berdasarkan pencapaian pelajar cemerlang, sederhana dan lemah adalah seperti mana yang ditunjukkan oleh jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Bilangan sampel berdasarkan Pencapaian Pelajar Cemerlang, Sederhana dan Lemah (N=154)

| **Pencapaian** | **Jantina** | | |
|---|---|---|---|
| | **Lelaki** | **Perempuan** | **Jumlah** |
| Pelajar Cemerlang | 31 | 31 | 62 |
| Pelajar Sederhana | 31 | 31 | 62 |
| Pelajar Lemah | 15 | 15 | 30 |
| Jumlah | **77** | **77** | **154** |

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Ia terdiri daripada dua bahagian, iaitu keputusan Nahu dalam Thanawi dan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab ini dibina berdasarkan soal selidik strategi pembelajaran bahasa Arab yang digunakan oleh Kamarul Shukri (2009) dalam penyelidikannya setelah diadaptasi daripada SILL versi 7.0 (Oxford, 1990). Untuk tujuan kajian ini, sebanyak 44 item digunakan bagi mengumpulkan maklumat penggunaan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama negeri. 44 item ini diambil daripada item-item SILL versi 7.0 yang telah diadaptasi daripada item Kamarul Shukri (2009) untuk disesuaikan dengan pembelajaran Nahu bahasa Arab yang hanya melibatkan enam kategori strategi utama sahaja, iaitu strategi memori, kognitif, metakognitif, afektif, sosial dan metafizik.

Item-item metafizik adalah diambil daripada item yang dibina oleh Kamarul Shukri (2009) secara terus. Ia kemudian telah telah diuji kesahannya melalui kesahan muka (*face validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*). Manakala indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk Memori (7 item) adalah 0.802, bagi konstruk Kognitif ( 10 item) pula adalah 0.883, seterusnya konstruk Metakognitif (10 item) adalah 0.934, bagi konstruk Afektif (6 item) adalah 0.772 manakala konstruk Sosial (5 item) adalah 0.848 dan konstruk Metafizik (6 item) adalah 0.821. Indeks kebolehpercayaan keseluruhan item instrumen SPN adalah 0.843. Indeks julat ini dianggap baik (McMillan & Schumacher, 2006; Sekaran,1992).

Dalam memerihalkan pemboleh ubah kajian ini, penyelidik menggunakan min dan sisihan piawai serta peratusan. Kajian ini juga menggunakan ujian korelasi Pangkatan Spearman digunakan untuk melihat perkaitan antara dua atau lebih pemboleh ubah.

## DAPATAN

Jadual 3 menunjukkan bahawa seramai 77 orang (50%) daripada responden adalah pelajar lelaki dan 77 orang (50%) adalah pelajar perempuan. Dari segi pencapaian Gred Nahu Bahasa Arab peperiksaan Thanawi, seramai 8 orang (5.19%) mencapai Mumtaz, manakala seramai 54 orang (35.07%) mencapai Jayyid Jiddan. Majoriti pelajar mencapai Jayyid dalam peperiksaan Thanawi bagi subjek Nahu iaitu seramai 62 orang (40.26%).

Sementara itu, seramai 25 orang (16.23%) mencapai Maqbul manakala minoriti pelajar iaitu seramai 5 orang (3.25%) mencapai Raasib dalam peperiksaan Thanawi subjek Nahu. Dalam kajian ini, pelajar cemerlang nahu (PCN) adalah yang mencapai Mumtaz dan Jayyid Jiddan dalam peperiksaan Thanawi bagi subjek Nahu. Pelajar sederhana nahu (PSN) pula ialah mereka yang mencapai Jayyid Jiddan, manakala pelajar lemah nahu (PLN) ialah mereka yang mencapai Raasib dan Maqbul dalam peperiksaan Thanawi bagi subjek nahu.

Jadual 3 Profil jantina dan pencapaian Nahu pelajar

| Latar Belakang Responden | | Frekuensi | Peratusan |
|---|---|---|---|
| Jantina | Lelaki | 77 | 50 |
| | Perempuan | 77 | 50 |
| | Jumlah | 154 | 100 |
| | | | |
| Gred Nahu dalam Peperiksaan Thanawi | Mumtaz | 8 | 5.19 |
| | Jayyid Jiddan | 54 | 35.07 |
| | Jayyid | 62 | 40.26 |
| | Maqbul | 25 | 16.23 |
| | Raasib | 5 | 3.25 |
| | Jumlah | 154 | 100 |

Secara keseluruhan tahap penggunaan strategi dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama adalah pada tahap sederhana (M=2.96, SP=1.31). Walau bagaimanapun, min bagi setiap kategori strategi utama turut dinilai. Strategi utama yang paling kerap digunakan adalah strategi metafizik (M=3.47, SP=1.31) pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh strategi afektif (M=3.23, SP=1.34), strategi metakognitif (M=2.82, SP= 1.23), strategi sosial (M = 2.78, SP = 1.28), strategi memori (M=2.76, SP=1.31) dan strategi kognitif (M=2.68, SP=1.27). Kesemua strategi utama ini digunakan pada tahap sederhana denga skor min di antara 2.68 hingga 3.47. Justeru itu, kajian ini mendapati tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap kekerapan yang tinggi. Min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan bagi setiap kategori utama SPNBA adalah seperti mana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.

Jadual 4 Min dan sisihan piawai penggunaan SPNBA mengikut kategori strategi utama dan keseluruhan strategi (N=154)

| Strategi Utama | Min | S.P. | Interpretasi |
|---|---|---|---|
| Metafizik | 3.47 | 1.31 | Sederhana |
| Afektif | 3.23 | 1.34 | Sederhana |
| Metakognitif | 2.82 | 1.23 | Sederhana |
| Sosial | 2.78 | 1.28 | Sederhana |
| Memori | 2.76 | 1.31 | Sederhana |
| Kognitif | 2.68 | 1.27 | Sederhana |
| **Keseluruhan** | **2.96** | **1.31** | |

Berdasarkan Jadual 5, dapatlah dinyatakan bahawa pelajar cemerlang Nahu (PCN) adalah merupakan kumpulan yang paling kerap menggunakan SPNBA secara keseluruhannya. Namun begitu, ia berada pada tahap penggunaan yang sederhana (M =3.04, SP = 1.32). Ini diikuti oleh pelajar sederhana Nahu PSN juga berada pada tahap penggunaan yang sederhana (M =2.89, SP=1.32) dan akhirnya pelajar lemah Nahu PLN (M=2.76, SP =1.27) juga berada pada tahap penggunaan yang sederhana.

Dari segi kategori strategi utama SPN pula, strategi metafizik adalah merupakan tiga kategori utama yang paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan tahap

pencapaian nahu bahasa Arab. Jadual 4.14 juga menunjukkan bahawa PCN kerap menggunakan strategi metafizik (M=3.52, SP =1.30) pada tahap penggunaan tinggi. Ini diikuti oleh strategi afektif (M =3.14, SP =1.30) pada tahap penggunaan sederhana. Sementara itu, PSN pula didapati kerap menggunakan strategi metafizik (M=3.46, SP =1.30) namun pada tahap penggunaan sederhana, dan diikuti oleh strategi afektif (M=3.24, SP=1.40) juga pada tahap penggunaan sederhana. PLN pula didapati menggunakan ketiga-tiga strategi tersebut secara kerap dengan susunan frekuensi yang berbeza pada tahap sederhana, iaitu strategi metafizik (M=3.41, SP=1.36), strategi afektif (M=3.25, SP=1.28), dan strategi metakognitif (M= 2.69, SP =1.23). Dapatan ini juga mengenalpasti bahawa strategi SPNBA yang paling kurang digunakan oleh PCN dan PSN adalah sama iaitu strategi kognitif, yang mana PCN ( M=2.85, SP=1.33), manakala PSN (M=2.65, SP=1.29). Manakala PLN paling kurang menggunakan strategi sosial (M=2.47, SP=1.20).

Jadual 5 Min dan sisihan piawai penggunaan SPNBA berdasarkan tahap pencapaian Nahu (N=154)

| **Strategi Utama** | **PCN (n = 62)** | | **PSN (n = 62 )** | | **PLN (n = 30 )** | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Min** | **S.P** | **Min** | **S.P** | **Min** | **S.P** |
| Metafizik | 3.52 | 1.30 | 3.46 | 1.30 | 3.41 | 1.36 |
| Afektif | 3.14 | 1.30 | 3.24 | 1.40 | 3.25 | 1.28 |
| Metakognitif | 2.95 | 1.24 | 2.76 | 1.21 | 2.69 | 1.23 |
| Sosial | 2.93 | 1.31 | 2.77 | 1.26 | 2.47 | 1.20 |
| Memori | 2.91 | 1.35 | 2.73 | 1.31 | 2.53 | 1.17 |
| Kognitif | 2.85 | 1.33 | 2.65 | 1.27 | 2.42 | 1.10 |
| **Keseluruhan** | **3.04** | **1.32** | **2.89** | **1.32** | **2.76** | **1.27** |

Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian perkaitan SPNBA dengan pencapaian nahu Bahasa Arab secara keseluruhan yang mendapati r = 0.159 dengan nilai p > 0.001. Ini menunjukkan pernyataan tiada perkaitan signifikan antara keseluruhan penggunaan SPNBA dengan pencapaian nahu. Nilai positif r pula menunjukkan tiada hubungan yang signifikan di antara keseluruhan penggunaan SPNBA dengan pencapaian Nahu Bahasa Arab. Bahkan nilai kesignifikan yang lebih daripada 0.001 ini menerangkan bahawa tiada sebarang kolerasi di antara pemboleh ubah tersebut. Justeru itu, pernyataan tidak terdapat perkaitan signifikan antara keseluruhan penggunaan SPNBA dengan pencapaian Nahu Bahasa Arab adalah diterima.

Nilai pekali kolerasi 0.159 menunjukkan tahap hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah secara keseluruhan adalah amat lemah (Jackson, 2006). Varian $r^2$ = 0.025 pula menunjukkan bahawa hanya 2.5% peratus sahaja daripada pencapaian Nahu dengan menggunakan kesemua SPNBA. Keputusan ini menjelaskan pencapaian Nahu pelajar tidak mempunyai perkaitan dengan tahap penggunaan SPNBA, di mana pertaliannya adalah amat lemah dengan r = 0.159.

Jadual 6 Kolerasi antara strategi pembelajaran nahu Bahasa Arab keseluruhan dengan pencapaian Nahu bahasa Arab (N=154)

| **Hubungan Antara Pemboleh Ubah** | **R** | **$r^2$** | **Sig.** |
|---|---|---|---|
| Pencapaian Nahu - Keseluruhan SPNBA | 0.159 | 0.025 | 0.049 |

Sig. Pada aras 0.001

Jadual 6 pula menerangkan matrik koefisien korelasi antara kategori SPNBA dengan pencapaian Nahu. Hasil analisis inter-korelasi menunjukkan perhubungan yang

lemah antara memori dengan pencapaian Nahu (r=0.178, $r^2$ = 0.032), kognitif dengan pencapaian Nahu (r=0.194, $r^2$ = 0.035), metakognitif dengan pencapaian Nahu (r=0.125, $r^2$ = 0.015), afektif dengan pencapaian Nahu (r=-0.066, $r^2$ = 0.004), sosial dengan pencapaian Nahu (r=0.181, $r^2$ = 0.026) dan metafizik dengan pencapaian Nahu (r=0.077, $r^2$ = 0.005).

Jadual 4.22 Korelasi antara penggunaan SPNBA dengan pencapaian Nahu (N=154)

| **Jenis Strategi SPNBA** | **Pencapaian Nahu** | | |
|---|---|---|---|
| | R | $r^2$ | Sig. |
| Memori | 0.178 | 0.032 | 0.027 |
| Kognitif | 0.188 | 0.035 | 0.020 |
| Metakognitif | 0.149 | 0.015 | 0.066 |
| Afektif | -0.066 | 0.004 | 0.414 |
| Sosial | 0.164 | 0.026 | 0.024 |
| Metafizik | 0.077 | 0.005 | 0.346 |

Sig. Pada aras 0.001

## PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati tahap penggunaan strategi secara keseluruhan dalam kalangan para pelajar sekolah menengah agama negeri Perak adalah pada tahap sederhana (min = 2.96). Jika dilihat dari segi penggunaan SPNBA bagi setiap kategori utama didapati 35 daripada 44 strategi digunakan pada tahap tinggi dan sederhana iaitu 79.54% (6 daripada strategi tersebut adalah digunakan secara kerap manakala 29 strategi digunakan secara sederhana). Begitu juga jika dilihat dari segi penggunaan SPNBA bagi ketiga-tiga kumpulan PCN, PSN dan PLN majoritinya menggunakan secara sederhana iaitu PCN menggunakan 33 strategi (75%), PSN menggunakan 24 strategi (54.54%) dan PLN menggunakan 23 strategi (52.27%).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian-kajian lain dalam bidang strategi pembelajaran yang dilakukan di Malaysia, iaitu penggunaan strategi pada tahap sederhana (Kamarulzaman et.al, 2014). Begitu juga, dengan beberapa kajian di luar negara (Lan, 2005; Mokhtari, 2007; Nisbet , 2002 ; Saricoban & Saricaoğlu, 2008 dan Xiao, 2006).

Antara faktor yang mempengaruhi dapatan tersebut ialah tahap keperluan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan seharian pelajar adalah sedikit (Kamarul Shukri, 2009). Majoriti pelajar lebih banyak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian sesama mereka dan keluarga mereka. Penggunaan bahasa Arab di dalam kelas mahu pun di luar kelas juga kurang memberangsangkan sepertimana kajian Nik Mohd Rahimi (1999) yang mendapati hanya 5% pelajar menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi dengan guru bahasa Arab mereka dan hanya 1.7% sahaja pelajar bertutur menggunakan bahasa Arab sesama mereka. Terdapat juga kajian lain berkaitan kurang penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar seperti kajian Nasimah (2006) dan Nik Mohd Rahimi (1999).

Justeru, dapatan ini mempunyai hubungkait dengan penggunakan strategi pembelajaran secara kerap dan pelbagai dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dibuktikan, dengan hampir majoriti pelajar menyatakan hampir tidak berbual menggunakan kaedah nahu yang dipelajari. Dapatan ini sama sepertimana yang terdapat dalam beberapa kajian

lain seperti (Chou, 2002) dan (Lee , 2001). Penggunaan bahasa sasaran iaitu bahasa yang ingin dipelajari, jarang digunakan untuk tujuan komunikasi atau untuk keperluan seharian menyebabkan pelajar kurang menggunakan strategi pembelajaran (Kamarul Shukri, 2009) berbanding pelajar yang sentiasa menggunakan bahasa sasaran.

Selain itu, status bahasa Arab dalam konteks pembelajaran di Malaysia sebagai bahasa asing (Akta Pendidikan 1996) turut menyumbang kepada anggapan pelajar terhadap bahasa sasaran iaitu Bahasa Arab dianggap bahasa yang paling sukar dikuasai (Kamarul Shukri, 2006). Walau bagaimanapun menurut kajian Keatley, Chamot, Greenstreet dan Spokane (2004) pelajar yang mempelajari bahasa Arab di National Capital Languagae Resource Centre America berpandangan bahasa Arab lebih mudah dipelajari daripada bahasa Jerman dan Latin. Justeru, penyumbang kepada kurangnya pelajar menggunakan SPNBA adalah peluang penggunaannya yang terhad iaitu pelajar hanya dapat menggunakan bahasa sasaran dalam kelas (Kamarul Shukri, 2009). Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Lightbown et al. (1999) bahasa asing adalah bahasa yang dipelajari dalam bilik darjah dan tidak digunakan secara meluas dalam masyarakat sebagai bahasa komunikasi. Manakala,Wu (2010) pula menyatakan pelajar dalam konteks mempelajari bahasa asing lebih fokus kepada mengingati perbendaharaan kata, frasa-frasa, peraturan tatabahasa dan struktur ayat, tetapi sukar untuk menggunakannya dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks bahasa Arab, bahasa ini digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu Islam Malaysia untuk tujuan keagamaan seperti solat, doa dan membaca Al-Quran (Abdul Rahim, 1993). Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dilihat sebagai bahasa al-Quran dan bahasa agama yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam (Nurazan, 2004). Justeru, penggunaan bahasa sasaran lebih fokus kepada aspek keagamaan, bukan untuk komunikasi dalam masyarakat. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengembangkan potensi berbahasa mereka ke tahap yang lebih baik dan seterusnya menganggap bahasa ini kurang penting untuk dikuasai. Akibatnya, mereka kurang berusaha untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran berbahasa khususnya dalam menggunakan strategi pembelajaran Nahu bahasa Arab.

Selain itu, pelajar juga berdepan dengan halangan yang lain iaitu persekitaran bahasa Arab yang lemah (Azhar , Hossen dan Morsalin, 2008; Kamarul Shukri, 2009) yang mana penggunaan bahasa Arab sukar diperolehi di luar sekolah dan sumber input bahasa yang sedikit turut menyumbang kepada penggunaan strategi pembelajaran pelajar. Kekurangan bahan bacaan berbahasa Arab seperti majalah, buku-buku ilmiah dan buku cerita, siaran radio dan televisyen berbahasa Arab, dan bahan bantu mengajar berbahasa Arab (Azhar et al., 2008) menyebabkan pelajar tidak berpeluang menggunakan strategi pembelajaran mereka. Malah pelajar yang lemah pencapaian bahasa disebabkan sedikit peluang dan persekitaran yang miskin input bahasa tersebut.

Dapatan ini disokong melalui perbandingan tahap penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa Inggeris (Pawlak, 2009; Tirfarlioğlu, 2005) dan strategi pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Nisbet, 2002). Kajian tersebut mendapati tahap penggunaan strategi dalam konteks bahasa kedua yang kaya dengan sumber input bahasa sasaran adalah lebih tinggi daripada pelajar dalam konteks bahasa asing yang miskin sumber input bahasa.

Kajian ini juga mendapati PCN, PSN dan PLN menggunakan SPNBA secara keseluruhan pada tahap sederhana. Keadaan ini berlaku kerana metod pengajaran guru

juga mempengaruhi cara pembelajaran dan penggunaan strategi dalam kalangan pelajar (Brown, 2002). Justeru, di SMAN tidak semua guru yang mengajar bahasa Arab, mendapat latihan perguruan secara formal dan sistematik. Ini secara tidak langsung, menyebabkan mereka tidak berjaya menghidupkan suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan. Hal ini kerana pengajaran guru lebih berpusatkan kepada guru bukan kepada murid. Proses pengajaran sehala menyebabkab para pelajar tidak berpeluang untuk mempraktikkan strategi pembelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Ernie Suliana dan Zahiyah, 2005). Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan beberapa kajian lain (Kamarul Shukri, 2009; Lan, 2005; Nurazan, 2004; Wan Mohd Hamdi, 2008).

Di samping itu, kajian ini juga mendapati ketiga-tiga kumpulan ini didapati menggunakan strategi utama metafizik secara kerap yang mana PCN berada pada tahap kekerapan yang tinggi iaitu(M = 3.52), berbanding PSN dan PLN. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa PCN sentiasa sedar penggunaan strategi mereka, membuat kombinasi antara strategi dan melaksanakannya secara berhati-hati (Ok, 2003), berbanding dengan PSN dan PLN walaupun secara aktif menggunakan strategi pembelajaran tetapi secara tidak teratur. Hal ini kerana pelajar yang mahir berbahasa lebih banyak menggunakan strategi secara konsisten berbanding dengan pelajar yang tidak mahir berbahasa. Justeru, hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Wan Mohd Hamdi (2008), pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi, terlibat dalam pembelajaran secara sedar dan aktif, dan lebih berwawasan dalam pembelajaran berbanding dengan pelajar lemah. Tambahan itu pula, pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi mengikut suasana keperluan dan tugasan.

Dari segi perkaitan antara penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar sekolah agama negeri Perak dengan pencapaian Nahu bahasa Arab, ujian Spearman telah dilakukan yang mana nilai signifikan yang dipilih ialah $p < 0.001$. Kajian menunjukkan tiada perkaitan signifikan antara keseluruhan penggunaan SPNBA dengan pencapaian nahu. Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian yang lain (Pawlak, 2009; Tilfarlioğlu, 2005). Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan beberapa kajian lain yang melaporkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara penggunaan strategi dengan pencapaian (Griffiths, 2003) dan (Nisbet, 2002). Ketiadaan perkaitan SPNBA dengan pencapaian Nahu pelajar dapat dikaitkan dengan tahap penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar yang mana secara keseluruhannya pada tahap sederhana. Hal ini sepertimana kajian yang dilakukan oleh Pawlak (2009) dan Tilfarlioğlu (2005) dalam membuat hubungkait pencapaian tatabahasa Inggeris dengan strategi pembelajaran tatabahasa Inggeris.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat faktor lain yang membantu pelajar untuk cemerlang dalam pencapaian Nahu. Antaranya ialah menghadiri kelas tuisyen atau kelas tambahan sama ada yang diadakan oleh pihak sekolah atau swasta. Menurut kajian Mazliyana (2006) sebanyak 90.1% ibu bapa menghantar anak-anak ke kelas tuisyen kerana mereka mementingkan pencapaian akademik anak-anak mereka. Hal ini sepertimana kajian Gan (2000) kelas tambahan yang dilaksanakan di sekolah dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan pencapaian pelajar. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk membantu mempertingkat pencapaian para pelajar di sekolah masing-masing. Justeru, dewasa ini, di sekolah pelbagai program kecemerlangan dirancang dan dilaksanakan termasuklah kelas bimbingan yang dinamakan dengan pelbagai nama, contohnya tuisyen permata, tuisyen gemilang dan lain-lainnya untuk membantu para pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Hal ini menyebabkan penggunaan SPNBA dalam kalangan pelajar sekolah agama negeri Perak adalah sangat rendah. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk membimbing dan memperkenalkan strategi pembelajaran ini kepada para pelajar agar dapat membantu mereka memilih strategi yang sesuai dengan diri mereka. Menurut Ok (2003), terdapat beberapa sebab strategi ini kurang digunakan iaitu pelajar tidak dapt mengenalpsti strategi mereka, sebahagian pelajar hanya menggunakan sedikit strategi berbanding pelajar yang berjaya dan strategi ini kurang berkesan, dan banyak strategi pembelajaran yang kurang efektif walaupun mereka sedar strategi mereka serta mereka tidak berhati-hati melaksanakan strategi tersebut. Justeru, pelajar perlu kepada bimbingan guru untuk menggunakan strategi (Magno 2010). Menurut Nurazan (2004) pelajar cemerlang menggunakan strategi yang banyak berbanding pelajar kurang berjaya, namun penggunaan strategi kurang mempengaruhi pencapaian bahasa.

## IMPLIKASI

Kajian ini adalah mendasari teori kognitif (Anderson,1983) dan teori kognitif sosial (Vygotsky, 1978). Hasil kajian ini secara keseluruhan membuktikan peranan teori kognitif sosial sebagai salah satu daripada paksi teori SPNBA yang mana PCN, PSN dan PLN menggunakan SPNBA pada tahap sederhana. Justeru dalam pembelajaran Nahu bahasa Arab, guru perlu memperkenalkan SPNBA ini kepada pelajar dan melatih pelajar melaksanakannya secara berkesan sesuai dengan tugasan pembelajaran.

### Implikasi Dari Segi Pedagogi

Dapatan kajian ini juga memberi implikasi kepada pedagogi pembelajaran Nahu bahasa Arab itu sendiri. Hal ini kerana Nahu merupakan komponen yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab dan Nahu ini tidak boleh dipisahkan dengan kemahiran berbahasa semasa pengajaran dan pembelajaran. Teknik gabung jalin antara kandungan Nahu bahasa Arab dengan kemahiran berbahasa perlu diwujudkan supaya pembelajaran Nahu bahasa Arab menjadi seronok dan menarik minat pelajar. Kesimpulannya, implikasi kajian ini dari segi pedagogi dapat dinyatakan seperti berikut:

1. Sekolah
    a. Pihak pentadbir perlu menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif seperti makmal bahasa supaya pembelajaran bahasa Arab khususnya Nahu bahasa Arab dapat dipelajari secara teori dan amali. Kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat diaplikasikan bersama melalui aktiviti pembelajaran.

2. Guru Nahu
    a. Guru perlu diberi pendedahan tentang strategi pembelajaran ini supaya pengajaran yang disampaikan dapat menarik minat murid untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran.
    b. Guru sebagai pembimbing, perlu memainkan peranan penting untuk mengajar pelajar menggunakan strategi pembelajaran semasa pengajaran bahasa atau Nahu bahasa Arab yang bersesuaian dengan tugasan Nahu yang diberikan.

3. Pelajar
   a. Pelajar perlu dibimbing dan dilatih menggunakan strategi pembelajaran ini semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya mereka dapat melaksanakannya sendiri.
   b. Pelajar mempunyai pelbagai kebolehan perlu didedahkan dengan pelbagai strategi pembelajaran mengikut kesesuaian tugasan pembelajaran yang diberikan.
   c. Pelajar perlu kreatif untuk menyesuaikan strategi pembelajaran yang diajarkan guru untuk diaplikasikan dalam proses pembelajaran mereka.

## PENUTUP

Kajian ini menggambarkan tahap penggunaan SPNBA yang sederhana dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama negeri Perak ketika mempalajari Nahu bahasa arab. Namun begitu populasi ini masih mempunyai asas yang baik bagi mempertingkatkan penggunaan SPNBA. Penggunaan strategi oleh keseluruhan pelajar berada pada tahap sederhana dengan 79.55% daripada jumlah item digunakan pada tahap sederhana dan tinggi memperlihatkan peluang untuk mengubah suasana tersebut. Lantaran itu, semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan bahasa Arab hendaklah membuat perancangan strategik secara bersepadu bagi melahirkan pelajar berautonomi yang berjaya. Kajian ini dijangka dapat membantu pelbagai pihak dalam kerangka merintis pembelajaran bahasa Arab supaya menjadi lebih mudah, cepat, menyeronokkan, kendiri dan efektif, di samping dapat mempertingkatkan pendidikan bahasa Arab di Malaysia khususnya.

## RUJUKAN

Abdul Rahim Haji Ismail. 1993. Teaching of Arabic as a second language. Unpublished Ph.D thesis. University of Salford.

Abraham, R.G. & Vann, R.J. 1987. Strategies of two language learners: a case study. Dalam A. Wenden & J.Rubin (pnyt.) *Learners strategies in language learning*, hlm. 85-102. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Abu Shamais, W. 2003. *Language learning strategy use in Palestine*. *TESL-EJ.* Vol 7 No. 2

Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia*. Skudai, penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Anderson, J.R. 1983*. The architecture of cognition*. Cambridge, MA: Harvard University Press. Cambridge : HarvardUniversity Press.

Azhar Hj Ahmad, Hossen Marip & Morsalin Pawi. 2008. *Kajian tinjauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah di negeri Sarawak*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 6, hlm. 635-645.

Azhar Muhamad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushroh bt Basiron, Kamarul Azmi b Jasmi & Sulaiman Shakib b Mohd Nor. 2006. *Penguasaan pelajar sekolah menengah aliran agama terhadap pengajian ilmu retorik Arab*. Projek penyelidikan, Pusat Penyelidikan Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Baharin Abu, OthmanMd Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. 2007. Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di Fakulti Pendidikan UTM Johor. *Laporan Penyelidikan No.71881*. Jabatan Asas Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

Chamot, A.U., Barnhardt, S., El-Dinary, P.B. & Robbins, J. 1999. The learning strategies handbook. New York: Pearson Education.

Che Radiah Mezah. 2009. *Kesilapan leksikal dalam pembelajaran bahasa Arab*. Serdang,Universiti Putra Malaysia.

Chou, Y. 2002. An exploratory study of language learning strategies and the relationship of these strategies to motivation and language proficiency among EFL Taiwanese technological and vocational college students. Disertasi Ph.D tidak terbit. Universiti Texas A&M.

Creswell, J.W. 2005. *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. ke-2. New Jersey : Pearson Educational Inc.

Ernie Suliana Md Sharif dan Zahiyah Abu Bakar. 2005. Permasalahan pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama kerajaan di Terengganu: tinjauan terhadap persepsi guru pelatih program Diploma bahasa Arab dengan Pendidikan KUSZA sesi Mei 2004. Kertas Projek Diploma. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

Gan, Chin Guan. 2000. Kajian mengenai pandanga pelajar tingkatan empat terhadap keberkesanan kelas tambahan. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.

Griffiths, C. 2003b. Language learning strategy use and proficiency : The relationship between pattern of report language learning strategy (LLS) use by speakers of other languages (SOL) and proficiency with implication of the teaching/learning situation. Tesis Ph.D.. Universiti Auckland.

Hanizam Muhammad Ghazali. 2005. Al-akhta' al-lughawiyyah al-kitabiyyahladay al-tulab al-Malayuwiyyin fi istikhdam al-masdar: dirasah tahliliyyah. Thesis Master Of Human Science (Arabic Language) Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Science. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.

Jackson, S.L. 2006. *Research methods and statistics: a critical thinking approach*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.

Jassem, Ali Jassem. 1999. An error analysis of the verb phrase: A case study of the writing of the forth year literary stream students at Kuala Lumpur religious secondary school. Tesis Ph.D Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Shukri Mat Teh. 2006. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: menelusuri arus perubahan. Kertas Kerja Bengkel Pengajaran Bahasa Arab. Universiti Darul Iman, Kuala Terengganu, 26 Ogos.

Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi pembelajaran bahasa*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama. Tesis Phd. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohammad Shiham Mahfuz, Abdul Jamir Md. Saad. 2014. Relationship between the Usage of Language Learning Strategies and the Level of Proficiency in Learning Arabic Ab Initio. *Asian Social Science*; Vol. 10, No. 9; 2014.

Keatley, C., Chamot, A., Greenstreet, S. & Spokane, A. 2004. Learning strategies of syudents of Arabic. http://www.nclrc.org/inst-arabic1.htm.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, **30** (3): 607-610.

Lan, R.L. 2005. Language learning strategies profiles of EFL elementary school students in Taiwan. DisertasiPh.D.University of Marryland.

Lee, Moon-Book. 2001. Language learning strategies, EFL performance, and gender: a synchronized look at the forest and trees. DisertasiPh.DUniversity of Kansas

Macaro, E. 2001. *Learning strategies in foreign and second language classrooms.*London: Continuum.

Magno, C. 2010. Korean students' language learning strategies and years of studying English as predictors of proficiency in English. TESOL Journal. Vol.2: 39-61 atas talian http://www.tesol-journal.com

Mazliyana Mokhtar. 2006. Tinjauan mengenai persepsi pelajar sekolah menengah berkenaan faktor-faktor yang mendorong pelajar masuk ke pusat tuisyen swasta di daerah Kota Bharu, Kelantan.

McMillan, J. & Schumacher, S. 2006. *Research in education: evidence-based inquiry*. Boston: Pearson Educational Inc.

Mohamed Amin Embi. 1996. Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia. TesisPhd.School of Education, University of Leeds.

Mokhtari, Azita. 2007. Language learning strategies and beliefs about language learning: a study of university students of Persians in United States. DisertasiPh.D.University of Texas

Nasimah Hj Abdullah. 2006. *Permasalahan dalam pembelajaran bagi pelajar diploma pendidikan Islam (bahasa Arab) di KUIS dan cara mengatasinya.* Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5, hlm. 199-208.

Neuman, W.L. 1993. *Social research methods : qualitative and quantitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 1999. *Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad-21*. Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Negar*a*, hlm. 226-236.

Nisbet, Deanna L. 2002. Language learning strategies and English proficiency of Chinese university students. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nunan, D. 1988. *The learner-centered cuuriculum*. Cambridge: University Press.

Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. 1990. Learning strategies in second language acquisition. Cambridge: CambridgeUniversity Press.

Ok, L.K. 2003. *The relationship of school year, sex and proficiency on the use of learning strategies in learning English of Korean junior high school students*. Asian EFL Journal*,* 5(3), 1-35.

Oxford, R.L. 1990. *Language learning strategies : What every teacher should know*. Boston: Heinie & Heinie.

Pawlak, M. 2009. *Grammar learning strategies and language attainment: seeking a relationship.* Research in Language, vol.**7**: 43-60. atas talian : http//versita.metapress.com/ b85bg12811771522/fulltext.pdf (26.11.2011)

Rahimah Hj Sabran dan Rahim Syam. 1986. Kaedah pembelajaran bahasa Melayu. Fajar Bakti Petaling Jaya.

Rubin, J. 1987. Learners strategies: Theoretical assumptions, research history and typology. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Saricoban, A. & Saricaoğlu, A. 2008. *The effect of the relationship between learning and teaching strategies on academic achievement.* Novitas-ROYAL, (Research on Youth and Language), 2 (2), 162 – 175. Atas talian http://www.novitasroyal.org/ saricoban.html

Sekaran, U. 1992. Research methods for business : a skalal building approach. Ed. ke-2. New York: John Wiley & Sons.

Singleton, D. 1999. *Exploring the Second Language Mental Lexicon*. Cambridge: CambridgeUniversity Press

Tilfarlioĝlu, Y.F. 2005. *An analysis of the relationship between the use of grammar learning strategies and student achievement at English preparatory classes.* Jounal of

Language ang Linguistic Studies. Vol.**1**, No.**2**. October, hlm: 155-169. atas talian : http//www.jlls.org/issues/Volume1/No.2/fyalcin.eyalcin.pdf (20.10.2011)

Vygotsky, L.S. 1978. Mind in society: the development of higher psychological processes.

Wan Mohd. Hamdi bin Nordin @ Wan Ghazali. 2008. Strategi pembelajaran Bahasa Arab di UITM. Kertas Projek. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Universiti Kebngsaan Malaysia.

Wu, Kun Huei. 2010. *The relationship between language learners' anxiety and learning strategy in the CLT classroom.* February 2010. 3(1) : 174-191.

Xiao, Ling. 2006. How goal orientation, perceived competence, and strategy training affect college students' use of self-regulated learning strategies and achievement in learning foreign languages. DisertasiPh.D.FloridaStateUniversity.

Zainol Abidin Ahmad. 2003. Kemahiran menulis bahasa Arab di kalagan pelajar Melayu: satu kajian kes. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya

Zamri bin Mahamod. 2004. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS**

**Kamarulzaman Abdul Ghani (PhD)**
Profesor Madya
Jabatan Bahasa Ketiga
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan

**Suhaidah Abdul Samat**
Pegawai Pendidikan, KPM
SMA Al-Ulum Al-Syar'iyyah,
Bagan Datoh, Perak

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# PENGAPLIKASIAN ASPEK SOSIOBUDAYA MALAYSIA DALAM TEKS PEMBELAJARAN WACANA ARAB

**Mohd Zuhir Abd Rahman**
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.
**Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRACT

This study aims to identify the elements of the local socio-cultural influences in learning Arabic text and its role in learning Arabic in schools. In this study, the local socio-cultural elements that focus encompasses three main aspects, namely the application of the names of people, the type of food, and the celebration in a plural society in Malaysia. This study is to apply a combination of theory "Social Semiotics" pioneered by M.A.K. Halliday (1985) and Principles of Local by Asmah Omar (1992). The theory of "Social Semiotics" relationship between language and socio-cultural context that can be applied in learning Arabic. Content analysis method used in this study was to obtain information on the local socio-cultural influence. While quantitative methods are used to assess the frequency and number of socio-cultural elements are applied in the study text. A total of 20 text that were extracted from Form Three Arabic Language Textbook (KBSM) have been used in content analysis of this study.The analysis found that as many as 34 local cultural elements have been identified in the text of Arabic learning. This study is expected to serve as a guide in the development of learning materials and as a learning approach that can be applied to enhance the level of Arabic language proficiency among students.

**Keywords**: local socio-cultural, learning Arabic, language and socio-cultural and multi-racial society.

## *ABSTRAK*

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur pengaruh sosiobudaya tempatan dalam teks pembelajaran Arab dan peranannya dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Dalam kajian ini, unsur sosiobudaya tempatan yang difokuskan merangkumi tiga aspek utama, iaitu penerapan nama-nama orang, jenis makanan, dan unsur perayaan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini mengaplikasi gabungan antara teori "Semiotik Sosial" yang dipelopori oleh M.A.K. Halliday (1985) dan Prinsip Budaya Tempatan oleh Asmah Omar (1992). Teori "Semiotik Sosial" mempunyai hubungan antara bahasa dengan konteks sosiobudaya yang boleh diaplikasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengaruh sosiobudaya tempatan. Manakala kaedah kuantitatif pula digunakan bagi menilai kekerapan dan bilangan unsur sosiobudaya yang diterapkan dalam teks pembelajaran. Sebanyak 20 teks pembelajaran daripada buku teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai data kajian. Analisis mendapati sebanyak 34 unsur sosiobudaya tempatan telah dikenal pasti dalam teks pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam*

*pembinaan bahan pembelajaran dan sebagai satu pendekatan pembelajaran yang boleh diaplikasi bagi mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.*

***Kata Kunci**: Sosiobudaya tempatan, pembelajaran bahasa Arab, bahasa dan sosiobudaya, dan masyarakat majmuk.*

## PENDAHULUAN

Bahasa dan budaya merupakan dua elemen yang mempunyai pertautan antara satu sama lain dalam kajian bahasa dan linguistik, dan bahasa itu merupakan cerminan budaya. Kedua-dua elemen ini berperanan untuk menghasilkan bahasa yang digunakan oleh anggota masyarakat bagi tujuan komunikasi dalam sesebuah masyarakat. Menurut Mohd Sukki *et.al* (2005:84), bahasa berperanan membentuk budaya masyarakat tersebut. Kewujudan dan keutuhan sesebuah masyarakat serta ciri-ciri istimewanya dapat dilihat melalui bahasa dan budaya mereka. Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Menurut Brown dalam Tarigan (1993:3), beliau menjelaskan bahawa bahasa berperanan sebagai alat untuk berkomunikasi, bahasa beroperasi dalam suatu masyarakat atau budaya dan bahasa pada hakikatnya adalah bersifat kemanusiaan. Fishman (1972) pula menyatakan bahawa bahasa itu merupakan cerminan sosiolinguistik sesebuah komuniti atau kumpulan masyarakat bahasa. Bahasa turut merangkumi organisasi sosial, jaringan komunikasi yang pelbagai dalam interaksi sosial. Sehubungan itu, tingkah laku setiap ahlinya dalam organisasi telah terbentuk dan terjelma secara semula jadi dalam sesuatu masyarakat. Justeru, pandangan Fishman ini menekankan semua aspek budaya sebagai cerminan aktiviti sesebuah masyarakat dalam pelbagai jaringan interaksi serta komunikasi sosialnya (Goh Sang Seong, 2012:183).

Manakala budaya pula bertindak sebagai penjelasan terhadap sesuatu bahasa yang dihasilkan berdasarkan kepada konteks sosiobudaya sebenar. Budaya merupakan konteks atau situasi yang mempunyai kedudukan penting dalam menentukan ketepatan dan kesesuaian dari segi makna serta perkaitan terhadap sesuatu bahasa yang dihasilkan. Sehubungan itu, konteks sosiobudaya memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran bahasa untuk memahami makna sesuatu bahasa yang dihasilkan. Ini jelas terbukti apabila Hymes (1972) menyatakan bahawa kata kunci untuk memahami sesuatu bahasa atau wacana haruslah dimulakan dengan memahami konteksnya dan bukan melalui bahasanya. Halliday (1987), menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa ialah mempelajari tentang bahasa, ia bermaksud mempelajari bahasa sebagai satu sistem dan bagaimana bahasa itu berfungsi sebagai teks dan wacana.

Mempelajari tentang bahasa juga memerlukan interaksi dengan dunia luar, iaitu proses menganalisis bahasa dari aspek luaran yang melihat kepada fungsi dan peranan bahasa dalam konteksnya (McCarthy dan Carter, 1994:134). Bahasa Arab merupakan satu bidang bahasa yang telah diwartakan sebagai satu mata pelajaran sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dalam kurikulum pendidikan dan dipelajari secara formal oleh pelajar di sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, pengaruh sosiobudaya tempatan yang merangkumi pengalaman sedia ada pelajar perlu diterapkan dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, pengaruh sosiobudaya tempatan perlu dilihat dan diberi perhatian dalam membina bahan pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

Budaya merupakan satu amalan atau corak kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat. Menurut Noriati A. Rashid *et. al* (2011:5), beliau menjelaskan budaya merupakan satu proses perkembangan sahsiah, akliah, semangat, spiritual, dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok. Manakala menurut Asmah Haji Omar (2004:162), budaya merupakan keseluruhan cara hidup serta peraturan-peraturan dalam sesebuah komuniti manusia yang mengawal cara hidup mereka. Peraturan ini timbul sebagai hasil pengalaman yang dilalui oleh ahli komuniti itu secara turun-temurun dan pengalaman itu dikodifikasikan (penyusunan butir-butir) untuk rujukan bersama. Sosiobudaya tempatan merangkumi aspek bahasa, agama, adat, cerita-cerita warisan serta amalan dalam kehidupan seharian masyarakat yang dikaitkan dengan sesuatu tempat, lokasi atau kedudukan geografi dan mempunyai ciri-ciri keaslian yang tersendiri.

Sosiobudaya tempatan penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia berperanan menentukan ketepatan makna konteks dan cara penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan tepat. Pemilihan perkataan dan pola ayat oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab juga dibatasi dan ditentukan oleh sosiobudaya tempatan. Menurut Rusydi Ahmad Tua'imah (1989:17), tahap kecekapan berbahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan dengan tahap penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan seseorang. Begitu juga aspek komunikasi antara setiap individu berbeza berdasarkan perbezaan konteks latar persekitaran, situasi kehidupan, budaya sesebuah masyarakat, ciri individu serta kefasihan berbahasa sebagai alat untuk berkomunikasi.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam konteks pembelajaran dan pemerolehan bahasa, aspek pengaruh sosiobudaya tempatan memainkan peranan penting kerana budaya mempunyai hubungan yang erat dengan sesuatu bahasa yang wujud dalam lingkungan persekitarannya. Hakikat ini disandarkan kepada penyataan Mohd Rushdan Azizan (2012:1), bahawa dengan berpaksikan kepada pengaruh sosial yang kuat dan dibantu oleh proses mental yang berterusan, maka tahap penguasaan bahasa oleh seseorang itu akan menjadi lebih kukuh dan sempurna. Pengalaman bahasa yang dimaksudkan itu cukup berfaedah untuk dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar Melayu.

Manakala dalam konteks pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu, konteks budaya tempatan mempunyai kepentingan yang besar kerana ia mengandungi warisan budaya tempatan yang boleh diaplikasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Warisan itu meliputi aspek keagamaan, adat, budaya, peraturan, dan sebagainya. Menurut Wan Muhammad dan Ab. Halim (2005:69) cerita tradisi rakyat yang sudah masyhur dalam kalangan masyarakat Melayu amat sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk memudahkan pengajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana, cerita tersebut merupakan pengalaman sedia ada yang mempunyai unsur konteks tempatan sudah menjadi kebiasaan serta sebati dalam sanubari dan jiwa masyarakat Melayu. Di samping itu, kebanyakan cerita rakyat ini merupakan kesinambungan budaya masa lalu dengan budaya masa kini yang merupakan karya warisan silam masyarakat Melayu yang tidak ternilai harganya. Karya tersebut merupakan karya kreatif intelektual bangsa Melayu masa lalu dan menjadi bahan yang digunakan dalam budaya hidup mereka.

Oleh yang demikian, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu melihat kepada pendekatan dan teknik pembelajaran yang mengambil kira unsur sosiobudaya yang terdapat dalam lingkungan persekitaran pembelajaran dan kehidupan pelajar. Hal ini demikian kerana aspek sosiobudaya mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang dikaitkan dengan konteks situasi tempatan. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa berdasarkan penjelasan terhadap isu penggunaan sosiobudaya dalam pembelajaran bahasa Arab turut melibatkan pembinaan bahan pembelajaran yang terdiri daripada teks-teks pembelajaran mestilah mengambil kira aspek konteks sosiobudaya.

Perkara ini penting kerana pengaruh sosiobudaya, seperti bahasa ibunda dan situasi tempatan yang diaplikasi dalam pembelajaran berperanan menyumbang kefahaman yang cepat kepada pelajar serta dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Bagi Halliday (1978) beliau telah memperjuangkan teori wacana yang dipelopori oleh J.R. Firth (1951) menyatakan bahawa sifat dan struktur bahasa mempunyai hubungan dengan fungsi bahasa dan fungsi itu ada kaitannya dengan kebudayaan dan alam bahasa itu sendiri. Oleh itu, struktur sesuatu bahasa mestilah mengambil kira kegunaan bahasa itu dalam masyarakat.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan terhadap pengaruh sosiobudaya tempatan adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti pengaruh sosiobudaya tempatan (Malaysia) dalam teks pembelajaran wacana Arab.
2. Menjelaskan peranan konteks sosiobudaya tempatan (Malaysia) dalam membantu proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab di sekolah.

## METODOLOGI

Pengaruh sosiobudaya merupakan salah satu daripada unsur konteks tempatan yang dikaitkan dengan proses pemerolehan dan pembelajaran sesuatu bahasa dalam kajian analisis wacana. Konteks tempatan merupakan perkara yang sangat penting dalam menentukan ketepatan sesuatu ujaran atau bahasa yang dihasilkan dengan berdasarkan kepada keprihalan keadaan atau situasi yang sebenar. Hakikat ini telah digambarkan oleh Halliday (1978:3) melalui pernyataan beliau:

> *"The context plays a part in determining what we say; and what we say plays a part in determining the context."*

Secara dasarnya, teori "Semiotik Sosial" yang mula dibangunkan oleh Halliday (1978) menerusi karya beliau bertajuk "*Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning*" dijadikan landasan dalam kajian ini. Teori "Semiotik Sosial" yang digunakan dalam kajian ini merupakan hasil daripada penambahbaikan yang telah dilakukan oleh Halliday terhadap kerangka teori "*Context of Situation*" atau "Konteks Situasi" yang telah diasaskan oleh Malinowski pada tahun 1923, kemudiannya dikembangkan oleh Firth pada tahun 1950. Manakala pada tahun 1985, Halliday telah mengembangkan kerangka teori ini melalui karya beliau bertajuk

"*Language, Context, and Text: Aspects of Language in a Social-Semiotic Perspective*" yang ditulis bersama Hasan, Ruqaiya. Teori ini telah digabungkan dengan kerangka model analisis konteks tempatan dengan penambahan prinsip-prinsip konteks tempatan, iaitu prinsip sosiobudaya (Malaysia) seperti yang dinyatakan oleh Asmah Omar (1991).

Kata kunci pendekatan konsep teori Halliday ini ialah "*context of situation*" yang mengandungi hubungan antara persekitaran sosial dan fungsi struktur bahasa dalam kajian bahasa. Hakikat ini dapat dilihat melalui ungkapan Halliday dan Hasan (1985:11) seperti berikut:

> *"The text, we have said, is an instance of the process and product of social meaning in a particular context of situation. Now the context of situation, the context in which the text unfolds, is encapsulated in the text, not in a kind of piecemeal fashion, nor at the other extreme in any mechinical way, but through a systematic between the social environment on the one hand, and the functional organization of language on the other".*

Manakala sarjana linguistik Arab yang pertama memperkenalkan konsep perkaitan bahasa (makna) dengan konteks (sosiobudaya) berdasarkan kajian linguistik moden ialah Tamam Hasan (1973) melalui bukunya yang bertajuk '*Al-Lughat al-'Arabiyyat Ma'naha wa Mabnaha*'. Beliau menyatakan bahawa sesuatu makna tidak dapat diketahui dengan sempurna melainkan dengan melihat kepada aspek sosiobudaya dan konteksnya yang sebenar. Pandangan beliau terhadap konsep makna dalam bahasa ini menyerupai pandangan Bronislaw Malinowski sebagai keperihalan keadaan berdasarkan teori *'context of situation'* (Azidan, 2011:8).

Kajian ini menggunakan dua pendekatan utama dalam penganalisisan data, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif bertujuan untuk menganalisis data maklumat berkaitan dengan pengaruh sosiobudaya tempatan dan peranan sosiobudaya tempatan dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Asmah Haji Omar (2008:34), menyatakan bahawa kaedah kualitatif biasanya digunakan dalam analisis data kandungan. Proses analisis kandungan kualitatif yang dicadangkan oleh Zhang dan Wildermuth (2009:308) adalah melalui pengumpulan dan penganalisaan data. Analisis kandungan kualitatif dianalisis menggunakan analisis tema dengan pengekodan dan pengkategorian dan dihuraikan secara deskriptif. Manakala kaedah kuantitatif pula untuk menilai kekerapan dan bilangan unsur sosiobudaya yang diterapkan dalam teks pembelajaran. Sebanyak 20 teks pembelajaran daripada buku teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai data kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Konteks sosiobudaya tempatan merupakan unsur budaya yang diamalkan oleh pelbagai bangsa dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, iaitu bangsa Melayu, Cina, dan India. Dalam menganalisis unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan dalam teks pembelajaran bahasa Arab, penyelidik bersandarkan kepada "Prinsip Budaya Tempatan" yang telah dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (1991). Unsur pengaruh konteks sosiobudaya yang difokuskan dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada tiga (3) aspek, iaitu; (i) nama orang dalam masyarakat majmuk, (ii) jenis makanan, dan (iii) sambutan hari perayaan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, unsur konteks sosiobudaya yang telah dikenal pasti adalah seperti paparan pada Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Analisis Keseluruhan Unsur Konteks Sosiobudaya

| Kategori | Aspek | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| Budaya Malaysia | Jenis Makanan | 22 | 64.7% |
| | Masyarakat Majmuk | 10 | 29.4% |
| | Sambutan Perayaan | 2 | 5.9% |
| **Jumlah** | | **34** | **100%** |

Merujuk kepada jadual di atas, jumlah keseluruhan unsur konteks sosiobudaya tempatan yang dikenal pasti dalam teks pembelajaran Arab ialah sebanyak 34 unsur. Daripada keseluruhan unsur tersebut, aspek Jenis Makanan mencatat bilangan yang tertinggi, iaitu sebanyak 22 unsur, mewakili (64.7%), aspek masyarakat majmuk mencatat bilangan sebanyak 10 unsur, iaitu mewakili (29.4%), manakala aspek Sambutan Perayaan hanya mencatat bilangan sebanyak dua (2) unsur, iaitu mewakili (5.9%).

## Penerapan Unsur Masyarakat Majmuk

Unsur pengaruh konteks sosiobudaya pertama yang difokuskan dalam penyelidikan ini ialah budaya masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk yang terdapat dalam masyarakat Malaysia melibatkan tiga kumpulan kaum yang terbesar, iaitu kaum Melayu, Cina, dan India. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks masyarakat majmuk adalah terdiri daripada nama orang yang mewakili watak-watak bagi setiap kaum dalam teks pembelajaran wacana Arab. Dapatan analisis budaya majmuk melibatkan nama orang dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Analisis Sosiobudaya dalam Masyarakat Majmuk

| Teks | Unsur Konteks Budaya | Bangsa | Kekerapan | Bilangan |
|---|---|---|---|---|
| TPA-1 | أَحْمَدُ، عُمَرُ، نَجْوَى | Melayu | 1 | 3 |
| | خين | Cina | 1 | 1 |
| | كوماري | India | 1 | 1 |
| TPA-3 | عَلِيٌّ | Melayu | 3 | 1 |
| | أمِينَةٌ، أَحْمَدُ | Melayu | 2 | 2 |
| | مَاي لِين | Cina | 2 | 1 |
| | رَنجِيتْ | India | 2 | 1 |
| **Jumlah** | | | | **10** |

Penggunaan pengaruh konteks sosiobudaya masyarakat majmuk di Malaysia dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (1), [TPA-1] - Tajuk: هَيَّا نَسْتَعِدْ لِلامْتِحَانِ
"يَجْلِسُ أَحْمَدُ وَكوماري وَخين فِي مُخْتَبَرِ الْمَدْرَسَةِ. وَهُمْ يَتَنَاقَشُونَ عَنِ الدَّرْسِ. جَاءَ إِلَيْهِمْ عُمَرُ وَنَجْوَي فَيَجْرِي الْحِوَارُ بَيْنَهُمْ"

(*BT BAT3, 2010:2*)

Contoh (2), [TPA-3] - Tajuk: التَّعَاوُنُ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ
"فَقَامَ عَلِيٌّ وَأَصْدِقَاؤُهُ مَاي لِين وَرَنجِيتْ وَأَمِينَة وَأَحْمَدُ بِالتَّعَاوُنِ فِي تَنْظِيْفِ الْفَصْلِ وَاعْمَلُوا أَعْمَالَهُمْ بِقُلُوبٍ مَسْرُورَةٍ"

(*BT BAT3, 2010:25*)

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Contoh (3), [TPA-3] - Tajuk: التَّعَاوُنُ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ

"يَكْنِسُ أَحْمَدُ وَمَاي لِينْ دَاخِلَ الْفَصْلِ وَخَارِجِهِ. وَاهْتَمَّ رَنجِيتْ بِتَزْيِينِ الْفَصْلِ وَتَجْمِيلِهِ وَتَرْتِيبِ الْكُتُبِ وَتَنْظِيمِ السَّتَائِرِ وَأَدَوَاتِ التَّدْرِيسِ. وَحَمَلَ عَلِيٌّ الزُّهُورَ وَسَقَاهَا بِالْمَاءِ. وَكَذَلِكَ أَمِينَةٌ حَمَلَتْ الْمَزْبَلَةَ الْمَلِيئَةَ بِالْقُمَامَةِ وَرَمَتْ إِلَى مَكَانِهَا الْخَاصَ"

(*BT BAT3, 2010:25*)

Berdasarkan kepada petikan teks contoh (1) di atas, perkataan [أَحْمَدُ] dalam Bahasa Melayu (BM) "Ahmad" adalah nama orang bangsa Melayu lelaki, perkataan [خين] dalam BM "Chin" adalah nama orang lelaki bangsa Cina, dan perkataan [كوماري] dalam BM "Kumari" adalah nama orang perempuan bangsa India. Manakala perkataan [عُمَرُ] dalam BM "Omar" adalah nama orang bangsa Melayu lelaki, dan perkataan [نَجْوَى] dalam BM "Najwa" adalah nama orang bangsa Melayu perempuan.

Berdasarkan contoh (2) dan (3) pula, perkataan [أَحْمَدُ] dalam BM "Ahmad" dan perkataan [عَلِيٌّ] dalam BM "Ali" adalah nama orang lelaki bangsa Melayu, manakala perkataan [أَمِينَةَ] dalam BM "Aminah" adalah nama orang bangsa Melayu perempuan. Perkataan [مَاي لِين] dalam BM "Mei Lin' adalah nama orang bangsa Cina perempuan, dan perkataan [رَنجِيتْ] dalam BM "Ranjit" adalah nama orang lelaki bangsa India. Nama-nama watak yang terlibat dalam teks pembelajaran ini adalah mewakili setiap bangsa dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada gender lelaki dan perempuan.

Kesemua nama-nama yang dinyatakan di atas adalah unsur konteks sosiobudaya masyarakat majmuk yang terdapat dalam teks pembelajaran bahasa Arab. Nama-nama ini merupakan watak-watak yang mewakili tiga bangsa terbesar dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Penggunaan watak-watak daripada setiap kaum dalam teks pembelajaran menunjukkan unsur budaya majmuk yang diterapkan dalam pembinaan bahan pembelajaran Arab di sekolah. Nama-nama bagi setiap kaum ini melambangkan kewujudan tiga bangsa utama yang terdapat dalam masyarakat majmuk di Malaysia yang digunakan dalam penulisan teks pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

Bangsa Melayu, Cina, dan India merupakan tiga bangsa terbesar yang wujud dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Penglibatan ketiga-tiga bangsa ini sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat tempatan Malaysia yang merangkumi aspek sosial, budaya, dan ekonomi. Justeru, kewujudan bangsa Melayu, Cina, dan India merupakan unsur sosiobudaya masyarakat majmuk yang mempunyai pengaruh terhadap pembinaan teks pembelajaran bahasa Arab yang berasaskan kepada konteks sosiobudaya tempatan.

Penglibatan ketiga-tiga bangsa terbesar dalam masyarakat sebagai watak-watak dalam teks pembelajaran merupakan unsur konteks tempatan yang dikaitkan dengan sosiobudaya dan situasi persekitaran masyarakat Malaysia. Unsur budaya majmuk dapat membantu proses pembelajaran kerana ia dikaitkan dengan sosiobudaya tempatan dalam masyarakat dan menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Perkara ini dibuktikan melalui soal selidik yang dijalankan terhadap 50 respoden yang terdiri daripada guru-guru di sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak (58%) responden menyatakan sangat setuju dan (42%) responden menyatakan setuju bahawa unsur persekitaran dan sosiobudaya tempatan dalam teks bahasa Arab dapat membantu pelajar memahami isi kandungan bahasa Arab.

**Penerapan Unsur Jenis Makanan**

Jenis makanan adalah unsur pengaruh konteks sosiobudaya kedua yang difokuskan dalam kajian ini. Jenis makanan yang diwarisi daripada keturunan dan golongan masyarakat terdahulu merupakan adat dan warisan yang mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Jenis makanan yang dibincangkan adalah merangkumi tiga bangsa terbesar di Malaysia, iaitu Melayu, Cina, dan India yang mempunyai budaya dan jenis makanan yang berbeza. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks sosio budaya bagi jenis makanan dinyatakan pada Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3: Analisis Sosiobudaya Jenis Makanan

| Teks | Unsur Konteks Budaya | Bangsa | Kekerapan | Bilangan |
|---|---|---|---|---|
| TPA-11 | كتوبات، رندغ، ساتي | Melayu | 1 | 3 |
| | كويتياو، مي هَايْلَم، وانْتَن | Cina | 1 | 3 |
| | كاري السَّمَكِ، وَالْغَنَمِ، مروكو | India | 1 | 3 |
| | البَهَارَات وَالتَّوَابِيل | Melayu dan India | 1 | 1 |
| TPA-12 | ناسي داضغ، ناسي كرابو، سمبال، دودول، السُّكَّر البُنِّيّ، فوتري مندي | Melayu | 1 | 6 |
| | المُخَلاَّت، مَسْحُوقُ الأَرُزِّ، جَوزُ الْهِنْدِ | Melayu | 2 | 3 |
| | ناسي أيم | Cina | 1 | 1 |
| | ناسي كندر | India | 1 | 1 |
| | البَهَارَات وَالتَّوَابِيل | Melayu dan India | 1 | 1 |
| | **Jumlah** | | | **22** |

Penggunaan pengaruh konteks sosiobudaya bagi jenis makanan dalam teks pembelajaran bahasa Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (4), [TPA-11] - Tajuk: اَلْمأْكُولاَتُ الشَّعْبِيَّةُ

"المُجْتَمَعُ الْمَلاَيُوِيُّ مَشْهُورٌ بِكَتوبات وَرندغ وَساتي وَغَيْرَهَا، فَنَجِدُهَا فِي الْحَفَلاَتِ الْمُخْتَلِفَةِ"

(*BT BAT3, 2010:111*)

Berdasarkan kepada contoh (4) di atas, merujuk Kamus Dewan (2005) perkataan [كَتوبات] dalam BM "ketupat" (p.779), perkataan [رندغ] dalam BM "rendang" (p.1314), dan perkataan [ساتي] dalam BM "sate" (p.1396), adalah jenis-jenis makanan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai unsur warisan dan budaya tempatan. Ketiga-tiga jenis makanan ini adalah unsur konteks sosiobudaya dalam teks pembelajaran bahasa Arab yang merupakan makanan tradisional, warisan budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Contoh (5), [TPA-11] - Tajuk: اَلْمأْكُولاَتُ الشَّعْبِيَّةُ

"وَأَمَّا الْمُجْتَمَعُ الصِّينِيُّ مَعْرُوفٌ بِكويتياو وَمي هايلم وَوانتن، وَأَمَّا الْهُنُودُ لَهُمْ كاري السَّمَكِ وَالْغَنَمِ وَمروكو"

(*BT BAT3, 2010:111*)

Berdasarkan kepada contoh (5) di atas, merujuk Kamus Dewan (2005) perkataan [كويتياو] dalam BM "kuetiau" (p.841) merupakan sejenis makanan berwarna putih yang lembut dalam bentuk berkeping-keping Perkataan [مي هايلم] dalam BM "mi hailam", pada dasarnya perkataan ini tidak terdapat dalam Kamus Dewan dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), walau bagaimanapun ia sudah menjadi penggunaan yang biasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Makanan ini adalah merujuk kepada sejenis

makanan yang popular dalam kalangan masyarakat Cina yang dimasak dengan menggunakan bahan daripada sejenis mi. Begitu juga dengan perkataan [وانتن] dalam BM "wantan" merupakan sejenis makanan kaum cina yang dimasak dengan menggunakan bahan daripada sejenis mi. Walaupun perkataan "Mi Wantan" tidak terdapat dalam Kamus Dewan dan PRPM, tetapi ia sudah menjadi kebiasaan dan digunakan dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Kesemua perkataan ini adalah merujuk kepada makanan tradisional yang terdapat dalam kalangan masyarakat Cina dan merupakan unsur sosiobudaya kaum Cina yang diwarisi daripada masyarakat terdahulu.

Contoh (6), [TPA-11] - Tajuk: اَلْمأْكُولاَتُ الشَّعْبِيَّةُ

"تَتَمَيَّزُ الأَطْعِمَةُ الْمَلاَيُوِيَّةُ وَالْهِنْدِيَّةُ بِكَثْرَةِ الْبَهَارَاتِ وَالتَّوَابِلِ فِي إِعْدَادِهَا. وَأَمَّا الأَطْعِمَةُ الصِّينِيَّةُ فَلَهَا طُرُقٌ خَاصَّةٌ فِي الطَّبخِ مِنْهَا الْمَشْوِيَّةُ وَالْبُخَارِيَّةُ"

( *BT BAT3, 2010:111*)

Berdasarkan kepada contoh (6) di atas, perkataan [الْبَهَارَات وَالتَّوَابِل] dalam BM "rempah ratus" merupakan bahan yang digunakan dalam masakan tradisional masyarakat Melayu dan India. Kaedah masakan masyarakat Melayu dan India mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, iaitu melalui penggunaan rempah ratus sebagai bahan yang dimasukkan dalam masakan. Penggunaan rempah ratus dalam masakan merupakan warisan dan budaya masyarakat Melayu dan India yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Penggunaan rempah ratus dalam masakan Melayu dan India sememangnya sudah terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini.

Manakala perkataan [الْمِشْوِيَّةِ] dalam BM "panggang" (p.1129), dan perkataan [الْبُخَارِيَّةِ] dalam BM "kukus" (p.843), adalah kaedah dan teknik masakan masyarakat Cina di Malaysia. Penggunaan kaedah masakan ini merupakan unsur budaya dan tradisional masyarakat Cina yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, penggunaan rempah ratus dalam kalangan masyarakat Melayu dan India serta teknik masakan secara panggang dan kukus oleh kaum Cina adalah perkara biasa dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat tempatan Malaysia. Justeru, penggunaan unsur budaya yang terdiri daripada jenis makanan dan masakan dalam teks pembelajaran wacana Arab mampu memberi kefahaman kepada pelajar.

Contoh (7), [TPA-12] - Tajuk: مَا أَلَذَّ طَعَامَنَا

"نَاسي داضغ مِنَ الأَطْعِمَةِ الْمَلاَيُوِيّةِ الْمَشْهُورَةِ وَيَحْتَوِي عَلَى الأَرُزِّ وَيُقَدِّمُ مَعَ كاري السَّمَكِ وَالْمُخَلَّلاَتِ"

(*BT BAT3, 2010:117*)

Berdasarkan kepada contoh (7) di atas, perkataan [ناسي داضغ] dalam BM "nasi dagang" (p.1070), iaitu nasi yang ditanak daripada beras lembut. Nasi dagang adalah sejenis makanan yang masyhur dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia terutama di negeri Terengganu dan Kelantan. Perkataan [كاري] dalam BM "kari" (p.678) ialah daging atau ikan yang dimasak dengan rempah. Kari adalah sejenis masakan yang merupakan lauk biasanya dihidangkan bersama dengan nasi dagang. Manakala perkataan [الْمُخَلَّلاَتِ] dalam BM "acar" (p.4) ialah sejenis makanan yang dibuat daripada buah-buahan atau sayur-sayuran dan diasamkan dengan cuka. Acar merupakan sejenis makanan Melayu tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan dan Terengganu. Begitu juga dalam konteks masyarakat Malaysia, makanan ini juga sudah menjadi popular dan terkenal bukan sahaja di negeri Kelantan dan Terengganu bahkan ia sudah berkembang di seluruh tanah air.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Contoh (8), [TPA-12] - Tajuk: مَا أَلَذَّ طَعَامَنَا

"ناسي كندر مِنَ الأَطْعِمَةِ الْهِنْدِيَّةِ يَتَمَيَّزُ بِخَلِيطِ مِنَ الْبَهَارَاتِ وَالتَّوَابِيلِ"

(*BT BAT3, 2010:117*)

Merujuk kepada contoh (8) di atas, perkataan [ناسي كندر] dalam BM "nasi kandar" (PRPM) ialah nasi yang dicampurkan sekali dengan lauk-lauknya dalam satu pinggan dan merupakan sejenis makanan tradisional masyarakat India. Namun, pada hari ini nasi kandar bukan sahaja terkenal dalam kalangan masyarakat India, malah kaum Melayu, Cina, dan bangsa lain juga turut gemar makan hidangan nasi kandar. Manakala perkataan [الْبَهَارَاتُ وَالتَّوَابِيلُ] dalam BM "rempah ratus" (p.1310) ialah bahan perisa makanan yang terdiri daripada kulit kayu manis, cengkih, buah pelaga, dan jintan manis. Rempah merupakan bahan-bahan perisa yang biasanya digunakan dalam masakan kaum India. Penggunaan rempah ratus dalam masakan nasi kandar adalah warisan budaya bagi masyarakat India dan merupakan ciri-ciri tersendiri yang ada dalam masakan kaum India. Ciri-ciri masakan kaum India ini sememangnya sudah terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia dan ia bukanlah satu perkara yang asing.

Contoh (9), [TPA-12] - Tajuk: مَا أَلَذَّ طَعَامَنَا

"دودول يُصْنَعُ مِنَ الدَّقِيْقِ وَمَسْحُوقَ الأَرُزِّ وَحَلِيبِ جَوزِ الْهِنْدِ وَالسُّكَّرِ الْبُنِّيِّ"

(*BT BAT3, 2010:117*)

Berdasarkan petikan teks dalam contoh (9) di atas pula, perkataan [دودول] dalam BM "dodol" (p.359), adalah sejenis kuih tradisional dalam masyarakat Melayu. Manakala Perkataan [مَسْحُوقُ اْلأَرُزِّ] dalam BM "tepung beras" (p.1662), perkataan [حَلِيبُ جَوزِ الْهِنْدِ] dalam BM bermakna "santan kelapa" (p.1389), dan perkataan [السُّكَّرُ الْبُنِّيُّ] dalam BM bermakna "gula merah" (p.487), adalah bahan-bahan yang digunakan dalam menyediakan kuih dodol. Kuih dodol dan bahan-bahan seperti tepung beras, santan kelapa, dan gula merah yang digunakan bagi penyediaannya merupakan bahan asli atau tradisional yang sememangnya terdapat di Malaysia dan digunakana sebagai bahan masakan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Penggunaan makanan tradisional masyarakat Melayu, Cina, dan India serta kaedah masakan dalam teks pembelajaran Arab mempunyai unsur-unsur pengalaman, pengetahuan serta maklumat sedia ada pelajar kerana dikaitkan dengan situasi kehidupan pelajar. Dalam kaedah pembelajaran bahasa kedua, maklumat sedia ada dan persekitaran pelajar adalah penting kerana ia dapat membantu pelajar menguasai kemahiran dan kefahaman dalam pembelajaran. Justeru, menurut Ahmad Fikri Husin (1993:15), beliau menjelaskan bahawa antara teknik dan cara menangani persoalan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar ialah dengan cara menarik perhatian terhadap topik-topik yang ada di sekeliling dan sekitar bilik darjah.

**Penerapan Unsur Perayaan**

Sambutan perayaan adalah unsur pengaruh konteks sosiobudaya ketiga yang difokuskan dalam kajian ini. Perayaan merupakan salah satu daripada unsur yang melambangkan budaya, adat, dan warisan bagi sesebuah masyarakat. Jenis perayaan yang dibincangkan merangkumi tiga kaum, iaitu Melayu, Cina, dan India yang mempunyai budaya dan adat yang berbeza. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks sosiobudaya bagi kategori sambutan perayaan dalam teks pembelajaran bahasa Arab dinyatakan pada Jadual 4 yang berikut:

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Jadual 4: Analisis Sosiobudaya Unsur Perayaan

| Teks | Unsur Konteks Budaya | Bangsa | Kekerapan | Bilangan |
|---|---|---|---|---|
| TPA-4 | عِيدُ الْفِطْرِ | Melayu | 1 | 1 |
| TPA-15 | يَوْمُ الْجَيْشِ | Melayu, Cina, India | 1 | 1 |
| **Jumlah** | | | | **2** |

Penggunaan pengaruh konteks budaya bagi sambutan perayaan dalam teks pembelajaran wacana Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (10), [TPA-4] - Tajuk: اَلِاسْتِعْدَادُ لِعِيدِ الفِطْرِ الْمُبَارَكِ
"أُنَظِّفُ بَيْتَنَا لِاسْتِقْبَالِ عِيدِ الْفِطْرِ بَعْدَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ"
(*BT BAT3, 2010:31*)

Berdasarkan kepada contoh (10) di atas, menurut Kamus Dewan (2005) perkataan [عِيْدِ الْفِطْرِ] dalam BM "Aidilfitri" (p.17), ialah sambutan perayaan yang diraikan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Di samping itu, Hari Raya Aidilfitri juga turut diraikan oleh kaum  Cina, India, dan kaum lain yang menganut agama Islam. Dalam konteks budaya dan tradisi warisan di Malaysia, hari Raya Aidilfitri sudah sinonim dengan masyarakat Melayu. Sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah sambutan perayaan terbesar dalam budaya masyarakat Malaysia dan kaum Melayu adalah golongan terbesar yang menyambut dan merayakan Aidilfitri. Hakikat ini kerana bangsa Melayu adalah kaum bumiputera yang terbesar bilangannya dan merupakan penduduk asal negara Malaysia. Sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah salah satu daripada unsur konteks sosiobudaya daripada kategori sambutan perayaan yang diterapkan dalam teks pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Perayaan ini merupakan unsur konteks sosiobudaya dan warisan Melayu yang terdapat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Justeru, sambutan perayaan ini bukanlah perkara asing kepada masyarakat Malaysia kerana ia disambut pada setiap tahun dalam suasana yang penuh meriah.

Contoh (11), [TPA-15] - Tajuk: الِاحْتِفَالِ بِيَوْمِ الْجَيْشِ
"وَهَذَا بِمُنَاسَبَةِ الِاحْتِفَالِ بِيَوْمِ الْجَيْشِ عَلَى الْمُسْتَوَى الْوَطَنِيِّ"
(*BT BAT3, 2010:152*)

Berdasarkan kepada contoh (11) di atas, perkataan [يَوْمُ الْجَيْشِ] dalam BM "Hari Pahlawan" adalah sambutan perayaan yang diraikan oleh seluruh masyarakat Malaysia samada Melayu, Cina, dan India sempena memperingati sejarah perjuangan perajurit Malaysia yang mempertahankan tanahair daripada ancaman musuh-musuh negara dan memperjuangkan kemerdekaan Malaysia. Oleh itu, sebagai tanda memperingati perjuangan para tentera dan pejuang tanah air, maka negara Malaysia telah mengisytiharkan bahawa sambutan "Hari Pahlawan" disambut dan diraikan oleh seluruh rakyat Malaysia di peringkat kebangsaan. Sambutan perayaan ini merupakan unsur sosiobudaya tempatan yang terdapat di Malaysia. Penggunaan unsur ini dalam teks pembelajaran bahasa Arab di sekolah adalah sesuai kerana para pelajar sudah biasa dengan peristiwa ini dan mereka juga sentiasa dimaklumkan oleh guru-guru dengan sambutan perayaan ini.  Di samping itu, media massa seperti; televisyen, radio, dan akhbar turut mengadakan hebahan berkenaan sambutan perayaan "Hari Pahlawan" di Malaysia.

Konteks sosiobudaya merupakan unsur pengaruh konteks tempatan yang dibincangkan dalam penyelidikan ini. Namun begitu, unsur pengaruh sosiobudaya

tempatan yang terdiri daripada unsur budaya masyarakat majmuk, jenis makanan, dan sambutan perayaan masih kecil jumlahnya diterapkan dalam teks pembelajaran bahasa sebagai bahan pembelajaran yang boleh merangsang minat dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa Asing, penggunaan unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan dalam bahan pembelajaran yang merangkumi konteks budaya perlu diperluaskan. Perkara ini telah terbukti melalui kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Zuhir Abd Rahman dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2014), mengatakan bahawa budaya tempatan mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran bahasa Arab di sekolah dan berperanan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran dari aspek kefahaman, penguasaan makna dan penggunaan kosa kata serta menghidupkan pengalaman sedia ada pelajar melalui budaya tempatan. Hal ini demikian kerana, situasi dan keadaan persekitaran yang dikaitkan dengan maklumat sedia ada serta pengalaman pelajar dapat mewujudkan proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan pandangan 'Arif Karkhiy (1996:34) yang menjelaskan bahawa suasana atau persekitaran bahasa yang sesuai dan hampir sama dengan suasana orang Arab mempelajari bahasa ibunda mereka mampu menjadikan pelajar sebagai pusat orentasi pembelajaran bahasa.

## KESIMPULAN

Antara pendekatan dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang boleh dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kemahiran dan penguasaan pelajar ialah pendekatan yang berasaskan kepada konteks situasi, budaya serta suasana persekitaran pembelajaran pelajar yang berlatarkan budaya tempatan. Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh 'Arif Karkhiy (1996:15), bahawa pembelajaran bahasa Arab mestilah berdasarkan kepada budaya Arab dan Islam yang merujuk kepada budaya tempatan. Hal ini kerana, kefahaman sebenar terhadap sesuatu bahasa yang dihasilkan tidak akan dapat dicapai tanpa pengetahuan yang merangkumi kebudayaan masyarakat setempat, memahami kehidupan serta sosiobudaya sesebuah masyarakat. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu melalui anjakan paradigma dengan menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengaitkan unsur sosiobudaya tempatan. Budaya tempatan yang sememangnya wujud dan sebati dalam diri pelajar dapat membantu dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini perlu bagi memastikan prestasi dan penguasaan bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang memuaskan.

Oleh yang demikian, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu melihat kepada pendekatan dan teknik pembelajaran yang mengambil kira unsur budaya dan sosial yang terdapat dalam lingkungan persekitaran pembelajaran dan kehidupan pelajar. Hal ini demikian kerana aspek budaya mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang dikaitkan dengan konteks situasi tempatan. Justeru, para guru, pelajar, penulis serta Kementerian Pelajaran perlu mengambil kira faktor ini dalam menggubal kurikulum dan bahan pengajaran dan pembelajaran utama kepada pelajar dan guru untuk digunakan di sekolah.

## RUJUKAN


Abu Khudyri, 'Arif Karkhiy. (1996). Majalah Pengajian Arab, Bil. 5, Tahun 6. *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab untuk Orang-orang Bukan Arab* (hlm. 8-27). Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Fikri bin Hj. Husin. (1993). Al-Ta'bir Shafawi wa Ahamiyatuhu Lidarisiy al-Lughati Al-'Arabiyyah. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 3, hlm. 82-89. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmah Haji Omar (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan.* Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan,Pengajaran dan Pemupukan Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brown, G. dan Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Kempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Goh Sang Seong. (2012). Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, volume 12 (1). (hlm.183-199).

Halliday, M.A.K. (1978). *Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning.* Eighth Impression 1993. New York: Routledge, Chapman, and Hall, Inc.

Halliday, M.A.K. dan Ruqaiya Hassan. (1976). *Cohesion in English.* London: Longman.

Halliday, M.A.K. & Hasan, Ruqaiya (1985). *Language, Context, and Text*: *Aspects of Language in Social- Semiotic Perspective*. Hong Kong: Oxford University Press.

Hasan, Tamam. (1986b). *Al-Lughat al-Arabiyyah: Ma`naha wa Mabnaha*. Kaherah: *Al-Hayat al-Misriyyat al-Ammat li al-Kitab.*

Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, volume 12 (1). (hlm.164-182).

Hymes, D. (1972). Models of The Interaction of Language and Social and Social Life, in J.J. Gumperz and D. Hymes (eds), *Directions in Sociolingustics: The Ethnography of Communication*. (hlm. 35-71). New York: Holt, Rinehart & Winston.

Irma Martini Mad Yasin dan rakan (2010). *Al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Sanah al-Thalithah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Jasem, Ali Jasem. (1996). Majalah Pengajian Arab, Bil. 5, Tahun 6. *Kaedah Pengajaran Tatabahasa untuk Penutur Bukan Arab (*hlm. 52-60). Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kramsch, Claire. (1993). *Context and culture in Language Teaching.* London: Oxford University Press.

McCarthy, M. dan Carter, R. (1993). *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching..* London: Longman.

Mohd Azidan Abdul Jabar. (2011). *Analisis Wacana Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Rushdan Azizan. (2012). *Manifestasi Perjuangan Dalam Pidato* Yasser Arafat *Dari Sudut Analisis Wacana Kritis*. Disertasi Doktor Falsafah Universiti Putra Malaysia. Serdang.

Mohd Zuhir Abd Rahman dan Mohd Azidan Abdul Jabar. (2014). *Pengaruh Budaya Tempatan dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah*. Elsevier: Procedia-Social and Behavioral Sciences. (hlm: 373-381).

Muhd Sukki Othman, Mohd Alif Redzuan Abdullah, Zawawi Ismail, dan Sanimah Hussin. (2005). Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi. *Budaya dalam Pendidikan Bahasa Arab dan Bahasa Jepun* (hlm. 83-94). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying, Syarifah Fakhriah Syed Ahmad, dan Zuraidah A. Majid (2011). *Budaya dan Pembelajaran*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Tarigan, H.G. (1993). *Pengajaran Wacana*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.

Ta'imah, Rusydi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-A'rabiyyah li Ghair al-Natiqin Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu.* Rabat: Al-Munazamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah (ISESCO).

Tengku Silvana Sinar. (2008). *Teori dan Analisis Wacana: Pendekatan Sistemik - Funsional*. Medan: Pustaka Bangsa Press.

Thonthowi. (2007). Bi'ah 'Arabiyyah dan Pemerolehan Bahasa. *LiNGUA Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastera*, volume 1, no. 1 (42).

Wan Muhammad Wan Sulong dan Ab. Halim Mohamad. (2005). *Cerita Melayu Tradisi dalam Pendidikan Bahasa Arab*. Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi (pp. 67-82). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Zaharani Ahmad, Maizura Osman, dan Hashimah Jalaluddin. (2011). Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa, Bil. 1*. (hlm. 109-130).

Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu Di Malaysia.* Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.

Zhang, Y. dan Wildemuth, B.M. (2009). Qualitative Analysis of Content. *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*. (hlm. 308-319).Westport: Libraries Unlimited.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Dr. Mohd Zuhir Abd Rahman**
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai
Negeri Sembilan.
mdzuhir70@gmail.com

**Dr. Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad**
Pensyarah Kanan
Jabatan Inovasi, Pengajaran dan Pembelajaran
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
munaruzanna@ukm.edu.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# PERSEPSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

**Bani Hidayat Mohd Shafie**
IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi
**Nor Hayati Fatmi Talib**
Politeknik Banting Selangor

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pengajaran dan pembelajaran guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian ini memfokuskan empat aspek iaitu tahap penggunaan strategi pengajaran, bahan bantu mengajar (BBM), kaedah pengajaran, profesionalisme guru KAFA. Kajian ini telah melibatkan 93 orang guru KAFA secara rawak dari sekolah KAFA di tiga negeri di Semenanjung Malaysia iaitu WP KL dan Putrajaya, Selangor dan Perak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa min bagi keempat-empat aspek adalah sederhana iaitu: strategi: (min=3.08), BBM: (min=2.44), kaedah pengajaran: (min=3.00), dan profesionalisme: (min=2.84). Implikasi kajian ialah amalan dan profesionalisme guru KAFA perlu dipertingkatkan lagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sekaligus mampu menjadi memartabatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam guru KAFA di Malaysia.

**Kunci Kata:** Pendidikan Islam, KAFA, Kaedah, Guru, Pendidik, Pengajaran dan Pembelajaran

## PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merupakan antara mata pelajaran yang dipelajari oleh setiap pelajar peringkat rendah dan menengah di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga diperkukuhkan lagi melalui Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mata pelajaran ini merupakan kesinambungan pengajian berkaitan fardu ain seseorang individu Muslim. Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah sistem pendidikan kebangsaan sedia ada. Penekanan ditumpukan kepada pendidikan agama secara latihan amali dan kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid disamping memberi kemahiran dalam menulis dan membaca jawi. Ia ditujukan bagi kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 12 tahun atau murid darjah 1 hingga 6 di sekolah kebangsaan. Ia dilaksanakan secara seragam di seluruh negara oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri yang diselaraskas oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang mula dilaksanakan pada tahun 1990 di seluruh negara. Ini bermakna KAFA telah berjalan selama dua puluh lima (25) tahun bermula dari awal penubuhannya. Garis Panduan kelas KAFA 2011 digubal sebagai rujukan dan panduan kepada perlaksanaan KAFA diperingkat persekutuan dan negeri-negeri.

Kelas KAFA memperuntukkan masa minimanya selama 360 minit seminggu berbanding dengan masa 240 minit seminggu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

sekolah rendah KSSR. Ia dilaksanakan dipelbagai tempat seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, masjid, surau, dewan orang ramai/balai raya, rumah persendirian dan bangunan KAFA sendiri. Pada tahun 2014, terdapat 5771 premis yang beroperasi sebagai kelas KAFA. Dari segi masa pengajaran dan pembelajaran kelas KAFA terdapat perbezaan antara negeri-negeri. Negeri Kelantan melaksanakan kelas KAFA untuk tahun dua hingga lima sahaja manakala Kedah dan Pahang melaksanakan kelas KAFA untuk tahun satu hingga tahun lima sahaja. Lain-lain negeri melaksanakan KAFA untuk tahun satu hingga tahun enam. Mengikut perkara 54 (1) Garis Panduan Kelas al-Quran dan Fardu Ain KAFA, waktu minima pengajaran dan pembelajaran KAFA ialah tiga puluh enam jam dengan tiga hari persekolahan. Walaubagaimanapun dari segi pelaksanaan, hari persekolahan KAFA berbeza mengikut negeri di mana terdapat negeri yang melaksanakan KAFA selama tiga hari dan sebahagian lagi melaksanakan lima hari seminggu. (JAKIM, 2014)

## PERMASALAHAN KAJIAN

Falsafah Pengajian kelas KAFA adalah satu usaha untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah memperkembangan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak al-Quran dan As Sunnah. Manakala Matlamat kelas KAFA pula adalah untuk membantu memperkukuhkan lagi asas-asas pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam yang diajar di Sekolah rendah Kebangsaan. Ini selaras dengan matlamat Kurikulum Pendidikan Islam KPM di antara matlamatnya ialah untuk mengaitkan antara teori dan praktis dimana pelajar bukan sahaja perlu berketerampilan dalam bidang akademik tetapi juga dalam amalan dan penghayatannya di sekolah. Ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang mahu melahirkan insan yang kamil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia 2005).

Keberkesanan P&P pengajian kelas KAFA masih di tahap minima dan masih belum menepati hasrat matlamat untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di bawah KPM mahupun KAFA dibawah JAKIM di Malaysia.(Mohamad Fazli 2000,Nidzamuddin 2004, Nazlin 2012). Namun apa yang berlaku di sekolah sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian yang berterusan sejak tahun 1994 sehingga 2015 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap P&P dalam kalangan guru KAFA dan pelajar masih boleh dipersoalkan terutamanya daripada aspek pelaksanaan strategi, bahan bantu mengajar (BBM), kaedah pengajaran, dan profesionalisme, Justeru, kajian ini akan mengenalpasti penilaian P&P Pendidikan Islam Guru KAFA di Malaysia.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam strategi pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam .
2. Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah
4. Mengenalpasti tahap profesionalisme guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran.

## PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimananakah tahap guru KAFA dalam strategi pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?
2. Bagaimanakah tahap guru KAFA dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran?
3. Bagaimanakah tahap guru KAFA dalam penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah?
4. Sejauh manakah tahap profesionalisme guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran?

## METODOLOGI

### Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan pentadbiran soal selidik kepada guru KAFA. Mohd. Majid (2000) berpendapat bahawa kelebihan utama menggunakan soal selidik ini ialah mudah ditadbir, mudah memperoleh kerjasama responden dan soalan-soalan yang dikemukakan serta cadangan-cadangan jawapan yang diberi memudahkan subjek menjawab dengan tepat dan cepat. (Wiersma 2000)

### Instrumentasi

Data yang dikutip merupakan data kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji. Instrumen ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian profil responden disusuli dengan bahagian iaitu strategi pengajaran, bahan bantu mengajar (BBM, kaedah dan profesionalisme. Item-item berkenaan merupakan pernyataan dengan skala Likert 5 point ialah Tidak Pernah (TP) dengan skor 1 mata, sekali-sekala (SS) dengan skor 2 mata, Kerap (K) dengan skor mata 3, Amat kerap (AK) dengan skor mata 4 dan selalu (S) skor 5 mata digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan analisis kekerapan, peratusan dan min. Nilai alfa Cronbach yang diperoleh bagi pelbagai bahagian dalam soal selidik guru KAFA adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1:

Jadual 1: Tahap

kebolehpercayaan instrumen kajian.

| Bahagian-bahagian | Cronbach's Alpha | Bil. Item |
|---|---|---|
| 1. Strategi pengajaran | 0.903 | 22 |
| 2. Bahan Bantu mengajar | 0.810 | 15 |
| 3. Kaedah | 0.904 | 19 |
| 4. Profesionalisme | 0.897 | 21 |

### Prosedur Pengumpulan Data

Data soal selidik dikutip pada penghujung Kursus Guru KAFA anjuran JAKIM dengan kerjasama IPG Kampus Pendidikan Islam,Bangi yang telah diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) JAKIM di Bangi pada cuti pertengahan penggal bulan Mac 2016 selama 4 hari. Pengkaji turut menerangkan tujuan serta kepentingan penilaian Program

KAFA tersebut serta kepentingan mereka memberi jawapan yang jujur kepada item dalam soal selidik. Guru KAFA diberi masa yang mencukupi untuk menjawap soal selidik. Kemudian pengkaji mengutip semula soal selidik yang telah dilengkapkan.

**Responden**

Jadual 1.1 Bilangan responden guru KAFA mengikut negeri

| Zon | N | % |
|---|---|---|
| WP KL/Putrajaya | 37 | 39.8 |
| Selangor | 30 | 32.3 |
| Perak | 26 | 28.0 |
| Jumlah | 93 | 100 |

Kajian ini melibatkan seramai 93 orang Guru KAFA yang mewakili 3 negeri di Malaysia Barat iaitu WP KL dan Putrajaya, Selangor dan Perak. Guru KAFA yang mewakili WP KL dan Putra jaya adalah seramai 37 orang (39.8%), Selangor seramai 30 orang (32.3%) dan Perak seramai 26 orang (28.0%).

Jadual 1.2 Bilangan responden guru KAFA mengikut jantina

| Jantina | N | % |
|---|---|---|
| Lelaki | 32 | 34.4 |
| Perempuan | 61 | 65.6 |
| Jumlah | 93 | 100 |

Latar belakang responden kajian berdasarkan jantina, Jadual 1.2 menunjukkan seramai 32 orang (34.4%) responden kajian daripada guru KAFA lelaki dan seramai 61 orang (65.6%) daripada murid perempuan. Jadual ini menunjukkan bahawa guru KAFA perempuan lebih ramai terlibat di dalam kajian ini berbanding dengan guru KAFA lelaki.

Jadual 1.3 Bilangan responden guru KAFA mengikut kelulusan ikhtisas

| Kelulusan Akademik | N | % |
|---|---|---|
| Sarjana Muda | 3 | 3.2 |
| Diploma | 26 | 28.0 |
| STPM | 13 | 14.0 |
| STAM | 13 | 14.0 |
| SPM | 38 | 40.8 |
| Jumlah | 93 | 100 |

Daripada segi latar belakang akademik guru KAFA , Jadual 1.3 menunjukkan seramai 3 orang (3.2%) guru berkelulusan Sarjana Muda, 26 orang (28.0%) berkelulusan Diploma, 13 orang (14.0%) berlelulusan STPM begiru juga 13 orang (14.0%) berkelulusan STAM. dan 38 orang (40.8%) berkelulusan SPM. Jadual ini menunjukkan bahawa guru berkelulusan SPM paling ramai terlibat dalam kajian ini

Jadual 1.4 Bilangan responden guru mengikut pengalaman mengajar

| Pengalaman Mengajar | N | % |
|---|---|---|
| 1 hingga 3 tahun | 20 | 21.5 |
| 4 hingga 6 tahun | 26 | 28.0 |
| 7 tahun ke atas | 47 | 50.5 |
| Jumlah | 93 | 100 |

**Penganalisisan data**

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Nunally (1976) dan diguna pakai oleh Azhar (2006) seperti jadual 2 berikut :

Jadual 1.4 : Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

| Skor Min | Interpretasi |
|---|---|
| 1.00 – 2.00 | Rendah |
| 2.01 – 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 – 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tinggi |

Sumber : Nunally (1976)

Skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah Tidak Pernah (TP) dengan skor 1 mata, sekali-sekala (SS) dengan skor 2 mata, Kerap (K) dengan skor mata 3, Amat kerap (AK) dengan skor mata 4 dan selalu (S) skor 5 mata digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan analisis kekerapan, peratusan dan min.

# DAPATAN KAJIAN

## 2. STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenalpasti strategi Pengajaran Guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 2.1 Taburan skor min dan sisihan piawai bagi kekerapan guru KAFA dalam strategi P&P PI.

| Bil. | Item | Kekerapan (N=93) | | | | | Min | SP | Tahap |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TP 1 | JS 2 | KK 3 | K 4 | SK 5 | | | |
| B14 | menjawab soalan-soalan berkaitan dengan isi pelajaran yang akan diajar | 0 | 8 | 33 | 30 | 22 | 3.70 | 0.927 | Sederhana Tinggi |
| B11 | Membaca isi pelajaran yang akan diajar | 0 | 11 | 34 | 29 | 19 | 3.60 | 0.945 | Sederhana Tinggi |
| B21 | Memperbanyakkan contoh-contoh dalam pengajaran | 0 | 10 | 41 | 21 | 21 | 3.56 | 0.960 | Sederhana Tinggi |
| B1 | Merujuk buku teks Pendidikan Islam | 5 | 13 | 30 | 17 | 28 | 3.53 | 1.211 | Sederhana Tinggi |
| B7 | Merujuk kepada soalan peperiksaan yang lepas | 3 | 12 | 29 | 30 | 19 | 3.53 | 1.058 | Sederhana Tinggi |
| B22 | Menimbulkan soalan untuk menggalakkan pelajar berfikir | 2 | 13 | 34 | 24 | 20 | 3.50 | 1.049 | Sederhana Tinggi |
| B10 | Mengadakan langkah-langkah supaya pelajar-pelajar dapat memahami pelajarannya | 0 | 13 | 41 | 25 | 14 | 3.43 | 0.913 | Sederhana Tinggi |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B13 | Menulis isi pelajaran yang mereka baca | 5 | 13 | 37 | 20 | 18 | 3.35 | 1.109 | Sederhana Tinggi |
| B2 | Merujuk buku-buku ulangkaji selain daripada buku teks | 1 | 12 | 51 | 14 | 15 | 3.32 | 0.934 | Sederhana Tinggi |
| B12 | Menulis ringkasan isi pelajaran yang mereka baca | 3 | 21 | 31 | 23 | 15 | 3.27 | 1.087 | Sederhana Tinggi |
| B19 | Mempelbagaikan cara mengajar sesuai dengan isi kandungan dan keadaan pelajar | 3 | 14 | 44 | 22 | 10 | 3.23 | 0.948 | Sederhana Tinggi |
| B18 | Mengaitkan pelajaran dengan pengalaman pelajar | 1 | 21 | 45 | 16 | 10 | 3.13 | 0.927 | Sederhana Tinggi |
| B9 | Berbincang dengan guru-guru lain untuk memperbaiki kaedah penyampaian isi kandungan pelajaran | 3 | 31 | 30 | 13 | 16 | 3.08 | 1.138 | Sederhana Tinggi |
| B4 | Menggunakan lembaran kerja | 6 | 30 | 30 | 14 | 13 | 2.97 | 1.141 | Sederhana Rendah |
| B20 | Mengubahsuai isi kandungan buku teks supaya sesuai dengan kebolehan pelajar Melibatkan pelajar –pelajar dalam aktiviti pelajaran | 7 | 28 | 31 | 17 | 10 | 2.94 | 1.106 | Sederhana Rendah |
| B5 | Merujuk buku-buku kaedah pengajaran | 7 | 27 | 35 | 19 | 5 | 2.87 | 1.002 | Sederhana Rendah |
| B8 | Berbincang dengan guru-guru Pendidikan Islam yang lain untuk menyelaras isi kandungan pelajaran | 7 | 29 | 35 | 14 | 8 | 2.86 | 1.048 | Sederhana Rendah |
| B3 | Merujuk kitab-kitab | 8 | 35 | 31 | 11 | 8 | 2.74 | 1.062 | Sederhana Rendah |
| B17 | Mengadakan pengajaran secara simulasi atau main peranan | 4 | 34 | 41 | 11 | 3 | 2.73 | 0.848 | Sederhana Rendah |
| B6 | Merujuk surat khabar/majalah | 17 | 41 | 24 | 7 | 4 | 2.35 | 1.006 | Sederhana Rendah |
| B15 | Mengadakan pengajaran di luar bilik darjah | 19 | 49 | 19 | 5 | 1 | 2.13 | 0.841 | Sederhana Rendah |
| B16 | Mengadakan aktiviti projek di luar kelas | 25 | 51 | 14 | 3 | 0 | 1.94 | 0.742 | Rendah |
| | Min Keseluruhan | | | | | | 3.08 | 0.578 | Sederhana Tinggi |

Dapatan daripada jadual 2.1 di atas menunjukkan skor min tertinggi bagi strategi pengajaran Guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah adalah skor min 3.70 bagi item B14 iaitu menjawab soalan-soalan berkaitan dengan isi pelajaran yang akan diajar dan skor min terendah adalah 1.94 bagi item B16 iaitu mengadakan aktiviti projek di luar kelas. Secara keseluruhannya bagi strategi Pengajaran Guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah skor min berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min 3.08.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

## 3 . BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM)

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian kedua iaitu penilaian guru KAFA terhadap kekerapan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran

Jadual 3.1 Taburan skor min dan sisihan piawai bagi kekerapan guru KAFA dalam penggunaan BBM.

| Bil. | Item | Kekerapan (N=93) TP 1 | JS 2 | KK 3 | K 4 | SK 5 | Min | SP | Tahap |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B36 | Papan : hitam /hijau/putih | 2 | 6 | 22 | 12 | 51 | 4.11 | 1.111 | Tinggi |
| B34 | Buku teks | 1 | 7 | 34 | 14 | 37 | 3.84 | 1.072 | Sederhana Tinggi |
| B33 | Lembaran kerja | 4 | 20 | 28 | 18 | 23 | 3.38 | 1.198 | Sederhana Tinggi |
| B32 | Manila kad | 11 | 21 | 26 | 20 | 15 | 3.07 | 1.253 | Sederhana Tinggi |
| B35 | Kitab-kitab | 8 | 26 | 30 | 14 | 15 | 3.02 | 1.197 | Sederhana Tinggi |
| B27 | Carta/Peta/Poster | 13 | 32 | 25 | 15 | 8 | 2.70 | 1.157 | Sederhana Rendah |
| B37 | Kertas mahjong | 19 | 31 | 24 | 10 | 9 | 2.55 | 1.211 | Sederhana Rendah |
| B28 | Model | 25 | 46 | 12 | 8 | 2 | 2.09 | 0.967 | Sederhana Rendah |
| B31 | VCD /CD | 43 | 25 | 17 | 7 | 1 | 1.90 | 1.022 | Rendah |
| B30 | Radio-kaset | 39 | 41 | 11 | 2 | 0 | 1.74 | 0.750 | Rendah |
| B24 | Video | 45 | 36 | 11 | 3 | 0 | 1.72 | 0.851 | Rendah |
| B25 | Klip video | 43 | 36 | 11 | 3 | 0 | 1.72 | 0.798 | Rendah |
| B26 | Youtube | 51 | 25 | 11 | 5 | 1 | 1.70 | 0.950 | Rendah |
| B29 | Slaid | 54 | 29 | 6 | 3 | 1 | 1.58 | 0.838 | Rendah |
| B23 | Power Point (komputer) | 59 | 25 | 7 | 1 | 1 | 1.49 | 0.774 | Rendah |
| | Min Keseluruhan | | | | | | 2.44 | 0.535 | Sederhana Rendah |

Dapatan daripada jadual 3.1 menunjukkan skor min tertinggi bagi penilaian guru KAFA terhadap kekerapan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran ialah adalah skor min 4.11 bagi item B36 iaitu Papan : hitam /hijau/putih dan skor min terendah adalah 1.49 bagi item B23 iaitu Power Point (komputer). Secara keseluruhannya bagi penilaian guru KAFA terhadap kekerapan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran adalah skor min berada pada tahap sederhana rendah iaitu min 2.44.

## 4. KAEDAH PENGAJARAN

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian ketiga iaitu penilaian guru KAFA terhadap kekerapan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Jadual 4.1 Taburan skor min dan sisihan piawai bagi kekerapan guru KAFA dalam penggunaan kaedah pengajaran

| Bil. | Item | Kekerapan (N=93) TP 1 | JS 2 | KK 3 | K 4 | SK 5 | Min | SP | Tahap |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B55 | Soal jawab | 1 | 8 | 32 | 21 | 31 | 3.78 | 1.041 | Sederhana Tinggi |
| B50 | Tasmi' | 5 | 8 | 28 | 17 | 35 | 3.74 | 1.205 | Sederhana Tinggi |
| B49 | Talaqqi dan musyafahah | 6 | 7 | 33 | 17 | 30 | 3.62 | 1.197 | Sederhana Tinggi |
| B52 | Tadarus | 3 | 11 | 37 | 13 | 29 | 3.58 | 1.145 | Sederhana Tinggi |
| B44 | Tunjuk cara | 0 | 16 | 32 | 22 | 23 | 3.55 | 1.047 | Sederhana Tinggi |
| B45 | Bercerita | 3 | 15 | 36 | 19 | 20 | 3.40 | 1.095 | Sederhana Tinggi |
| B51 | Tikrar | 10 | 13 | 25 | 19 | 26 | 3.40 | 1.320 | Sederhana Tinggi |
| B54 | Kuiz | 3 | 14 | 40 | 17 | 19 | 3.37 | 1.072 | Sederhana Tinggi |
| B53 | Perbincangan | 0 | 19 | 40 | 16 | 18 | 3.35 | 1.017 | Sederhana Tinggi |
| B40 | Tugasan | 6 | 11 | 41 | 20 | 15 | 3.29 | 1.079 | Sederhana Tinggi |
| B39 | Sumbang Saran | 5 | 16 | 43 | 20 | 9 | 3.12 | 0.991 | Sederhana Tinggi |
| B56 | Berkumpulan / Halaqah | 6 | 26 | 34 | 16 | 11 | 3.00 | 1.093 | Sederhana Tinggi |
| B46 | Simulasi | 17 | 31 | 23 | 13 | 9 | 2.63 | 1.213 | Sederhana Rendah |
| B57 | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi | 13 | 45 | 23 | 8 | 4 | 2.40 | 0.980 | Sederhana Rendah |
| B41 | Kuliah | 26 | 21 | 32 | 11 | 3 | 2.39 | 1.114 | Sederhana Rendah |
| B43 | Syarahan | 29 | 27 | 24 | 8 | 5 | 2.27 | 1.155 | Sederhana Rendah |
| B48 | Inkuiri penemuan | 33 | 29 | 23 | 2 | 6 | 2.12 | 1.125 | Sederhana Rendah |
| B42 | Bengkel | 29 | 38 | 19 | 7 | 0 | 2.04 | 0.907 | Sederhana Rendah |
| B47 | Projek | 36 | 37 | 15 | 5 | 0 | 1.88 | 0.870 | Rendah |
| | | | | | | | 3.00 | 0.660 | Sederhana Rendah |

Dapatan daripada jadual 4.1 di atas menunjukkan skor min tertinggi bagi penilaian guru KAFA terhadap kekerapan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran ialah adalah skor min 3.78 bagi item B55 iaitu soal jawab dan skor min terendah adalah 1.88 bagi item B47 iaitu projek. Secara keseluruhannya bagi penilaian guru KAFA terhadap kekerapan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran adalah skor min berada pada tahap sederhana rendah iaitu min 3.00.

**5. PROFESIONALISME**

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian keempat iaitu aspek profesionalisme guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran

Jadual 5.1 Taburan skor min dan sisihan piawai bagi kekerapan guru KAFA dalam aspek profesionalisme

| **Bil.** | **Item** | **Kekerapan (N=93)** | | | | | **Min** | **SP** | **Tahap** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **TP 1** | **JS 2** | **KK 3** | **K 4** | **SK 5** | | | |
| B63 | Memberi latihan yang cukup di dalam bilik darjah | 0 | 14 | 37 | 19 | 23 | 3.54 | 1.026 | Sederhana Tinggi |
| B71 | Mendorong mereka bahawa mereka dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran jika lebih berusaha | 0 | 10 | 41 | 29 | 13 | 3.48 | 0.867 | Sederhana Tinggi |
| B70 | Membantu pelajar yang lemah secara individu | 0 | 21 | 33 | 23 | 16 | 3.36 | 1.019 | Sederhana Tinggi |
| B62 | Memberi kerja rumah | 4 | 20 | 29 | 22 | 18 | 3.32 | 1.143 | Sederhana Tinggi |
| B64 | Membantu pelajar yang lemah menyelesaikan kerja mereka | 2 | 16 | 37 | 26 | 12 | 3.32 | 0.979 | Sederhana Tinggi |
| B72 | Melatih mereka mempraktik proses ingatan | 1 | 14 | 42 | 26 | 10 | 3.32 | 0.898 | Sederhana Tinggi |
| B77 | Menyoal mereka secara lisan berkaitan dengan tajuk pelajaran yang sedang dibincang | 0 | 16 | 46 | 19 | 12 | 3.29 | 0.903 | Sederhana Tinggi |
| B78 | Mengubah corak penyampaian pengajaran | 4 | 23 | 36 | 20 | 10 | 3.09 | 1.032 | Sederhana Tinggi |
| B59 | Memandu pelajar cara memilih isi utama (main points) semasa membaca buku | 3 | 26 | 37 | 16 | 11 | 3.06 | 1.030 | Sederhana Tinggi |
| B61 | Menggunakan keputusan pelajar untuk membimbing mereka dalam pembelajaran | 5 | 25 | 34 | 19 | 10 | 3.04 | 1.062 | Sederhana Tinggi |
| B66 | Meminta mereka membaca isi pelajaran seterusnya | 7 | 26 | 37 | 6 | 17 | 3.00 | 1.179 | Sederhana Rendah |
| B73 | Memberi kelas tambahan kepada mereka | 14 | 24 | 27 | 18 | 10 | 2.84 | 1.215 | Sederhana Rendah |
| B60 | Menggalak pelajar membuat penilaian terhadap diri sendiri | 6 | 30 | 37 | 14 | 6 | 2.82 | 0.984 | Sederhana Rendah |
| B68 | Memberi kerja latihan/tambahan standing dengan kebolehan mereka | 9 | 35 | 26 | 15 | 8 | 2.76 | 1.107 | Sederhana Rendah |
| B75 | Membuat kumpulan-kumpulan dari berbagai kebolehan (setiap kumpulan terdiri dari pelajar yang cerdas,sederhana dan lemah) | 12 | 29 | 31 | 15 | 6 | 2.72 | 1.087 | Sederhana Rendah |
| B65 | Duduk ditempat mereka sambil menunggu pelajar lain menyiapkan kerja mereka | 18 | 26 | 26 | 17 | 6 | 2.64 | 1.176 | Sederhana Rendah |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B74 | Mengelumpukkan mereka dalam satu kumpulan perhatian khas | 17 | 28 | 33 | 13 | 2 | 2.51 | 1.017 | Sederhana Rendah |
| B67 | Membuat kerja-kerja lain secara bersendirian | 16 | 47 | 22 | 6 | 2 | 2.25 | 0.895 | Sederhana Rendah |
| B69 | Memberi kerja tambahan yang lebih sukar | 32 | 38 | 9 | 9 | 5 | 2.10 | 1.146 | Sederhana Rendah |
| B79 | Mendenda pelajar-pelajar yang tidak berminat | 51 | 25 | 15 | 1 | 1 | 1.66 | 0.863 | Rendah |
| B76 | Meneruskan pengajaran tanpa menghiraukan mereka | 64 | 19 | 6 | 4 | 0 | 1.46 | 0.801 | Rendah |
| | Min Keseluruhan | | | | | | 2.84 | 0.587 | Sederhana Rendah |

Dapatan daripada jadual 5.1 di atas menunjukkan skor min tertinggi bagi penilaian guru KAFA terhadap aspek profesionalisme guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran ialah adalah skor min 3.54 bagi item B63 iaitu memberi latihan yang cukup di dalam bilik darjah dan skor min terendah adalah 1.46 bagi item B76 iaitu meneruskan pengajaran tanpa menghiraukan mereka. Secara keseluruhannya bagi penilaian guru KAFA terhadap aspek profesionalisme guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran adalah skor min berada pada tahap sederhana rendah iaitu min 2.84

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dalam kajian ini menunjukkan bahawa tahap Guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada tahap sederhana. Ini berdasarkan persepsi 93 orang guru KAFA yang menjalani kursus anjuran JAKIM bersama IPG Kampus Pendidikan Islam yang telah diadakan di ILIM JAKIM Bangi. Skor min bagi strategi pada sederhana tinggi iaitu (min=3.08,SP=0.578), skor min bagi BBM pada tahap sederhana rendah iaitu (min=2.44,SP=0.535), skor min bagi aspek kaedah pengajaran pada tahap sederhana rendah iaitu (min=3.00,SP=0.660), dan skor min bagi aspek profesionalisme pada tahap sederhana rendah iaitu (min=2.84,SP=0.587).

Berdasarkan dapatan kajian, guru dan murid hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Al-Hashimi, 1994, Burden et al., 2000) dan pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada konsep mengajar dan mendidik. Ini jelas dari tahap min yang sederhana berkaitan aspek strategi, BBM dan kaedah pengajaran guru secara keseluruhan apatah lagi jika dilihat peranan prosionalisme guru sebagai pendidik, pengajar dan pembimbing juga menunjukkan tahap min yang sederhana.

Sehubungan dengan itu, amalan pengajaran yang berkesan menurut Brophy dan Good (1986) ialah amalan pengajaran yang membolehkan ramai pelajar meningkatkan prestasi secara berterusan, tahap pencapaiannya yang tinggi. Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan jenis pelajar dan jenis pengajaran guru (Ahmad, 1997; Sulaiman, 1997). Justeru, untuk amalan pengajaran guru yang berkesan , Guru KAFA hendaklah memilih pendekatan yang sesuai. Hal ini kerana tidak ada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan.

Tegasnya, pengajaran dan pembelajaran guru KAFA adalah sebagai pendidik, pengajar dan pembimbing. Berdasarkan peranan ini , Guru KAFA adalah guru pendidikan Islam amnya bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan ilmu semata-mata, malah membentuk pelajar sebagai persediaan kepada kehidupan yang seimbang di dunia dan akhirat. Berdasarkan perbincangan di atas juga jelas menujukkan bahawa aspek strategi pengajaran, penggunaan BBM, kaedah pengejaran dan tahap profesionalisme amat penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu dicadang beberapa syor bagi memperkemaskan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Kelas KAFA antaranya:

1. Guru KAFA perlu diberi lebih banyak latihan dan kursus atau kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan kurikulum dan ilmu-ilmu berkaitan agama dan strategi pendekatan pendidikan abad ke 21.
2. Guru-Guru KAFA juga perlu diberi kemudahan teknologi terkini seperti LCD dan komputer riba
3. Guru KAFA perlu didedahkan dengan modul-modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat memantapkan kaedah dan aktiviti pembelajaran yang diminati pelajar.
4. Kemudahan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah perlu ditingkatkan di semua sekolah
5. Guru KAFA perlu dibudayakan untuk melakukan penyelidikan terutamanya kajian tindakan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

## PENUTUP

Daripada dapatan-dapatan yang diperolehi, dapatlah dirumuskan bahawa guru KAFA perlu meningkatkan peranan dan tanggungjawab masing dalam melaksanakan tugas. Sehubungan dengan itu jika guru KAFA ingin meningkat lagi keberkesanan dalam pengajaran dan menyampaikan ilmu dan maklumat kepada pelajar. Guru KAFA hendaklah memastikan amalan pengajaran pendidikan Islam di sekolah benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Bagi pelajar yang menjalani pembelajaran di sekolah-sekolah di bawah JAKIM perlu mendapat sokongan dan galakan dari guru KAFA supaya implikasi P&P pendidikan Islam di sekolah akan dapat ditingkatkan. Justeru, dapatan kajian ini sebagai langkah permulaan kearah kajian yang lebih mendalam dan komprehensif ke arah memantapkan dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam guru KAFA di sekolah kelolaan JAKIM di Malaysia.

## RUJUKAN

Ahmad Mohd Salleh.(1997). Pendidikan Islam; falsafah, pedogogi dan metodologi. Shah Alam: Fajar Bakti

Al-Hashimi, Abid Taufik. (1994) *Turuk tadris at-tarbiyyah Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Risalah.

Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran dan pengaturan kendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Brophy, J. E and Good, T.L. (1986). Teacher behavior and student achivement. Dlm M.C. Wittrock (Ed).*Handbook of Research on teaching*. New York: Mc Millan

Burden, P.R & Byrd, D.M. (2003). *Methods for effective teaching*. Boston: Allyn & Bacon

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Laporan Tahunan 2014, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain*. Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan: Wilayah Persekutuan Putrajaya

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2005). *Panduan Perlaksanaan Amali Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Mohammad Fazli Madiah. (2000). *Kelas al-Quran dan fardu Ain (KAFA). Satu tinjauan tentng masalah pengajaran KAFA di 6 buah sekolah rendah agama rakyat di daerah Seremban*. Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Johdi bin Salleh . (2002) .Objektif Kurikulum dan Proses Persekolahan Sekolah Rendah Agama Rakyat : Perspektif Guru Besar dan Guru-Guru. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam ,Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi.* UKM. Anjuran Kolej Islam Selangor Darul Ehsan dan Pusat Zakat Selangor. 2002.

Nazlina Hamil. (2012). *Keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah KAFA berbanding sekolah kebangsaan bagi bidang jawi: Satu kajian kes*. Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Terbuka Malaysia.

Nidzamuddin Zakaria. (2004). *Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Kangar, Perlis: Kajian Keberkesanan dan masalah*. Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nunnally, J. C. (1976). *Psycometric Theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.

Sulaiman Ngah Razali. (1997). Pedagogi teori dan praktik. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An inroduction*. The ed. Boston: Russel & Russel.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Bani Hidayat Mohd Shafie**
Pensyarah Kanan,
IPGM Kampus Pendidikan Islam
bani_3738@yahoo.com

**Nor Hayati Fatmi Talib**
Ketua Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Banting Selangor
yati_6709@yahoo.com

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# PENDEKATAN BIMBINGAN PENSYARAH PENYELIA DALAM PRAKTIKUM PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) PENDIDIKAN ISLAM RENDAH.

**Ishak Abd Manaf**
IPGM Sultan Abdul Halim
**Ab. Halim Tamuri**
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
**Khadijah Abdul Razak**
Fakulti Pendidikan, UKM

## ABSTRACT

The research aims to assess the level of PISMP training teacher perception of guidance supervisors approach in practice. The approaches adopted guidance is directed control approach behavior, the directional behavior informative approach, the collaborative behavior approach, and the nondirective behaviors approach. This survey was conducted on 100 training teacher PISMP intake January 2012 that has completed a practicum 3. This research is expected to help improve the effectiveness of practicum through approach guidance counseling focusing. Data of research acquired from questionnaire developed by the researcher administered by post to sample. Data analysis use by SPSS V.20.0 software and presentation explain by descriptive statistics min, frequency and percentage. The result of research explain the training teacher PISMP intake January 2012 has a positive against about approach guidance supervisors (min=4.85;s.d=0.249). While the sub constructs approaches show; is the directed control approach behavior (min=4.85; s.d=0.254); the directional behavior informative approach (min=4.86;s.d=0.247); the collaborative behavior approach (min=4.86;s.d=0.277); and the nondirective behaviors approach (min=4.85;s.d=0.286). The research also found that the training teacher very need to guidance from supervisor. Without guidance from supervisor they are unsuccessful in practicum. Finally, the research revealed is problems associated with school, guidance supervisor, adaptation encountered by training teacher PISMP primary school Islamic education. This research hopefully help the training teacher ready by knowledge and skil teaching in the national education system with proper supervision and guidance of supervisors.

**Keywords:** guidance supervisors approach, directed control approach behavior, the directional behavior informative approach, the collaborative behavior approach, and the nondirective behaviors approach.

## ABSTRAK

*Kajian bertujuan untuk menilai tahap persepsi guru pelatih PISMP terhadap pendekatan bimbingan pensyarah penyelia dalam praktikum. Empat pendekatan bimbingan yang diguna pakai adalah pendekatan tingkah laku terarah (directive control behaviors), pendekatan tingkah laku terarah bermaklumat (directive infomational behaviors), pendekatan tingkah laku kolaboratif (collaborative behaviors) dan tingkah laku tanpa arahan (nondirective behaviors). Kajian tinjauan ini dilakukan ke atas 100 orang guru pelatih PISMP ambilan Januari 2012 yang telah menjalani praktikum 3. Kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan keberkesanan praktikum melalui pendekatan bimbingan berfokus. Data kajian diperoleh daripada satu set soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Soal selidik ini ditadbir kepada responden melalui pos. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS V.20.0 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif seperti min, frekuensi, dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah Ambilan Januari 2012 mempunyai persepsi yang positif terhadap pendekatan bimbingan pensyarah penyelia mereka dalam praktikum (min=4.85; s.p=0.249). Manakala sub konstruk setiap pendekatan menunjukkan; pendekatan tingkah laku terarah (min=4.85; s.p.=0.254); pendekatan tingkah laku terarah bermaklumat (min=4.86; s.p=0.247); pendekatan tingkah laku kolaboratif (min=4.86; s.p=0.277); dan pendekatan tingkah laku tanpa arahan (min=4.85; s.p.=0.286). Kajian juga mendapati bahawa guru pelatih amat memerlukan bimbingan dari pensyarah penyelia mereka. Tanpa bimbingan ini, mereka tidak berupaya melaksanakan praktikum dengan jayanya. Akhirnya, kajian ini telah mendedahkan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah semasa menjalankan praktikum, yang berkait dengan sekolah, dan pensyarah pembimbing, dan yang berkait dengan guru pelatih sendiri seperti masalah penyesuaian. Kajian ini diharap dapat membantu guru pelatih mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran keguruan yang diperlukan oleh sistem pendidikan arus perdana di Malaysia dengan penyeliaan dan bimbingan yang sewajarnya daripada pensyarah penyelia.*

***Kata Kunci:*** *Bimbingan Pensyarah Penyelia, Tingkah Laku Terarah, Tingkah Laku Terarah Bermaklumat, Tingkah Laku Terarah Bermaklumat & Tingkah Laku Tanpa Arahan*

## PENGENALAN

Dalam era abad ke 21, pendidikan di Malaysia memerlukan tenaga kerja yang berkualiti dan kompeten. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan pelbagai usaha untuk meletakkan sistem pendidikan kebangsaan setanding dengan sistem pendidikan dunia. Justeru itu, Institut Pendidikan Guru (IPG) telah diberikan peranan menyediakan guru yang berkualiti menerusi program PISMP. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006) telah meletakkan enam teras strategik iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Teras strategik kelima dan keenam memberikan fokus kepada usaha membangunkan sumber manusia yang bertanggungjawab secara langsung dalam proses pendidikan negara. Teras kelima dengan jelasnya menuntut tumpuan khusus kepada usaha memantapkan profesionalisme keguruan dengan memberi latihan dalam aspek pedagogi, kokurikulum, ICT, penyelidikan dan sebagainya.

# LATAR BELAKANG KAJIAN

Praktikum adalah antara komponen penting dalam kurikulum PISMP. Ia boleh disamakan dengan 'internship' yang dilalui oleh bakal profesional lain dalam pelbagai bidang pekerjaan seperti kedoktoran, kehakiman dan sebagainya. Ketika praktikum, guru pelatih mengalami situasi sebenar alam pekerjaan yang akan mereka ceburi. Selain membolehkan guru pelatih menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan, praktikum juga memberikan keyakinan diri untuk menjadi seorang guru. Kepentingan praktikum umpama jambatan yang menghubungkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di IPG dengan alam pekerjaan yang sebenar di sekolah.

Aspek terpenting dalam praktikum ialah penyeliaan oleh pensyarah penyelia. Penyelia adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah IPG. Praktikum merupakan medan aplikasi ilmu dan kemahiran perguruan dalam kalangan guru pelatih dengan kawalan penyeliaan dan pendekatan bimbingan secara dekat oleh pensyarah penyelia. Penyeliaan yang efektif melibatkan aktiviti memberi bimbingan, mengarah dan memberitahu. Oleh itu, praktikum adalah suatu perkongsian pintar antara guru pelatih, pensyarah penyelia dan guru pembimbing dalam meningkatkan tahap keberkesanannya. Lewis dan Hurd (2011) mengakui bahawa penyeliaan guru pelatih mempengaruhi dan memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Sementara Joyce et.al (2002) menyatakan keberkesanan sesuatu praktikum bergantung kepada mutu dan komitmen penyelia yang memberi bimbingan.

Kecenderungan pelajar lepasan SPM untuk menyertai profesion keguruan adalah tinggi (Unit Perancang Ekonomi 2010). Umpamanya dalam ambilan pertama seramai 53,000 permohonan diterima, dan melonjak hampir sekali ganda kepada 110,000 tiga tahun berikutnya. Trend ini menunjukkan profesion perguruan menjadi pilihan pelajar lepasan SPM. Namun, kejayaan menarik penyertaan ke dalam profesion perguruan sahaja tidak mungkin berjaya melahirkan guru yang berkualiti sekiranya program pendidikan guru tidak dilaksanakan dengan baik. Selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memantapkan kurikulum Institut Pendidikan Guru melalui pemantapan praktikum (KPM 2013).

# PERNYATAAN MASALAH

Di Institut Pendidikan Guru, guru pelatih PISMP perlu menjalani praktikum sebanyak tiga kali iaitu dalam semester lima, enam dan tujuh. Kajian oleh Md Zuki Hashim (2011) mendapati antara permasalahan semasa praktikum adalah bimbingan pensyarah yang kurang berkesan. Beliau juga menyenaraikan punca berlaku permasalahan praktikum antaranya praktikum dijalankan sebelum sukatan pelajaran disempurnakan, tiada keselarasan format penulisan refleksi pengajaran dan tiada pendekatan yang jelas tentang kaedah penulisan jurnal. Kajian Mohd Zolkifli *et. al* (2007) mendapati peranan pensyarah penyelia kurang berkesan semasa sesi penyeliaan dan bimbingan. Guru pelatih kurang berpuas hati dengan proses penyeliaan dan bimbingan apabila situasi sebenar tidak menepati jangkaan mereka, sedangkan mereka mengharapkan bimbingan sewajarnya daripada pensyarah penyelia.

Zainuddin (2006) dalam dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa, terdapat masalah yang serius dan ketara dalam pendekatan bimbingan pensyarah penyelia.

Menurut beliau, antara puncanya ialah faktor kekangan masa, bebanan kerja dan kemahiran penyeliaan. Beliau merumuskan bahawa pensyarah penyelia dan guru pembimbing lebih memberi penekanan dalam memberi gred dan markah. Fenomena ini kadang-kadang menghilangkan matlamat sebenar proses penyeliaan dan bimbingan.

Oleh yang demikian, kajian ini telah cuba melihat pendekatan bimbingan pensyarah penyelia dalam praktikum guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah ambilan Januari 2012.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini adalah untuk meninjau tahap persepsi guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah terhadap pendekatan bimbingan pensyarah penyelia. Empat pendekatan bimbingan yang dikaji adalah pendekatan tingkah laku terarah, pendekatan tingkah laku terarah bermaklumat, pendekatan tingkah laku kolaboratif dan pendekatan tingkah laku tanpa arahan (Glickman et .al 2007).

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap persepsi guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah terhadap pendekatan tingkah laku terarah pensyarah penyelia?
2. Apakah tahap persepsi guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah terhadap pendekatan tingkah laku terarah bermaklumat pensyarah penyelia?
3. Apakah tahap persepsi guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah terhadap pendekatan tingkah laku kolaboratif pensyarah penyelia?
4. Apakah tahap persepsi guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah terhadap pendekatan tingkah laku tanpa arahan pensyarah penyelia?

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat membantu pensyarah penyelia untuk mengenal pasti masalah rutin berkaitan pendekatan bimbingan yang sering dihadapi oleh guru pelatih ketika menjalani praktikum. Kajian ini juga diharap dapat membantu pensyarah penyelia memberikan tumpuan kepada masalah sebenar yang sering dihadapi oleh guru pelatih. Seterusnya kajian ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan penyeliaan dan bimbingan pensyarah penyeliam.

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap seratus orang guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah di tiga IPGK Zon Utara. Guru pelatih yang terlibat adalah guru pelatih ambilan Januari 2012. Kajian ini hanya melibatkan guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah dan PISMP Pendidikan Bahasa Arab Rendah, maka dapatan yang diperoleh tidak dapat di generalisasi kepada guru pelatih bidang lain selain Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.

## SOROTAN LITERATUR

Praktikum dalam kurikulum PISMP Pendidikan Islam Rendah adalah untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru pelatih. Praktikum dilaksanakan setelah guru pelatih PISMP melalui proses pengayaan ilmu melalui teori asas kepada kerjaya sebagai guru. Sehubungan dengan itu pensyarah penyelia telah diamanahkan untuk melaksanakan proses bimbingan dan penyeliaan untuk memastikan kualiti kemahiran keguruan dalam kalangan guru pelatih PISMP. Bimbingan dan penyeliaan yang dilakukan mestilah berkualiti serta membantu mereka menangani apa jua masalah semasa praktikum.

Pengalaman semasa praktikum merupakan suatu tempoh yang agak mencabar bahkan memberi tekanan kepada guru pelatih PISMP. Ini boleh mengakibatkan stress berpunca daripada kurang pengalaman, kurang kemahiran dalam memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran, masalah penyediaan set induksi yang sesuai (Mohd Nor & Ismail 2007). Oleh itu, peranan pensyarah penyelia sangat diperlukan untuk membantu guru pelatih PISMP membina keperibadian mereka agar mampu menghadapi tekanan melalui pendekatan penyeliaan yang berkesan.

Dalam penyeliaan praktikum PISMP Pendidikan Islam Rendah, pensyarah penyelia perlu mempelbagaikan pendekatan yang sesuai. Menurut Glickman et .al (2007), terdapat empat pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan keberkesanan model penyeliaan klinikal. Pendekatan ini sesuai di aplikasikan oleh pensyarah semasa menjalankan penyeliaan praktikum. Pendekatan tersebut adalah pendekatan tingkah laku terarah *(directive control behaviors)*, pendekatan tingkah laku terarah bermaklumat *(directive informational behaviors)*, pendekatan tingkah laku kolaboratif *(collaborative behaviors)* dan tingkah laku tanpa arahan *(nondirective behaviors).*

### (i) Pendekatan Tingkah Laku Terarah *(Directive Control Behaviors)*

Pendekatan tingkah laku terarah bermaksud arahan, kawalan dan penyeliaan yang digunakan oleh pensyarah penyelia adalah jelas. Pendekatan ini digunakan apabila mereka perlu berterus terang dengan guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah untuk mengatasi apa jua isu yang berbangkit. Menurut Mohd Zulkifli et.al (2007) guru pelatih mengharapkan pensyarah penyelia dapat mengenal pasti kelemahan guru pelatih serta memaklumkan kepada mereka dan mencadangkan penambahbaikan atau memberitahu cara bagaimana kelemahan itu dapat diatasi. Isu ini berbangkit kerana pensyarah penyelia kurang mengamalkan pendekatan penyeliaan direktif terhadap permasalahan yang dihadapi oleh guru pelatih.

Pendekatan tingkah laku terarah perlu digunakan oleh pensyarah penyelia apabila mereka berpendapat bahawa guru pelatih yang di bimbing oleh mereka adalah sukar dikawal. Pendekatan ini juga, pada kebiasaannya digunakan apabila pensyarah penyelia merasakan mereka memiliki kepakaran dan pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah. Namun pendekatan ini memberikan sedikit tekanan kepada guru pelatih PISMP Pendidikan Islam Rendah.

The study also found that the level of skill among Islamic education teachers were high. The importance of skill in teaching was approved by previous studies especially in computer skill (Hasbullah & Yusni 2003; Rosmaria 2003; Ab. Halim Tamuri et al. 2004; Md. Yusoff et al. 2006; Ibnu Khaldun 2009; Kamarul Azmi 2010).

In term of attitudes, the result indicated that Islamic education teachers' had positive attitude toward sex education elements. These results are similar with previous studies that emphasized the importance of positive attitudes among teachers in teaching and learning process (Ajzen 1991; Mathur et al. 2004; Puteh Rahimah et al. 2009; Ab. Halim Tamuri et al. 2010a & 2010b; Shariza 2014).

The second objective of this study was to determine whether there were significant mean differences in Islamic education teachers' readiness due to demographic factors which are gender, schools' location, academic qualification and teaching experience. In general, the findings indicated that there were significant demographic factors effects on Islamic education teachers' readiness. However, there were no significant gender effect on Islamic education teachers on skill and no significant schools' location effect on personality.

## CONCLUSION

This study examined the effects of readiness Islamic education teachers teaching sex education elements in terms of personality, knowledge, skills and attitudes as well as the effects of demographic factors based on gender, schools location, academic qualification and teaching experience. Islamic education teachers; were found to have a moderate level of personality. In terms of Islamic education teachers' knowledge, the finding shows that a vast of majority involved in this study possess a moderate level of knowledge in sex

education elements. While in terms of attitudes toward sex education elements, the findings of the study indicated they have positive attitudes in teaching.

The study also determines the effects of demographic factors on Islamic education teachers' readiness. The results indicated that there were significant demographic effects in term of gender, schools' location, academic qualification and teaching experience on overall Islamic education teachers' readiness. However, there were no significant gender effect on teachers' skill and no significant schools' location effect on teachers' personality.

## REFERENCES

Ab. Aziz Mohd Zain & Yusmini Md. Yusoff. 2010. *Pendidikan Seks dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak. 2003. Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi. hlmn. 40-67.

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin & Zamri Abdul Rahim. 2004. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zarin Ismail. 2006. Kajian amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zarin Ismail. 2010a. Penilaian murid terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Aderi Che Noh. 2010b. Kajian tahap profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri. 2006. Model guru Pendidikan Islam: Konsep 5 mim. Kertas kerja Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bilik Senat, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1 April.

Ahmad Yunus Kassim & Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2 (2): 13-30.

Ajzen, L. 1991. The theory of planned behaviour. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes* 50: 179-211.

Al-Afendi, M.H. 1980. Towards Islamic curricula. *In Curriculum and teacher education*, ed. M.H. al-Afendi and N.A. Baloch, 20-40. Jeddah: King Abdulaziz University, Hodder and Stoughton.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2004. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 1-5. Misr: al- Maktabah al-Taufiqiyyah.

Al-Tawil, Othman. 1992. *Al-Tarbiyyah al-Jinsiyyah fi al-Islam li al- Fityan*. Amman: Dar al-Furqan.

Amir Hasan Dawi. 2009. *Pendidikan Seks Suatu Perspektif Sosial*. Tanjung Malim: UPSI.

Azizah Jaafar & Chan Siew Lee. 2009. Malaysian Sexuality Education multimedia courseware design (MSE): Will it be a solution in teaching sexuality subject matter in school. *Research Journal of Information Technology* 1: 94-106.

Bennet, L.R. 2007. Zina and the enigma of sex education for Indonesian Muslim youth. *Sex Education* 7 (4): 371-386.

Bilingan, M. & Mabula, N. 2014. Teaching sexuality education in primary school in Tanzania: challenge and implications. *Journal of Education and Practice* Vol 5 (27): 21-30.

D'Oyen, F.M. 1996. *The Miracle of Life: A Guide on Islamic Family Life and Sex Education for Young People*. Leicester: Islamic Foundation.

Halstead, J.M. 1995. Towards a unified view of Islamic education. *Islam and Christia-Muslim Relations* 6, (1), 25-41.

Hasbullah Abdul Rahman & Yusni Abd Rahman. 2003. Kesediaan guru-guru agama mengguna komputer dalam menjalankan tugas pentadbiran dan pengajaran. Dlm. Khadijah Abdul Razak, Shahri Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh & Aliza Alias (pnyt.). *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi,* hlm. 351-364. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM

Ibnu Khaldun. 2009. *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Johari Talib, Maharam Mamat, Maznah Ibrahim & Zulkifli Mohamad. 2012. Analysis on sex education in schools across Malaysia. *Procedia Social and Behavioural Sciences* 59: 340-348.

Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Low Wah Yan. 2009. Malaysian youth sexuality: issues and challenges. Journal of Health and Translational Medicine 12 (1): 3-14.

Mabud S.A. 1998. *An Islamic View of Sex Education.* In Ed. M.J. Reiss. & S.A. Mabud. UK: The Islamic Academy.

Mahnaz Akbari Kamrani & Sharifah Zainiyah Syed Yahya. 2016. Bringing X,Y,Z generation together to facilitate school-based sexual & reproductive health education. *Global Journal of Health Science* 8 (9): 132-135.

Malaysian AIDS Council Resource Center. 2015. *AIDS in Malaysia*. Kuala Lumpur: Department of Public Health, Ministry of Health Malaysia.

Mastura Badzis. 2002. Child Education: What Should be Optimal. Jurnal Pendidikan Islam. Vol. 12, No. 1. Kuala Lumpur: ABIM.

Mathur, S., Mehta, M. & Malhotra, A. 2004. *Youth Reproductive Health in Nepal: Is Participation the Answer?* New York: Engender Health & Washington, DC.

Mazlin Mohamad Mokhtar, Dorrae, A.R., Jane, S. H. & Nuraliza Abdul Satar. 2013. Bridging the gap: Malaysia youths & the pedagogy of school-based sexual health education. *Procedia-Social and Behavioural Science* Volume 85: 236-245.

Md Yusoff Daud, Mazalah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis. 2006. Penggunaan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Aliza Alias, Saemah Rahman, Zamri Mahamod, Mazalah Ahmad, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Maimun Aqsha Lubis, Faridah Mydin Kytty, Abdul Salam Sulaima (pnyt.). *Wacana Pendidikan Islam*

*(Siri 5) Pendidikan Islam & Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah*, hlm. 129-136.

Muhamad Zahiri & Rahimi Md. Saad. 2005. *Kertas Kerja Seminar Seksual Kebangsaan 2005: Konsep Dan Objektif Pendidikan Seks Menurut Perspektif Al-Quran*. Anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya.

Puteh Rahimah Makol-Abdul, Abu Sadat Nurullah, Syed Sohail Imam, & Saodah Abd. Rahman. 2009. Parents' attitudes towards inclusion of sexuality education in Malaysian schools. *International Journal about Parents in Education* 3 (1): 42-56.

Rokiah Ahmad. 2007. *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*. JAKIM.

Rosmaria Mohd Saat. 2003. Penggunaan komputer dan multimedia dalam pendidikan di Malaysia. Laporan Kajian Bebas. Fakulti Pendidikan, UKM

Sarwar, G. 1996. *Sex Education: The Muslim Perspective*. London: Muslim Education Trust.

Shariza Said, Loh Sau Cheng, Mohd Ridhuan, Mohd Jamil, Yusni Mohamad Yusop, Mohd Ibrahim K. Azeez & Ng Poi Ni. 2014. Analisis masalah dan keperluan guru Pendidikan Khas integrasi (masalah pembelajaran) peringkat sekolah rendah tentang pendidikan seksualiti. *Jurnal Pendidikan Bitara Universiti Pendidikan Sultan Idris* 7: 1-9.

Su Xu Yin, Noor Azah Muhammad, Tan Pei Sun, Kevin Tan Teck Meng, Hazlinda Tohid & Khairani Omar. 2014. Physical & psychosocial impacts of pregnancy on adolescents and their coping strategies: A descriptive study in Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 14 (3): 71-80.

Wong, L.P., Chin, C.L., Low, W.Y., & Jaafar, N. 2008. HIV/AIDS-related knowledge among Malaysian young adults: Findings from a nationwide survey. *The Medscape Journal of Medicine* 10 (6): 148-159.

Yusuf Madani. 2003. *Pendidikan Seks Untuk Anak Dalam Islam*. Indonesia: Pustaka Zahra.

Zulkifli, S.N. & Low, W.Y. 2000. Sexual practices in Malaysia: Determinations of sexual intercourse among unmarried youths. *Journal of Adolescent Health* 27 (4): 276-280.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Siti Suhaila Ihwani**
Pensyarah,
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
sitisuhaila@utm.my

**Adibah Muhtar**
Pensyarah,
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
dm_adibah@utm.my

**Norhafizah Musa**
Pensyarah,
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
norhafizah.kl@utm.my

**Nurhasmiza Abu Hasan Sazalli**
Pensyarah,
Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia
nurhasmiza.kl@utm.my

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

**Zetty Nurzuliana Rashed**
Pensyarah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa
zetty@kuis.edu.my

**Ab Halim Tamuri**
Pensyarah Kanan
Universiti Kebangsaan Malaysia
tamuri69@gmail.com

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

# KE ARAH KECEMERLANGAN MENERUSI PEMBUDAYAAN INOVASI

**Asmawati Suhid, PhD**
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
**Mohd. Aderi Che Noh, PhD**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
**Abd. Muhsin Ahmad**
Fakulti Undang-undang Universiti Malaya
**Khadijah Abdul Razak**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## ABSTRACT

Education is the most important tool or mode in determining the direction of a society and the country. Individuals nowadays will be born also depend so much on the form and methodology of education provided to the people. In the era of globalization filled with an explosion of technology and sophisticated medium, thus the field of education, especially Islamic education should always move forward and keep up with the progress in line with the national educational goals and requirements of Islamic mold. Therefore, the teachers and the parties involved must always be creative and innovative, as well as establish it as a culture to achieve success in terms of both material and spiritual.

**Keywords**: innovation, culture, excellence

## *ABSTRAK*

*Pendidikan merupakan alat atau wadah terpenting dalam menentukan wajah dan halatuju sesebuah masyarakat dan negara. Insan yang bakal dilahirkan juga banyak bergantung kepada bentuk dan metodologi pendidikan yang diberikan kepada rakyat. Dalam era globalisasi yang penuh dengan ledakan teknologi dan medium sofistikated, maka bidang pendidikan khususnya Pendidikan Islam perlu sentiasa mengorak langkah dan mengikuti perkembangan seiring dengan matlamat pendidikan negara dan kehendak acuan Islam. Oleh itu, para guru dan pihak yang terlibat perlulah sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif malah menjadikan ia suatu budaya bagi mencapai kejayaan yang cemerlang baik dari segi material maupun spiritual.*

***Kata kunci** : Inovasi, pembudayaan, kecemerlangan*

## PENGENALAN

Apabila menyebut istilah ’inovasi’, ia menggambarkan suatu perubahan atau pembaharuan yang membawa kepada peningkatan dan penambahbaikan. Menurut Kamus Dewan, inovasi boleh didefinikan sebagai ”sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baharu. Dengan itu, inovasi bermakna proses atau hasil pengembangan dan manfaat pengetahuan, ketrampilan dan pengalaman untuk mencipta produk, proses atau sistem baharu ataupun memperbaiki

yang sedia ada. Islam sebagai agama yang syumul dan holistik serta universal sentiasa menggalakkan umatnya untuk menuju ke arah peningkatan dan kecemerlangan. Sebagaimana firman Allah SWT:

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ
حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ

> Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya*" (Surah Ar Ra'du, ayat 11)

Inovasi Pendidikan Islam (PI) di dalam artikel ini, merujuk kepada penambahbaikan proses PI ke arah kecemerlangan prestasi pengajaran dan pembelajaran PI serta yang berkaitan dengannya. Manakala pembudayaan inovasi yang dimaksudkan pula ialah menjadikan aktiviti dan amalan untuk berinovasi sebagai satu usaha yang berterusan dan kebiasaan bagi mencapai kecemerlangan. Oleh kerana kecemerlangan tiada noktah, maka ia merupakan sesuatu yang berterusan. Kecemerlangan yang dituntut itu pula seharusnya mencakupi kecemerlangan material dan spiritual. Tiada guna seandainya kita hanya berusaha mengejar salah satu daripadanya kerana ia bakal membawa kepincangan dalam mencapai kecemerlangan yang sebenarnya. Dengan kata lain, pembangunan insan hendaklah berlaku secara bersepadu dan menyeluruh bagi menuju kecemerlangan (Asmawati Suhid & Abd. Muhsin Ahmad, 2010).

Di Malaysia, aspek yang ditekankan dalam Pendidikan Islam adalah bersepadu, merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan (Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi, 2016). Islam sendiri amat menegaskan hal ini dan umat Islam hendaklah menghayati dan mengamalkannya agar dapat menghasilkan insan holistik dan cemerlang. Seterusnya melahirkan manusia yang baik dan seimbang, iaitu manusia yang dapat berlaku adil kepada dirinya sendiri dengan membina keyakinan dan keimanan yang teguh kepada Allah SWT (Al-Attas, 1980). Justeru, dalam dunia global kini, umat Islam tidak mesti tidak, hendaklah sentiasa bersedia untuk berinovasi, kreatif dan produktif.

Firman Allah SWT:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن
كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ٧٧

> Maksudnya: "*Dan tuntutlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan*" (Surah Al Qasas, ayat : 77).

Amalan dan usaha untuk berinovasi hendaklah dibiasakan atau dibudayakan dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan murid. Kemunculan zaman pemerintahan Abbasiyah sebagai zaman keagungan dan kecemerlangan ilmu dan pendidikan Islam amat membanggakan dan mempamerkan kewibawaan serta kebijaksanaan para tokoh ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang. Kejayaan tamadun Islam pada era itu dan sebelumnya tidak perlu dipertikaikan lagi. Sebaliknya perlu diambil pengajaran dan dipertahankan agar tamadun Islam cemerlang dan gemilang ke persada dunia. Antara yang boleh diambil pengajaran tentang perkembangan tamadun Islam pada masa itu ialah ia disertai dengan pembangunan insan yang cemerlang. Secara asasnya, diakui bahawa pembangunan insan berlaku secara bersepadu, seimbang dan menyeluruh.

Tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang lahir pada ketika itu sekaligus merupakan ulama' muktabar yang begitu tawadduk dan komited kepada syariat Islam. Dengan kata lain, mereka merupakan para ilmuwan yang mantap imannya dan kukuh ketauhidannya kepada Allah SWT. Justeru, jelas bahawa kepentingan peranan iman kepada umat Islam diutamakan kerana ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya diterima Allah SWT (Asmawati Suhid, 2005). Sebagai umat Islam pula, seharusnya kita berasa bangga dan sentiasa mengutamakan idea dan dapatan kajian tokoh ilmuwan Islam dan seterusnya menjadi pendorong untuk mendalami dan menjelajahi ilmu pengetahuan.

Penekanan kepada inovasi jelas apabila Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan penubuhan Pusat Inovasi Negara (MyNIC) dan rangkaian Pusat Kecemerlangan Inovasi (i-CoE) ke arah menyerapkan inovasi sebagai satu amalan dalam kalangan rakyat. Malah, yang perlu ditekankan di sini ialah "inovasi yang hendak dilaksanakan adalah bersifat menyeluruh dalam erti kata ia tidak terhad kepada bidang sains dan teknologi sahaja". Justeru, inovasi dalam bidang pembangunan insan juga hendaklah dibudayakan menerusi sistem pendidikan. Ia hendaklah dilihat sebagai suntikan cabaran bagi merealisasikan hasrat murni ini khususnya dalam PI.

Bagi mencapai matlamat ini, maka peranan pendidikan amat jelas dan tidak dinafikan lagi. Kesedaran masyarakat tentang hal ini semakin meningkat dan pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi menggunakan saluran pendidikan ini sehinggakan adakalanya rancangan yang diatur tidak dapat direalisasikan secara efektif. Maka berlakulah keadaan-keadaan seperti 'melepaskan batuk di tangga', 'hangat-hangat tahi ayam', 'bekerja secara somberono'.

Salah satu usaha kerajaan bagi menggiatkan aktiviti inovasi dan program dalam pendidikan ialah membangunkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Ternyata peranan pendidikan telah digariskan bagi menjayakan misi PIPP iaitu :

1. meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
2. menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Berdasarkan misi ini, maka matlamat yang disasarkan dalam pendidikan ialah:

1. memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek;
2. meningkatkan kreativiti, inovasi dan budaya ilmu pelajar;
3. membudayakan sains dan teknologi dan pembelajaran sepanjang hayat;

4. menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia;
5. menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan; dan
6. meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Untuk memastikan PIPP berjaya dicapai, maka warga pendidikan perlu berinovasi. Oleh itu, berdasarkan falsafah dan matlamat Pendidikan Islam, maka terdapat juga usaha yang dirancang untuk memenuhi matlamat PIPP khususnya dalam ”meningkatkan kreativiti, inovasi dan budaya ilmu murid” dalam pengajaran dan pembelajaran PI. Sekiranya diteliti sejarah perkembangan PI, realitinya pelbagai inovasi telah berlaku, sama ada misalnya dari segi institusi, kurikulum dan metodologi. Daripada penggunaan papan hitam dan kapur, kini telah beralih kepada penggunaan teknologi moden; daripada penyampaian guru secara sehala, kini telah diperkenalkan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran. Begitulah inovasi yang turut dialami dalam pengajaran dan pembelajaran PI. Guru perlu membuat satu peningkatan dalam pengajaran iaitu dengan menukarkan pedagogi yang digunakan. Guru PI juga perlu berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan pengajaran Pendidikan Islam demi menyiapkan para murid untuk berhadapan dengan cabaran abad ke-21 dan juga releven dengan cabaran masa kini (Asmawati Suhid, 2016).

## INOVASI DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Usaha untuk mentransformasi *kurikulum PI* yang digubal dalam bentuk standard kandungan dan standard pembelajaran adalah merupakan satu bentuk inovasi agar ia sealiran dengan arus perdana. *Standard kandungan* adalah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. *Standard pembelajaran* pula merupakan satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Tanpa mempunyai pengetahuan yang jelas tentang kurikulum berasaskan standard-standard kandungan dan pembelajaran, mungkin sukar untuk menentukan ‘*road-map*’ atau program pengajaran dan pembelajaran ke arah pencapaian matlamat dan objektif sesuatu mata pelajaran.

Selain itu, gaya atau kaedah penyampaian guru, sistem penilaian tentang pembelajaran murid, persediaan buku teks dan bahan bantu mengajar, dan pemilihan serta pendidikan guru perlu juga ditransformasikan. Proses PdP sekarang bukan lagi berpusatkan kepada guru semata-mata, tetapi fokus utama adalah berpusatkan murid baik secara individu atau kumpulan. Kenyataan ini disokong oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dengan menegaskan bahawa kebanyakan murid belajar dengan berkesan melalui pengalaman penglibatan peribadi, aktiviti ’*hands-on*’ dan peluang untuk penemuan kendiri (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001)

Walau apapun, di sini fokus perbincangan ditumpukan kepada PI di sekolah. Realitinya, terdapat inovasi dalam bidang ini sekiranya kita melihat PI daripada pelbagai sudut pandangan. Pertama, persekitaran pembelajaran PI yang menekankan kandungan hendaklah sekarang menegaskan juga konteks sejarah dan budaya, iaitu berkaitan dengan kehidupan sebenar agar aktiviti pembelajaran adalah berfungsian, iaitu praktikal dan berguna dalam menangani keperluan masyarakat dan membantu murid menyelesaikan masalah hidup sebenar di era globalisasi. Kedua, selain mengetengahkan

Islam sebagai suatu sistem *divine* yang ideal, patut ditegaskan penyelesaian yang boleh dicadangkan dalam menangani masalah yang dikenal pasti; bagaimanapun, janganlah dalam menyelesaikan masalah secara Islami, murid diajar agar jangan retorik dan menyatakan sesuatu dengan keras tetapi hendaklah menerangkan berdasarkan fakta dan mampu berhujah. Ketiga, selain mendidik murid tentang aturan hubungan antara manusia dan Allah SWT, PI juga hendaklah mendidik murid bahawa Islam memberi makna kepada kehidupan manusia, iaitu Islam adalah panduan dalam merealisasikan nilai kemanusiaan, membantu manusia hidup dengan penuh kemanusiaan menerusi kod asas yang diperlukan oleh manusia dalam mereka memahami antara satu sama lain.

Keempat, perkenalkan sudut pandangan saintifik tentang peranan Islam dalam masyarakat dan sejarah dan tentang penyelesaian masalah seharian. Murid perlu didedahkan lebih awal tentang keistimewaan kitab al-Quran dan kandungannya. Al-Quran sebagai kitab yang penuh dengan hikmah dan ilmu yang tiada penghujungnya perlu dikaji daripada pelbagai sudut dan bidang. Oleh itu, adalah amat sesuai dan merupakan usaha yang produktif sekiranya dalam semua bidang (seperti geografi, sains, matematik, sejarah dan bahasa) murid didedahkan tentang kebesaran ayat-ayat Allah SWT. Kelima, selain melihat yang *Islamic* dalam PI, patut dilihat juga *the Muslims* agar PI lebih bermakna, iaitu masukkan agensi manusia, individu Muslim itu sendiri, dan tentang tafsiran serta amalan mereka berkaitan Islam.

Dengan cara ini akan nampaklah interaksi antara Islam sebagai suatu cara hidup yang ideal dan realiti maujud dalam kalangan diri Muslim itu sendiri. Keenam, mereka yang terlibat dalam meningkatkan PI janganlah eksklusif dalam kefahaman tentang keadaan pendidikan kini, misalnya terhadap metodologi pengajaran moden; jika tidak, kreativiti dan inovasi tidak boleh diaplikasikan bagi menangani kekurangan atau kelemahan dalam pedagogi PI. Akhirnya, tetapi tidak kurang pentingnya, selain memberi keutamaan kepada pengetahuan akademik dan kemahiran teknikal atau *hard skills*, kini penekanan kepada *soft skills* atau kemahiran insaniah juga amat perlu. Dalam dunia global yang amat mencabar, murid perlu dipupuk dan diterapkan kemahiran insaniah agar pencapaian mereka lebih terserlah semasa menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Kita tidak mahu melahirkan generasi Muslim yang tidak atau kurang dilengkapi dengan kemahiran insaniah tetapi hanya berjaya kerana atas usaha menghafal pelajaran akibat daripada sistem pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan.

Selain inovasi idea yang telah diketengahkan di atas, beberapa aktiviti untuk PI yang dijalankan boleh juga dianggap sebagai suatu inovasi. Persekitaran sekolah dianggap menyokong pendidikan adab dan akhlak murid (suatu komponen penting dalam PI) jika terdapat di dalam sekolah peraturan yang jelas tentang tingkah laku. Peraturan serta norma itu pula secara kolektif digubal dan menjadi kepunyaan bersama sekolah dan murid. Murid dikatakan memperolehi kepuasan hasil daripada mematuhi peraturan dan norma persekitaran itu, dan natijahnya, persekitaran itu boleh membentuk adab dan akhlak yang diingini. Persekitaran itu biasanya dikaitkan dengan *komuniti adil*. Dalam persekitaran sebegini, murid berhadapan dengan masalah yang sebenar atau nyata tentang organisasi sosial yang terdapat di dalam sekolah. Dalam konteks Islam sebagai suatu cara hidup, murid membincangkan masalah kumpulan dan membentuk norma yang mengatur kehidupan kumpulan itu. Menerusi proses perbincangan kolektif, murid dan guru mencadangkan dan bersetuju tentang norma bagi tingkah laku.

Seterusnya, kumpulan itu menguatkuasakan kepatuhan dan akhirnya akan berkuranganlah tingkah laku yang batil dan dilarang. Sesungguhnya, banyak kajian telah menunjukkan bahawa pendidikan nilai yang ada impak atas akhlak murid adalah yang menegaskan murid dihormati, menggalakkan penglibatan murid dalam kehidupan sekolah, dan mengharapkan murid bertanggungjawab dengan memberi mereka peluang untuk bertingkah laku sedemikian. Disiplin tidak sentiasa dikenakan, tetapi dalam rangka norma kumpulan yang dikongsi, murid menerima disiplin sebagai sah serta berpatutan dan akan mengubah tingkah lakunya seperti yang dikehendaki.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa persekitaran sekolah hendaklah mengambil kira juga keadaan sebenar di luar sekolah. Senario di luar sekolah menggambarkan masyarakat sedang menghadapi krisis akhlak dan trend budaya remaja agak membimbangkan. Jelasnya, kemerosotan akhlak bukan kes terpencil, bahkan merupakan isu besar yang diakui oleh semua lapisan masyarakat termasuk pimpinan tertinggi negara (Ungku Aziz, 2005). Ringkasnya, boleh dikatakan generasi muda di Malaysia terlibat dengan kepelbagaian salah laku. Salah satu punca penyelewengan akhlak ini ialah keibubapaan yang lemah, dan tradisi keluarga sebagai 'guru' akhlak yang pertama bagi kanak-kanak semakin hilang. Kanak-kanak tidak dapat lagi mempelajari nilai akhlak di rumah.

Persekitaran di luar rumah juga adalah tidak mesra terhadap perkembangan akhlak murid di sekolah. Oleh itu, menurut banyak penyelidik, sekolah hendaklah mewujudkan persekitaran yang berasaskan *komuniti penyayang* dalam menangani keadaan masyarakat di luar sekolah yang 'bermusuhan' dengan perkembangan dan pendidikan akhlak kanak-kanak dan remaja. Sekarang, persoalannya ialah: Adakah guru PI pengasuh yang pengasih? Adakah guru PI peka dengan latar belakang muridnya, keadaan di rumah dan komuniti sekeliling murid itu? Adakah semua guru PI jelas tentang konsep komuniti penyayang dan tahu cara bagaimana mewujudkannya dalam persekitaran sekolah? Adakah kewujudan komuniti penyayang suatu keutamaan di sekolah kita? Banyak literatur tentang komuniti penyayang di sekolah; dan berikut adalah sedikit keterangan tentang komuniti penyayang itu.

Guru seharusnya memainkan peranan sebagai *Murabbi, Muaddib* dan *Mu'allim*. Ia memerlukan kekuatan dalam diri individu sendiri dengan dibantu dan disokong pula oleh masyarakat sekeliling (Asmawati Suhid, 2016). Sesungguhnya, guru PI mengajar adab dan akhlak di dalam kelas, tetapi untuk mewujudkan komuniti penyayang, guru PI hendaklah memberi kasih sayang dan hormat kepada murid, tunjukkan contoh baik, menyokong tingkah laku sosial murid yang positif dan membetulkan tindakan murid yang memudaratkan menerusi bimbingan dan perbincangan. Selain itu, guru perlu mewujudkan komuniti beradab dan berakhlak di dalam kelas dengan membantu murid mengenali antara satu sama lain sebagai insan, hormat dan ambil peduli sesama mereka, dan mereka berasa dihargai dan bertanggungjawab terhadap kumpulan. Ini bertepatan dengan falsafah dan konsep pendidikan menurut perspektif Islam di mana guru seharusnya bertindak sebagai *murabbi, muaddib* dan *mu'allim*. Seperti ditegaskan, 'kecemerlangan guru bergantung kepada keupayaan menghubung dan mempamerkan diri dalam mengamal adab di setiap ketika'.

Komuniti penyayang di dalam kelas dapat juga direalisasikan dengan menggunakan pembelajaran *cooperative* untuk murid menghargai serta dapat melihat perspektif murid lain, dan supaya murid berkebolehan bekerja dengan murid lain untuk mencapai matlamat sepunya. Dalam pembelajaran secara ini, murid yang ditempatkan

dalam kumpulan kecil bertanggungjawab bukan sahaja terhadap pembelajarannya sendiri tetapi juga pembelajaran murid lain dalam kumpulan itu. Ada kajian yang mendapati jenis pembelajaran ini telah menghasilkan akhlak yang positif, murid belajar berkerjasama dengan murid lain dan mereka menunjukkan keprihatinan sesama mereka.

Dalam persekitaran hari ini, mengajar akhlak kepada kanak-kanak adalah sukar walaupun dengan sokongan penjaga; dan kesukaran ini pasti bertambah tanpa sokongan penjaga, lebih-lebih lagi jika peneguhan akhlak yang diajarkan di sekolah tidak berlaku di rumah. Oleh itu, kedua-dua institusi sosial ini, iaitu sekolah dan keluarga mesti bekerjasama dalam usaha sepunya membina akhlak kanak-kanak. Kata orang, “Terendam sama basah, terampai sama kering”.

Ada beberapa cara menjadikan penjaga sebagai rakan kongsi dalam pendidikan anak-anaka. Satu daripadanya ialah, guru PI perlu memastikan konsep pendidikan Islam didedahkan dan difahami oleh pihak penjaga, tetapi ia hendaklah dalam bentuk tingkah laku konkrit. Untuk itu, guru menghantar surat kepada penjaga menerangkan peraturan serta dasar disiplin dan perkara-perkara yang sekolah memerlukan bantuan penjaga. Selain itu, guru hendaklah bantu membentuk kumpulan penyokong dalam kalangan penjaga yang akan kerap bertemu di sekolah atau di rumah dari semasa ke semasa untuk memantau tingkah laku kanak-kanak dengan cara penjaga dapat bantuan penjaga lain. (Sesungguhnya, ada sesetengah penjaga yang tidak pasti apakah peraturan yang sesuai untuk anak-anak mereka.)

Dengan cara ini akan wujud semula komuniti beradab dan berakhlak di sekeliling sekolah. Melibatkan penjaga dalam pelbagai program pendidikan di sekolah adalah satu lagi bentuk pakatan antara guru dengan pihak penjaga. Antara program berkaitan ialah, meminta penjaga berkongsi kepimpinan tentang bagaimana hendak melaksanakan projek; penjaga mengambil bahagian dalam bengkel anjuran sekolah tentang teknik keibubapaan; dan projek menghantar maklumat ke rumah untuk melaporkan aktiviti kelas tentang akhlak anak-anak dan memajukan aktiviti serupa yang boleh dilakukan di rumah.

Pakatan antara guru dengan masyarakat luar tidak terhad kepada pakatan dengan penjaga, tetapi diluaskan kepada media massa, komuniti bisnes, polis dan kumpulan sivik, ras, etnik dan agama untuk mewujudkan suatu konteks budaya yang menyokong usaha sekolah mengembangkan warganegara yang beradab dan berakhlak. Realitinya membentuk pakatan dengan masyarakat luar bukan peranan dan tugas guru PI sahaja. Ia melibatkan semua jentera di pihak sekolah hingga ke Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain usaha mewujudkan ‘komuniti adil-penyayang’ sebagai pendekatan menangani masalah sosial murid, pengajaran dan pembelajaran PI hendaklah mampu menyediakan murid yang dapat menepis penyelewangan akhlak dan mampu mengharungi nilai-nilai luar serta tahan uji terhadap apa jua perkembangan persekitaran. Satu pendekatan yang kreatif hendaklah difikirkan bagi melahirkan murid yang mempunyai jati diri Muslim sejati yang kuat dan mantap mental dan fizikalnya agar tidak mudah terpengaruh dalam apa jua situasi, apalagi persekitaran yang tidak *Islamic*. Namun, kekuatan itu pula tidak akan kukuh seandainya hanya bergantung kepada kekuatan fizikal, malah kekuatan rohani perlu dijadikan asas atau teras kepada pembangunan jati diri murid. Selain itu, usaha mempertingkatkan aktiviti pengajaran

dan pembelajaran berbentuk amalan dan penghayatan dalam kalangan murid dari sudut akhlak dan ibadah mereka perlu dipertingkatkan. Mekanisma yang sedia ada bagi menilai hal ini hendaklah sentiasa dipertingkatkan dan sesuai dengan persekitaran. Murid bukan sahaja dinilai kecemerlangan mereka dari sudut kognitif tetapi juga dari sudut amalan dan penghayatan. Aktiviti seperti ini hendaklah diwajibkan ke atas semua murid di semua sekolah.

## KE ARAH INOVASI PENDIDIKAN ISLAM

Walau apa jua rancangan dan usaha yang dilakukan, ia tidak akan berjaya seandainya guru PI mempunyai perasaan 'sudah puas hati' atau berada dalam 'zon selesa' dengan apa yang ada. Sikap berpuas hati dengan sekadar yang ada merupakan penghalang untuk guru sama-sama berinovasi dan mempertingkatkan PI. Justeru, guru perlu menghayati konsep *lifelong learning* bagi menambah dan mempertingkatkan ilmu dan kemahiran dari semasa ke semasa. Guru juga perlu bijak memilih pendekatan yang bersesuaian kerana ia merupakan salah satu faktor penting bagi menentukan keberkesanan pengajaran guru. (Mohd Aderi Che Noh *et.al*, 2016). Selain itu, guru perlulah sentiasa mengikuti perkembangan ICT dan mempunyai sikap yang positif.

Dalam meningkatkan pencapaian pendidikan berkualiti, penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam menjayakan proses PdP guru dalam bilik darjah. Kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik dalam teknologi pengajaran merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani segera (Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010). Terdapat pelbagai kemahiran PdP yang perlu dikuasai oleh guru PI di abad 21 seperti pembelajaran inkuiri, *hands on learning,* pengajaran berasaskan masalah, dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Ini kerana kurikulum kini tidak hanya menekankan kepada Pembelajaran Berasaskan Kandungan, tetapi menekankan kepada Pembelajaran Berasaskan Standard (Asmawati Suhid & Mohd. Aderi Che Noh, 2016).

Sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya KPM amat mendesak bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan inovasi dalam PI menjadi kenyataan. Janganlah ia hanya tersurat sahaja tetapi tidak dilaksanakan dengan sungguh-sungguh atau sambil lewa. Bagi pihak guru pula, ia perlu dilakukan dengan penuh iltizam dan tanggungjawab demi pembangunan anak bangsa. Sayugia diingatkan bahawa untuk melahirkan murid yang inovatif dan kreatif, guru perlu 'mendahului' sebagai penyuntik semangat kepada muridnya.

Menurut Amirul Mukminin Umar bin Abdul Aziz, "Percakapan yang berbentuk zikrullah adalah baik, tetapi berfikir tentang ciptaan dan nikmat Allah adalah ibadah yang paling afdhal". Menurut Hassan al-Basri pula "Bertafakkur sedetik adalah lebih baik daripada beribadat semalaman (Qiamullail)". Justeru, jelas bahawa Islam menggalakkan umatnya agar berfikir secara kreatif dan kritis seterusnya dapat membawa perubahan dan pembaharuan dalam kehidupan atau tegasnya mencipta inovasi. Allah S.W.T juga menekankan hal ini sebagaimana dalam firmanNya:

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

۞ يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَـٰفِعُ لِلنَّاسِ
وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ وَيَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ ٱلْعَفْوَ ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ
لَكُمُ ٱلْـَٔايَـٰتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksudnya: "*Begitulah Allah menjelaskan keteranganNya kepada kamu supaya kamu fikirkan, hal dunia dan akhirat*"(Surah *al*-Baqarah, ayat 219)

Ringkasnya, inovasi merupakan strategi untuk maju ke hadapan dan tiada noktahnya. Oleh itu, inovasi perlu mapan agar dapat membentuk masa hadapan dan memelihara maruah murid Islam apabila mereka menjadi dewasa seterusnya melahirkan individu *mujaddid ad-Din* Islam. Inovasi hendaklah bermula daripada "dalam", bermula dengan proses pemikiran dan *mindset* setiap individu. Oleh itu, mereka yang terlibat dalam PI di peringkat sekolah hendaklah sentiasa menjalankan kajian dan membaca untuk menambahkan ilmu yang seterusnya akan menghasilkan idea-idea inovatif.

## PENUTUP

Adalah diharapkan bahawa mereka yang diamanahkan untuk mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran PI, telah mengambil kira perbincangan dan cadangan di atas serta pandangan pihak tertentu agar terlaksana proses inovasi yang kreatif. Selain itu, perlu memastikan agar pengajaran dan pembelajaran PI sentiasa seiring atau tidak terkebelakang daripada sistem arus perdana. Transformasi kurikulum PI tidak akan berlaku sekiranya ketiadaan usaha untuk berinovasi dalam kalangan mereka yang bertanggungjawab dan memikul amanah ini. Kesungguhan pelbagai pihak sangat penting bagi memastikan PI mencapai kecemerlangan dari segi material dan spiritual seterusnya melahirkan insan yang berilmu dan berinovasi dalam lingkungan iman dan taqwa kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

Ahmad Munawar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi. 2016. *Akidah dan akhlak dalam Pendidikan Islam.* Johor Bahru, UTM Press.

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The concept of education in Islam. A framework for an Islamic Philosophy of education.* Kuala Lumpur: Muslim Youth Management of Malaysia (ABIM).

Asmawati Suhid. 2005. Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*, 6, 95-103.

Asmawati Suhid dan Abdul Muhsin Ahmad. 2010. Peranan Wanita Dalam Pembangunan Modal Insan. Dalam Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim, *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perspektif Islam*. Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam.

Asmawati Suhid dan Mohd Aderi Che Noh. 2016. *Transformasi kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan: Isu dan cabaran.* Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference of Islamic Education 2016, di Kuching, Sarawak pada 5-7 Oktober 2016.

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

Mohd. Aderi Che Noh, Asmawati Suhid dan Khadijah Abdul Razak. 2016. *Metodologi Pendidikan Islam di era globalisasi.* Kertas kerja yang dibentangkan

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Pembelajaran secara kontekstual.* Kementerian Pelajaran Malaysia.

Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 2010, 53-64.*

Ungku Aziz. 2005. *Usaha capai keperibadian unggul bergantung kepada diri sendiri.* Mingguan Malaysia, Ahad, 15 Mei.

**KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Asmawati Suhid, PhD**
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia
asmawati@upm.edu.my

**Mohd. Aderi Che Noh, PhD**
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
aderi7472@gmail.com

**Abd. Muhsin Ahmad**
Pensyarah Kanan,
Universiti Malaya
amuhsin@um.edu.my

**Khadijah Abdul Razak**
Pensyarah Kanan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
khadijah.razak@ukm.edu.my

# REKOD PENERBITAN JTSS

1. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 1/Jun 2014**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Banting Selangor**

2. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 2/Disember 2014**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

3. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 3/Jun 2015**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Azlan Shah**

4. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 4/Disember 2015**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Banting Selangor**

5. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 5/Jun 2016**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Azlan Shah**

6. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 6/Disember 2015**
   **Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Nilai Negeri Sembilan**

**SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL JTSS 1-6:**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Kebangsaan Malaysia | 15 Artikel |
| 2. | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah | 6 Artikel |
| 3. | Universiti Pendidikan Sultan Idris | 6 Artikel |
| 4. | Politeknik Banting Selangor | 5 Artikel |
| 5. | Politeknik Sultan Idris Shah | 5 Artikel |
| 6. | Politeknik Ungku Omar | 4 Artikel |
| 7. | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 3 Artikel |
| 8. | Universiti Putra Malaysia | 3 Artikel |
| 9. | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Pahang | 2 Artikel |
| 10. | Universiti Teknologi Malaysia | 2 Artikel |
| 11. | Politeknik Nilai Negeri Sembilan | 1 Artikel |
| 12. | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin | 1 Artikel |
| 13. | Politeknik Kota Kinabalu | 1 Artikel |
| 14. | Kolej Komuniti Sabak Bernam | 1 Artikel |
| 15. | Universiti Teknikal Malaysia Melaka | 1 Artikel |
| 16. | Universiti Teknologi Mara Shah Alam | 1 Artikel |
| 17. | Universiti Sains Islam Malaysia | 1 Artikel |
| 18. | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin | 1 Artikel |
| 19. | Universiti Malaysia Kelantan | 1 Artikel |
| 20. | IPGM Kampus Pendidikan Islam Bangi | 1 Artikel |
| 21. | IPGM Kampus Sultan Abdul Halim | 1 Artikel |

TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCE JOURNAL
JURNAL TEKNIKAL & SAINS SOSIAL
BILANGAN 6, JILID 1 DIS 2016 eISSN: 2289-7356

**SENARAI PEWASIT (SEMASA):**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Alias Mat Saat | Politeknik Port Dickson |
| 2. | Dr. Seri Bunian Mokhtar | Politeknik Ungku Omar |
| 3. | Dr. Mohd Zuhir Abd Rahman | Politeknik Nilai Negeri Sembilan |
| 4. | Eng. Dr. Hj. Zunuwanas Mohamad | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 5. | Dr. Rokimah Mohamad | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 6. | Dr. Abu Zarrin Selamat | Politeknik Sultan Idris Shah |
| 7. | Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib | Politeknik Banting Selangor |
| 8. | Dr. Kamaru Salam Yusof | Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei |
| 9. | PM. Dr. Asmawati Suhid | Universiti Putra Malaysia |
| 10. | PM. Dr. Ahmad Tarmizi Talib | Universiti Putra Malaysia |
| 11. | PM. Dr.Roselina Karim | Universiti Putra Malaysia |
| 12. | PM. Dr. Hamidah Yamat | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 13. | Dr. Azizi Umar | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 14. | Dr. Nasruddin Yunos | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 15. | PM. Dr. Mohd Aderi Che Noh | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 16. | PM. Dr. Ahmad Munawar Ismail | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 17. | Dr. Hamdi Ishak | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 18. | PM. Dr. Latifah Abdul Majid | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 19. | PM. Dr. Kamaruzzaman Abd Ghani | Universiti Malaysia Kelantan |
| 20. | Dr. Md. Ashlyzan Razik | Universiti Malaysia Kelantan |
| 21. | Dr. Noor Hisham Md Nawi | Universiti Malaysia Kelantan |
| 22. | PM. Dr. Azmil Hashim | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 23. | Dr. Ahmad Yunus Kasim | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 24. | Dr Mazdi Marzuki | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 25. | Dr. Mohd Ahadlin Mohd Daud | Universiti Teknikal Malaysia Melaka |
| 26. | Dr. Bani Hidayat Mohd Shafie | IPG Kampus Pend. Islam Bangi |
| 27. | Dr. Abdul Aziz Mahayudin | IPG Kampus Pend. Islam Bangi |
| 28. | Dr. Noraini Omar | IPG Kampus Tun Abdul Razak |
| 29. | Dr. Muhammad Nordin | IPG Kampus Teknik Enstek |
| 30. | Dr. Azhar Ahmad | JAPIM Cyberjaya |
| 31. | Dr. Nur Hanani Hussin | JAPIM Cyberjaya |
| 32. | Dr. Norhannan Ramli | JAPIM Cyberjaya |
| 33. | Dr. Kamariah Yusof | Universiti Teknologi Mara Shah Alam |
| 34. | Dr. Norhapizah Mohd Burhan | Universiti Teknologi Mara Jengka |
| 35. | PM. Dr. Jimaain Safar | Universiti Teknologi Malaysia Skudai |
| 36. | Dr. Noornajihan Jaafar | Universiti Sains Islam Malaysia |
| 37. | Dr. Nurul Asiah Fasehah Muhamad | Universiti Sains Islam Malaysia |
| 38. | Dr. Hairol Mak Din | Kolej Uni. Islam A/Bangsa Selangor |
| 39. | Dr. Zetty Nurzuliana Rashed | Kolej Uni. Islam A/Bangsa Selangor |
| 40. | Dr. Mohd. Sabri Mamat | MRSM Serting |
| 41. | Dr. Roselina Karim | Universiti Putra Malaysia |
| 42. | Dr. Nor Zanariah Talib | Universiti Malaya |
| 43. | Dr Hasanuldin Mohd | Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin |
| 44. | Dr. Mariah Awang | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |

eISSN 2289-7356

9 772289 735003 >

POLITEKNIK MALAYSIA

Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial ©